FYP FTKW

# PENCIPTAAN LIRIK DAN MELODI LIRIK LAGU MELAYU MENERUSI NARATIF LISAN: PENELITIAN TERHADAP NILAI-NILAI MURNI SUATU PENGEMBLENGAN TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

MOHAMAD AIMAN KHUZAIRIE BIN MAHAZIR

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

FYP FTKW

# PENCIPTAAN LIRIK DAN MELODI LIRIK LAGU MELAYU MENERUSI NARATIF LISAN: PENELITIAN TERHADAP NILAI-NILAI MURNI SUATU PENGEMBLENGAN TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

MOHAMAD AIMAN KHUZAIRIE BIN MAHAZIR

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

FYP FTKW

# PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana- mana universiti atau institusi.

| | | |
|---|---|---|
| ☑ | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) |
| ☐ | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah<br><br>Dari tarikh…..sehingga….. |
| ☐ | SULIT | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972) |
| ☐ | TERHAD | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

| | |
|---|---|
| ____________________ | ____________________ |
| Tandatangan | Tandatangan Penyelia |
| Mohammad Aiman Khuzairie Bin Mahazir<br>C20A1036<br>Tarikh: / / 2024 | Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob<br>Tarikh: / / 2024 |

## PENGHARGAAN

"Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Dan Maha Penyayang"

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Pertama sekali dengan rendah diri saya ingin memanjat kesyukuran ke hadrat ilahi kerana dengan izin-Nya kerana diberi kesempatan untuk masih menikmati limpah rahmat-Nya, Alhamdulillah dengan keizinannya maka dengan ini kajian yang telah dilakukan oleh saya dapat disempurnakan dengan jayanya. In sha-Allah, dengan adanya kajian ini ianya dapat memberikan manfaat kepada diri saya dan juga masyarakatdari segi perkongsian ilmu pengetahuan.

Saya Mohamad Aiman Khuzairie Bin Mahazir dengan sukacita ingin mengucapkan ribuan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia tesis saya iaitu Dr.Mohd Firdaus Bin Che Yaacob yang telah banyak memberikan bimbingan serta sentiasa berkongsi ilmu sejak kajian ini bermula sehinggalah kajian ini dapat diselesaikan dengan jayanya. Selain itu juga, ribuan terima kasih diucapkan kerana tidak pernah jemu dalam memberi sokongan dan dorongan moral serta mempercayai akan keupayaan saya dalam menjalankan kajian ini.

Selain itu juga tidak saya lupakan rasa kesyukuran atas kurniaan insan yang istimewa iaitu ibu dan ayah saya yang hebat kerana di samping sentiasa menyokong dari sudut fizikal serta mental sepanjang menjayakan kajian ini. Jutaan terima kasih juga kepada rakan setia di sisi dengan memberi semangat dan segala jasa yang dihulurkan oleh semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung amat saya hargai dan semoga Allah SWT membalas jasa kalian dengan sebaik-baik balasan. Saya berharap penghargaan ini menjadi motivasi dan pendorong bagi saya untuk terus mengembangkan penelitiannya dan memberikan dampak yang lebih besar lagi.

Mohamad Aiman Khuzairie Bin Mahazir,
No 221, Lorong Hala Zamrud 2,
Taman Desa Maju Perak,
36700, Langkap Perak.
01129866164
Emel: c20a1036@siswa.umk.edu.my



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

ISI KANDUNGAN


| Bil | | Halaman |
|---|---|---|
| PENGESAHAN TESIS | | i |
| PERHARGAAN | | ii |
| ISI KANDUNGAN | | iii |
| SENARAI JADUAL | | v |
| SENARAI CARTA | | vi |
| SENARAI RAJAH | | vi |
| ABSTRAK | | vii |
| BAB 1 | PENDAHULUAN | |
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Penyatan Masalah | 4 |
| 1.3 | Persoalan Kajian | 8 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 9 |
| 1.5 | Batasan Kajian | 10 |
| 1.6 | Kepentingan kajian | 15 |
| 1.7 | Difinisi Operasional | 16 |
| | 1.7.1 Melodi | 17 |
| | 1.7.2 Naratif Lisan | 18 |
| | 1.7.3 Lirik Lagu | 19 |
| | 1.7.4 Nilai Murni | 20 |
| | 1.7.5 Teori Pengkaedahan Melayu | 21 |
| 1.8 | Organisasi Kajian | 22 |
| 1.9 | Penutup | 24 |
| BAB 2 | SOROTAN KAJIAN LEPAS | 25 |
| 2.1 | Pengenalan | 25 |
| 2.2 | Pengkajian Terhadap Naratif lisan Di Malaysia | 28 |
| 2.3 | Pengkajian Terhadap Lirik lagu Di Malaysia | 43 |
| 2.4 | Pengkajian Terhadap Teori Pengkaedahan Melayu | 52 |
| 2.5 | Penutup | 68 |
| BAB 3 | METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 | Pengenalan | 69 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 69 |
| 3.3 | Kaedah Kajian | 70 |
| | 3.3.1 Kaedah Kepustakaan | 70 |
| | 3.3.2 Rujukan Teks | 71 |
| 3.4 | Teori Pengkaedahan Melayu | 71 |
| | 3.4.1 Pengkaedahan Alamiah | 72 |
| | 3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan | 75 |
| 3.5 | Kerangka Konseptual | 78 |
| 3.6 | Penutup | 79 |




FYP FTKW

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN
4.1 Pengenalan 80
4.2 Nilai Baik Hati 80
4.2.1 Belas Kasihan 81
4.2.2 Keadilan 86
4.2.3 Bantu Membantu 89
4.3 Nilai Berdikari 94
4.3.1 Meneruskan Hidup 95
4.3.2 Dalam Kehidupan 96
4.4 Nilai Bijaksana 99
4.4.1 Tipu Helah 100
4.5 Nilai Hemah tinggi 102
4.5.1 Sopan Santun 103
4.5.2 Beramah Mesra 104
4.6 Nilai Kerajinan 106
4.6.1 Sikap Berusaha 107
4.6.2 Sikap Kegigihan 110
4.7 Nilai Kebebasan 112
4.7.1 Kebebasan Bersuara 112
4.8 Nilai Kasih Sayang 114
4.8.1 Cinta Kekeluargaan 114
4.8.2 Cintakan Negara 116
4.9 Nilai Kejujuran 117
4.9.1 Sikap Keikhlasan 117
4.10 Nilai Hormat Menghormati 119
4.10.1 Menerusi Jasa 120
4.11 Nilai Merendah Diri 121
4.11.1 Sikap Pertuturan 122
4.12 Kesimpulan 124

BAB 5 KESIMPULAN
5.1 Pengenalan 125
5.2 Rumusan 125
5.3 Cadangan 128
5.4 Penutup 132

BLIOGRAFI 133
BIODATA PENULIS 134

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

SENARAI JADUAL HALAMAN


Jadual 1.5: Senarai Tajuk Lagu Dan Naratif Lisan 10



FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

SENARAI CARTA HALAMAN


| | | |
|---|---|---|
| Carta 1: | Jenis Perkeaedahan Melayu | 67 |
| Carta 2: | Pengkaedahan Alamiah | 68 |
| Carta 3: | Jenis Pengkaedahan Keagamaan | 71 |


FYP FTKW

FYP FTKW

PENCIPTAAN LIRIK DAN MELODI LIRIK LAGU MELAYU MENERUSI NARATIF LISAN: PENELITIAN TERHADAP NILAI-NILAI MURNI SUATU PENGEMBLENGAN TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

## ABSTRAK

Naratif lisan merupakan salah satu corak perkembangan dalam dunia sastera Melayu tradisional yang sewajarnya dimartabatkan ke dalam penyelidikan terkini. Oleh itu, naratif lisan merupakan khazanah warisan bangsa masyarakat Melayu yang sangat bernilai dan bersifat hiburan, didaktif, kritikan serta disampaikan dalam kalangan meraka. Lantaran itu, masyarakat Melayu yang menetap di kawasan kampung atau desa amat akrab dengan komunikasi dua hala di antara penglipurlara. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilaksanakan kerana untuk merungkai segala nilai murni yang terdapat di dalam setiap naratif lisan orang Melayu terdahulu. Rentetan itu, kajian ini telah menggunakan buku *Naratif Lisan Di Pengkalan Datu, Kelantan* sebagai sumber utama dalam metranskripsikan naratif lisan ke dalam bentuk lirik lirik lagu dan nilai-nilai murni yang terkandungi menerusi naratif lisan tersebut. Kajian ini dilaksanakan atas dasar sebab pengkaji telah melihat kelompongan menerusi kepada kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh para sarjana yang lepas. Objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti nilai-nilai murni yang terkandung dalam lirik lirik lagu Melayu dan melodi terhadap Naratif Lisan dan menganalis nilai-nilai murni yang terkandung dalam lirik lirik lagu Melayu yang terkandung dalam penciptaan lirik lagu Melayu dan melodi terhadap Naratif Lisan. Kajian ini bersifat kualitatif yang berpaksikan kepada kaedah kepustakaan dan teks serta teori Pengkaedahan Melayu  oleh Hashim Awang 1989 telah dijadikan sebagai diduktif kajian agar analisis kajian dapat dibahaskan secara terperinci. Hasil dapatan kajian ini telah membuktikan bahawasanya lirik dan melodi yang terkandung menerusi penciptaanya kaya dengan aspek nilai-nilai murni yang dapat membentuk prilaku dan sahsiah

**Kata Kunci:** Cerita Rakyat, Nilai Murni, Teori Pengkaedahan Melayu Teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

CREATION OF LYRICS AND MELODIES OF MALAY FOLK SONGS THROUGH ORAL NARRATIVES: A RESEARCH ON PURE VALUES AN EXPLANATION OF MALAY METHODOLOGY THEORY

FYP FTKW

## ABSTRACT

Oral narrative is one of the patterns of development in the world of traditional Malay literature that should be dignified into the latest research. Therefore, the oral narrative is a treasure of the Malay community's national heritage that is very valuable and is entertainment, activated, criticized and passed on among them. Because of that, the Malay community living in villages or villages is very familiar with two-way communication between penglipurlara. Therefore, this study was carried out to unravel all the pure values found in every oral narrative of the previous Malays. In line with that, this study has used the book *Naratif Lisan Di Pengkalan Datu, Kelantan* as the main source in transcribing the oral narrative into the form of folk song lyrics and the noble values contained through the oral narrative. This study was carried out on the basis that the researcher has seen the gap through the studies that have been carried out by previous scholars. The objective of this study is to identify the pure values contained in Malay folk song lyrics and melodies to Oral Narrative and analyze the pure values contained in Malay folk song lyrics contained in the creation of Malay song lyrics and melodies to Oral Narrative. This study is qualitative based on library and text methods and the theory of Pengkaedahan Malay by Hashim Awang 1989 has been used as a deductive study so that the analysis of the study can be debated in detail. The results of this study have proven that the lyrics and melodies contained through its creation are rich in aspects of pure values that can shape behavior and personality.

**Keywords:** Folklore, Pure Values, Theory of Malay Methodology of Oral Narrative Texts in the Pengkalan Datu River Basin, Kelantan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.0 Pengenalan

Naratif lisan merupakan warisan dan juga khazanah masyarakat Melayu yang begitu berharga serta sewajarnya di dokumentasikan dalam persada ketamadunan masyarakat hari ini Firdaus Che Yaacob (2018). Hal ini terjadi sedemikian kerana, ia juga dianggap menyerupai satu alat kepada masyarakat untuk mendalami dan juga mengetahui mengenai sesuatu kebudayaan, sejarah bagi sesuatu kehidupan bangsa dan juga mengenai seluruh adat resam. Sementara itu juga, naratif lisan adalah merupakan satu bentuk di mana perkembangan yang tercetus dan dicipta oleh masyarakat melayu dahulu kerana hal ini dianggap budaya masyarakat Melayu pada dahulu kala dalam mengamalkan pelbagai adat resam termasuk adat berpantang larang. Pada zaman di mana nenek moyang kita hidup dahulu prinsip kehidupan yang dikatakan pada zaman tersebut adalah merupakan sebagai satu titik permulaan dalam mengapai apa-apa kejayaan. Oleh itu, setiap penceritaan yang wujud di dalam dunia ini kerana ia lebih mudah disampaikan melalui mulut berbanding dengan membaca.

Selain daripada itu, naratif lisan adalah sebuah tajuk yang menjadi topik perbincangan dalam sesuatu perkara Aripin Said (1996). Penyebaran naratif lisan sangat berkembang semakin hari, dengan itu sekali gus dapat menarik minat golongan kanak-kanak dalam membaca dan mendengar. Hal ini telah dapat dibuktikan bahawa betapa menariknya sesebuah naratif lisan kerana cara penyampaian tersebut melalui satu sindiran atau jenaka. Dengan pelbagai unsur kelucuan yang terkandung dalam naratif lisan maka kanak-kanak akan mula tertarik dengan melihat akan cerita rayat.

FYP FTKW

Seterusnya, lirik lagu yang hadir pada zaman dulu kala dicetuskan oleh penglipur lara yang hingga ke saat kini digelar sebagai penglipur lara atau tukang cerita yang menyampaikan pelbagai cerita-cerita rakyat. Namun terdapat segelintir penyanyi lagu-lagu ini yang hanya menyanyikan lagu lagu tersebut dan penyanyi itu akan dianggap sebagai seorang yang profesional pada waktu itu. Menurut pandangan Aripin Said (2006) lirik lagu yang wujud sekian lamanya pada zaman dulu yang dinyanyikan oleh masyarakat setempat pada zaman itu adalah bukan untuk sekadar suka-suka atau bukan sekadar untuk hiburan semata-mata tetapi juga lebih kepada mendidik masyarakat dari pelbagai peringkat umur untuk menjadi seorang insan yang berguna di masa akan datang.

Dalam lirik lagu ini terdapat pelbagai elemen yang membuatkan ia menjadi sebuah lagu agar dapat direalisasikannya dengan kewujudan seni kata yang terdapat didalamnya. Melodi menjadi salah satu elemen pengukuhan bagi sesebuah lagu kerana ia merujuk kepada urutan bunyi yang dihasilkan secara berurutan dan mempunyai harmoni serta struktur yang teratur. Hal yang demikian adalah penting dalam konteks muzik untuk membentuk asas melodi, dan menyerlahkan corak bunyi yang membentuk gubahan muzik Green (2004). Rentetan itu, melodi melibatkan susunan not yang dipilih dengan teliti dan susunan berirama yang memberikan impak melalui aliran bunyi yang berkesan dan menarik. Kewujudan melodi sangat penting dalam pembentukan lagu atau karya muzik dalam memberikan identiti dan suasana tersendiri yang memperkayakan pengalaman para pendegar.

Dalam lirik lirik lagu ini semestinya bahasa yang digunakan dalam lagu tersebut merangkumi hal-hal yang membawa kepada nasihat, tunjuk ajar, kisah tauladan dan pelbagai lagi yang menuju kearah positif. Dalam sesebuah lagu juga terdapat beberapa komponen yang sangat penting untuk mentafsir mutu sesebuah lagu iaitu adalah dengan seni kata. Hal ini menyebabkan ia dapat mencungkil sesebuah lagu agar diingati dan didengari walaupun



FYP FTKW

sudah berkurun lamanya karya tersebut telah dihasilkan. Justeru itu, apa yang boleh diperkatakan adalah negara kita adalah salah satu negara yang merupakan negara kaya mengenai pelbagai adat, alam seni serta pelbagai lagi yang sangat menarik untuk dikaji. Namun pada masa kini apa yang dapat lihat hakikat yang sangat jelas dengan masyarakat kita tentang mengenai sosio budaya yang memberikan jaminan dalam pelbagai unsur seni agar dapat dikembangkan di masa yang mendatang terutamanya kesenian Melayu.

Oleh itu, pada permulaan mengenai bahagian pengenalan ini pengkaji akan menumpukan pada kajian dalam transkripsikan naratif lisan ke dalam bentuk lirik lagu dengan teks yang diambil dari sebuah buku yang berjudul *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Selain itu, dengan tinjauan yang dilakukan dalam sorotan kajian lepas kajian ini masih kurang dikaji oleh para sarjana lepas. Maka dengan itu, kaedah dalam menyampaikan sesebuah naratif lisan dengan melalui teks Seuntaian Naratif Lisan Di Sungai Pengkalan Datu, Kelantan ke menerusi sebuah bentuk lirik lagu adalah merupakan sesuatu perkara yang baharu dan unik apabila didengari masyarakat. Wal hal, pengkaji beranggapan bahawa ini adalah sangat baik dijalankan dengan atas beberapa faktor yang menuju kearah positif sekaligus dapat memberikan sebuah gambaran melalui lirik lagu yang dicipta sendiri. Akhir kata secara tuntasnya, dengan kajian ini akan dapat memberikan impak yang mendorong para masyarakat kearah yang begitu baik.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1.2 Penyataan Masalah

Setiap kali kajian bermula semestinya akan menghadapi beberapa kesukaran atau dikenali sebagai Problem Statement yang akan dihadapi dalam mana-mana kajian untuk membuktikan kebenarannya sama ada benar atau salah. Menurut Norhayati Mahyuddin, (2017) penyataan masalah tidak hanya untuk memberi sesuatu pilihan jawapan dalam masalah namun ia merangkumi kepada menyeluruh untuk menilai perkara yang benar atau salah.

Secara umumnya, Kelantan adalah merupakan salah satu negeri yang mempunyai pelbagai sejarah dan adat serta dengan lagu namun ia tidak diketahui segelintir umum. Dalam kajian ini pengkaji akan mengenal pasti nilai-nilai murni yang terkandung dalam penciptaan lirik lagu Melayu dan melodi terhadap naratif lisan. Sedemikian itu, naratif lisan sememangnya dicipta atau dihasilkan dengan mempunyai tujuan iaitu memberi panduan dan teladan dan juga pengajaran bagi semua kelompok masyarakat. Oleh itu, pengkaji telah melakukan satu penilitian terhadap kajian mahupun artikel lepas untuk dijadikan panduan dalam kajian agar mengetahui pernyataan masalah secara tepat dan tulus. Jelaslah bahawa hal ini dikatakan kerana pengkaji mendapati artikel dan kajian lepas lebih kearah kepada konteks nilai-nilai murni dalam naratif lisan dan lagu rakyat.

Kajian mengenai naratif lisan dan lirik lirik lagu Melayu dan melodi terhadap Naratif Lisan ini seharusnya nampak telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji pada sebelum ini salah satu pengkajinya adalah Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dengan penulisan ilmiah beliau mengenai Nilai-Nilai Kemanusian Dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmillah dan satu lagi kajian beliau adalah mengenai Nilai-Nilai Islam Dan Pembentukan Akhlak Dalam Naratif lisan Melayu. Kajian yang dilakukan oleh beliau bermula daripada tahun 2015 hingga 2021. Sebagai contoh kajian yang dikaji sekitar tahun tersebut iaitu seperti Nilai Baik Hati Menerusi



FYP FTKW

Naratif lisan Melayu Terhadap Masyarakat Melayu.Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) telah menfokuskan nilai-nilai murni.Masyarakat Melayu Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) telah menfokuskan nilai-nilai murni.

Seterusnya, menerusi Aripin Said dalam teks Nyanyian Rakyat : Mencari Khazanah Yang Hilang (2004). Dalam kajian tersebut menyatakan bahawa setiap lagu yang dinyanyikan oleh seluruh masyarakat tanpa mengira peringkat umur pada zaman dahulu majoritinya adalah bukan sekadar untuk menghiburkan masyarakat yang lain tetapi lebih kepada untuk mendidik sesebuah masyarakat agar ia dapat mempelajari sesuatu perkara. Seterusnya Aripin Said, “ Mencari Khazanah Yang Hilang (2006) dalam kajian tersebut dapat dikatakan masyarakat pada zaman kini terlalu kurang mengambil berat mengenai kewujudan lagu-lirik lagu yang terdapat di negara dengan dipenuhi pelbagai sejarah serta budaya.

Oleh itu, berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob telah membuktikan bahawa kajian tersebut befokuskan terhadap penelitian elemen-elemen nilai murni yang terkandung di dalam setiap naratif lisan agar dapat dijadikan sebagai pendoman kehidupan. Malahan juga, tujuan lain kajian ini adalah untuk merungkai segala nilai murni yang terdapat di dalam setiap naratif lisan untuk dibawa ke arah yang lebih memberi nilai tambah dalam pengkajian sastera supaya kajian ini akan dapat peluang kepada para sarjana di masa akan datang dapat melakukan perubahan terhadap transkripsi naratif lisan ke dalam bentuk lirik lagu.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Golongan belia pada era kini sangat cenderung ke arah yang kurang memuaskan dalam untuk melihat buku-buku yang ada. Hal ini dikatakan demikian kerana peredaran masa adalah salah satu faktor yang menyebabkan kurang menarik minat golongan muda terhadap membaca buku dan telah mendorong pemahaman mengenai tradisional terdahulu seperti naratif lisan dan juga lirik lagu dipandang lebih rendah oleh golongan muda. Pandangan yang diberikan oleh Muhd Taib Osman pada tahun (1977) beliau telah memberi bayangan mengenai kajiannya terhadap pendokumentasian mengenai cerita lisan dimana kurang mendapat perhatian oleh generasi kini disebabkan kemodenan teknologi dari masa ke semasa. Hal ini kita dapat lihat bahawa media sosial lebih mendapat perhatian daripada golongan anak muda pada masa kini dan membuatkan generasi ini mudah terikut-ikut dengan budaya yang dibawa dari negara luar.

Oleh itu, satu kajian berdasarkan sebuah buku *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* telah dilakukan. Sehubungan itu, tercetus apabila pengkaji ingin membuat penelitian terhadap pengkajian cerita-cerita lisan di dalam Malaysia telah membuktikan bahawa kajian transkripsi naratif lisan dalam bentuk lirik lagu kurang dilakukan lagi. Oleh sebab itu, kajian ini akan dimanfaatkan serta dapat diberikan kepada semua golongan anak muda tanpa mengira bangsa agar dapat memahami keunikan sesebuah lagu tradisional dan juga lirik tersebut yang di ambil menerusi teks yang dikaji laitu teks dari buku yang sangat terkenal iaitu *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.*



FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Kesimpulannya, secara keseluruhan lirik lagu telah membawa banyak kepentingan kepada masyarakat setempat dan tidak dapat disangkal lagi terhadap kepertikaianya adalah sangat wajar digunakan dalam memberikan sebuah inspirasi dan juga kelembutan jiwa kepada masyarakat. Walaupun kita kini berada dalam zaman Teknologi Maklumat namun, jika ada usaha untuk memberikan tempat kepadanya nyanyian rakyat yang dimaksudkan ini pasti khazanah seni kita bertambah makmur dalam memberikan semacam asuhan budi kepada khalayaknya.

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian secara amnya adalah dikemukakan sebagai soalan agar ia lebih fokus kepada penyelidikan. Antara adalah merupakan dua persoalan yang dikemukan dalam penyelidikan ini:

1.3.1 Apakah nilai-nilai murni yang terkandung dalam penciptaan lirik lagu Melayu dan melodi terhadap Naratif Lisan ?

1.3.2 Bagaimanakah nilai-nilai murni yang terkandung yang terkandung dalam penciptaan lirik lagu Melayu dan melodi terhadap Naratif Lisan ?

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 1.4 Objektif Kajian

Tujuan utama objektif kajian ini adalah untuk melihat pendedahan pada cerita rakyat. Maka disini akan dijelaskan dua objektif iaitu :

1.4.1 Mengenal pasti nilai-nilai murni yang terkandung dalam penciptaan lirik lagu Melayu dan melodi terhadap Naratif Lisan.

1.4.2 Menganalis nilai-nilai murni yang terkandung dalam penciptaan lirik lagu Melayu dan melodi terhadap Naratif Lisan.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 1.5 Batasan Kajian

Setiap kali penulisan ilmiah ini dihasilkan, terdapat beberapa kajian yang sukar digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakanya. Kajian ini secara terus memberi fokus sepenuhnya kepada genre naratif lisan dimana pengkaji akan memilih sebuah buku cerita rakyat. Buku naratif lisan dimaksudkan tersebut berjudul *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Sehubungan itu, Mohd Firdaus Che Yaacob adalah merupakan seorang penulis dan penyunting bagi buku tersebut. Beliau adalah seorang yang berpengalaman dalam penulisan karya kerana kesusasteraan melayu adalah sememangnya bidang kepakaran beliau .

Buku *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini diterbitkan oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Mesbah Sdn Bhd diberi tanggungjawab dalam mencetak buku tersebut. Buku tersebut telah mengandungi 100 halaman muka surat yang telah bercetak dan juga terdapat 4 bab naratif lisan yang terkandung di dalamnya dimana setiap bab tersebut mempunyai berlainan topik cerita dan jumlah keseluruhan cerita yang terdapat dalam buku itu adalah sebanyak 52 cerita rakyat. Buku ini adalah merupakan edisi kedua yang dicetak buat kali keduanya pada tahun 2021 dan buku ini juga telah digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian penyelidikan ini.

Seterusnya, buku ini adalah sebuah buku yang sangat tinggi nilainya kepada masyarakat kerana ia kaya dengan aspek nilai murni yang mengandungi sebuah pesanan nasihat yang positif di setiap jenis naratif lisan yang ada di dalam buku ini jika ia dihayati serta didalami sepenuh jiwa dan raga. Dalam pada itu juga pesanan tersebut boleh dijadikan sebagai sebuah pegangan kehidupan dan memberikan kesedaran kepada masyarakat kerana setiap naratif lisan mempunyai nilai murninya yang akan mencerminkan kembali kepada diri



FYP FTKW

kita agar kita sentiasa beringat akan mesej yang ingin disampaikan dalam hidup.

Dengan pemilihan buku ini ia akan memberikan banyak manfaat kepada pengkaji kerana terdapat beberapa alasan yg menjadikan sesuatu wajar dilakukan atau diberikan yang membuatkan pengkaji ingin menjadikan buku tersebut sebagai panduan atau sumber rujukan yang paling utama. Buku ini juga mempunyai struktur dalaman yang sangat baik dan bagus kerana kandunganya dari muka surat awal hingga ke akhir muka surat adalah sangat-sangat teratur dan tersusun rapi kedudukanya. Oleh itu, menerusi naratif lisan yang terdapat di dalam buku tersebut pengkaji telah memilih 20 naratif lisan dari pelbagai bab untuk dijadikan sebagai penciptaan lirik lagu Melayu dan melodi terhadap Naratif Lisan. Antaranya ialah :-

| Bil | Tajuk Lirik lagu Melayu | Kategori Lagu Rakyat |
|---|---|---|
| 1 | Lirik Lagu Kota Jembal | Asal Usul |
| 2 | Lirik Lagu Kain Sutera Cina | Asal Usul |
| 3 | Lirik Lagu Simbolik rebana | Asal Usul |
| 4 | Lirik Lagu Lipat Sanggul Petempatan Resedin Britsh | Asal Usul |
| 5 | Lirik Lagu Musibah Di Kampung Pulau Gajah | Asal Usul |
| 6 | Lirik Lagu Rumah Api Penyelamat Saudagar | Asal Usul |
| 7 | Lirik Lagu Kegemilangan Pengkalan Datu | Asal Usul |
| 8 | Lirik Lagu Asal Usul Datu | Asal Usul |
| 9 | Lirik Lagu Keasyikan Suara Buluh Perindu | Asal Usul |
| 10 | Lirik Lagu Asal Usul Wakaf Aik | Asal Usul |
| 11 | Lirik Lagu Asal Usul Kampung Babong | Asal Usul |
| 12 | Lirik Lagu Disorok Jin | Mistik |
| 13 | Lirik Lagu Milik Siapakah Saka Itu | Mistik |
| 14 | Lirik Lagu Jelmaan Mok Kurus | MIstik |
| 15 | Lirik Lagu Tokoh Perindu | Tokoh |
| 16 | Lirik Lagu Kezaliman Seorang Raja | Tokoh |
| 17 | Lirik Lagu Che Deraman | Tokoh |
| 18 | Lirik Lagu Keajaiban Si Kera Putih | Binatang |
| 19 | Lirik Lagu Kisah Sekumpulan Tupai | Binatang |
| 20 | Lirik Lagu Kebijaksaan Burung Hantu | Binatang |

Jadual 1.5 : Senarai Tajuk Lirik Lagu Rakyat



FYP FTKW

Pelbagai jenis naratif lisan yang menarik dan bertauladan kepada masyarakat yang terkandung dalam buku ini. Hal ini adalah bersesuaian dan menarik kepada semua pembaca untuk di baca sewaktu ada kelapangan. Kekayaan nilai murni yang terkandung di dalam mana- mana naratif lisan dapat digambarkan dalam kehidupan seharian kita dengan cerita rakyat. Dengan pelbagai jenis naratif lisan yang ada di dalam negara akan memberikan serba sedikit akan mempengaruhi minda masyarakat dengan memberikan pengetahuan ilmu kepada pembaca. Hal ini wujud kerana dengan melalui pembacaan sesebuah naratif lisan ia akan membuatkan seseorang pembaca mengetahui indentiti seperti asal usul nama sebuah tempat itu terhasil. Teori Pengkaedahan Melayu adalah salah satu alat yang mampu mengaplikasikan nilai- nilai murni terhadap penciptaan lirik lagu Melayu dan melodi terhadap naratif lisan. Teori ini dapat dipecahkan dua bahagian antaranya pengkaedahan alamiah dan keagamaan. Oleh itu dengan sekali gus, dapat memberikan jalan yang lurus agar pengkaji dapat membuat kajian dengan lebih sempurna serta bersistematik.

Teori Pengkaedahan Melayu dipilih untuk diterapkan kedalam kajian ini kerana ia adalah sebagai deduktif pada kajian ini agar bagi memastikan kajian ini menjadi lebih mantap dalam setiap analisis dan juga teori ini adalah merupakan sebuah teori tempatan dalam dapatan kajian. Rentetan daripada itu pengkaji menggunakan satu kaedah bagi mencapai matlamat yang digariskan iaitu kaedah kualitatif dimana ia merupakan kaedah kepustakaan dan teks sekali gus memastikan mengaplikasikan teori ini dalam kajian. Hashim Awang merupakan pengasas kepada teori Pengkaedahan Melayu yang telah digagaskan pada tahun 1989. Hal ini terjadi kerana teori ini berlandaskan secara menyeluruh yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia seperti sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat dalam masyarakat Melayu yang melahirkan karya sendiri. Dengan keadaan sedemikian,

FYP FTKW

teori sastera ini dapat memperlihatkan sesebuah idea yang dapat dilontarkan dengan fikiran pengarang yang telah diasaskan prinsip kehidupan masyarakat.

Sehubungan itu, dalam generasi zaman kini, minat terhadap membaca buku-buku tambahan, terutama yang berkaitan dengan sejarah atau kisah-kisah naratif lisan zaman dahulu, dapat dilihat adalah sangatlah kurang untuk digemari oleh golongan muda dan belia. Bahasa yang digunakan pada masa dulu juga berbeza dari segi pelbagai aspek dengan bahasa yang digunakan pada masa kini. Oleh itu, dengan mengubah gaya lirik lirik lagu Melayu dan melodi terhadap Naratif Lisan, ini akan memberikan sedikit sebanyak untuk memudahkan masyarakat dalam memahami sejarah masa dahulu tanpa perlu membaca atau membuka buku. Satu kepentingan lain dalam kajian ini adalah keaslian lirik-lirik lagu yang dicipta melalui teks yang diambil dari buku *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dapat ditunjukkan secara sekaligus dan sekali gus akan menarik minat golongan belia.

Maka dengan itu, keaslian lirik lagu yang telah dihasilkan oleh pengkaji merupakan sesuatu perkara yang sangat penting kerana setiap patah perkataan yang dinyatakan dalam lirik tersebut mahupun dinyanyikan seharusnya mempunyai maksud yang tersendiri. Hal ini ianya dapat memastikan penyampaian yang diberikan kepada khalayak masyarakat akan disampaikan secara jelas apabila khalayak masyarakat mendengarnya. Oleh sebab itu, pengkaji dan juga merupakan pencipta bagi sesebuah lirik lagu seharusnya membuat satu pengaturan bagi setiap patah perkataan agar ianya menjadi lebih terpesona dapat didengari secara terus ke hati ketika ia dimainkan mahupun dinyanyikan.



FYP FTKW

Akhir sekali, kajian ini adalah amat penting bagi diri penyelidik di mana segala apa yang dibentangkan atau dipaparkan dalam setiap naratif lisan Melayu ianya mampu diteliti dengan lebih mendalam agar dapat dimanfaatkan untuk membentuk jati diri sebagai masyarakat Melayu.

FYP FTKW

## 1.6 Kepentingan Kajian

Pelbagai manfaat yang diperolehi pada semua pihak apabila kajian tersebut dijalankan antaranya negara, masyarakat dan penyelidikan walaupun penglibatan mereka secara tidak langsung mahupun secara langsung. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai murni yang terdapat di setiap lirik lirik lagu dan melodi terhadap Naratif Lisan akan dapat meningkatkan kesedaran pada setiap masyarakat yang mendengarnya. Pertama sekali dengan adanya penyelidikan ini ia dapat memberikan penyampaian atau mendedahkan pada masyarakat bertapa berharganya sesebuah lirik lagu pada kita mahupun negara. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada zaman ini iaitu merupakan zaman kemodenan pendedahan lirik lagu kepada golongan muda pada masa kini kurang sambutan dan sekali gus menyebabkan golongan tersebut tidak tahu akan keistimewaan yang dimiliki pada lagu rakyat.

Sehubungan itu, dalam generasi zaman kini, minat terhadap membaca buku-buku tambahan, terutama yang berkaitan dengan sejarah atau kisah-kisah naratif lisan zaman dahulu, dapat dilihat adalah sangatlah kurang untuk digemari oleh golongan muda dan belia. Bahasa yang digunakan pada masa dulu juga berbeza dari segi pelbagai aspek dengan bahasa yang digunakan pada masa kini. Oleh itu, dengan mengubah gaya lirik-lirik lagu Melayu dan melodi terhadap Naratif Lisan, ini akan memberikan sedikit sebanyak untuk memudahkan masyarakat dalam memahami sejarah masa dahulu tanpa perlu membaca atau membuka buku. Satu kepentingan lain dalam kajian ini adalah keaslian lirik-lirik lagu yang dicipta melalui teks yang diambil dari buku *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dapat ditunjukkan secara sekaligus dan sekali gus akan menarik minat golongan belia.

FYP FTKW

Maka dengan itu, keaslian lirik lagu yang telah dihasilkan oleh pengkaji merupakan sesuatu perkara yang sangat penting kerana setiap patah perkataan yang dinyatakan dalam lirik tersebut mahupun dinyanyikan seharusnya mempunyai maksud yang tersendiri. Hal ini ianya dapat memastikan penyampaian yang diberikan kepada khalayak masyarakat akan disampaikan secara jelas apabila khalayak masyarakat mendengarnya. Oleh sebab itu, pengkaji dan juga merupakan pencipta bagi sesebuah lirik lagu seharusnya membuat satu pengaturan bagi setiap patah perkataan agar ianya menjadi lebih terpesona dapat didengari secara terus ke hati ketika ia dimainkan mahupun dinyanyikan.

Akhir sekali, kajian ini adalah amat penting bagi diri penyelidik di mana segala apa yang dibentangkan atau dipaparkan dalam setiap naratif lisan Melayu ianya mampu diteliti dengan lebih mendalam agar dapat dimanfaatkan untuk membentuk jati diri sebagai masyarakat Melayu.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 1.7 Difinisi Oprasional

Tujuan asal difinisi operasional ini diwujudkan adalah untuk mengemukakan beberapa kata kunci yang telah menonjolkan kepentinganya di dalam kajian ini. Antara kata kunci yang ditekankan ialah Melodi, Naratif Lisan, Lirik lagu, Nilai Murni dan Teori Pengkaedahan Melayu.

### 1.7.1 Melodi

Dalam sesebuah lagu, melodi menjadi tunjang utama dalam setiap ciptaan lagu dan diiringi dengan pelbagai alat muzik untuk menyempurnakan melodinya. Melodi ini dimainkan dengan not asas bergantung kepada peralatan musik yang digunakan Abdul Hamid Mohmood (2007). Menerusi Kamus Dewan (2016) ianya memberi maksud kepada melodi bahawasanya dalam susunan seni kata berirama sesebuah lagu ia boleh menggubah, menyampaikan atau mempersembahkan lirik, puisi dan sebagainya.

Mohd Hafiz Iskiak (2005) menyatakan melodi dalam sesebuah lagu didapati lebih dominan diterima oleh telinga pendengar berbanding elemen muzik lain yang terdapat sesebuah lagu. Hal ini dikatakan demikian, kerana perasaan individu dipengaruhi dan menyebabkan melodi tersebut dianalisis secara am untuk seseorang meletakkan imej lagu yang ‘melodis’ atau tidak. Menurut Sabirin Ismail dan Istiyono (1981) melodilah yang membuat wajah bunyi menjadi sangat menarik dan terus menerus berubah. Ia naik turun, melengkung-membelok, bergerak-berhenti, merembes-membanjir, menggebu, merintih, menjerit tiada putus-putusnya. Rumusan yang dapat dilakukan berdasarkan pandangan para sarjana di atas melodi adalah sebuah bentuk mengalunkan lirik lagu yang dicipta. Oleh itu, dalam kajian ini, penciptaan lirik lagu Melayu dan melodi terhadap Naratif Lisan akan dilaksanakan. Dengan melakukan ini, dapatan beberapa nilai murni yang terkandung dalam lirik lagu tersebut boleh diperolehi.



FYP FTKW

1.7.2 Naratif Lisan

Fatimah Md. Yassin (1990) menyatakan pendapatnya bahawa naratif lisan adalah sebahagian daripada sastera rakyat yang diwarisi secara lisan dari generasi ke generasi sebagai tradisi lisan. Selain itu, naratif lisan juga dapat digunakan sebagai sistem kawalan sosial untuk mencipta kehidupan yang harmoni, bahagia, dan bersatu, seperti yang dinyatakan oleh Tjetjep Rosmana (2010). Naratif lisan merupakan hasil daya fikir masyarakat yang hidup dalam kehidupan yang sederhana. Tujuan naratif lisan ini adalah untuk menghiburkan, memberi nasihat kepada masyarakat setempat, dan memberikan pendidikan secara tidak formal.

Naratif lisan ini adalah merupakan sebuah cerita yang disebarkan oleh masyarakat melayu melalui penglipur raya pada zaman dahulu di mana ianya akan diwarisi kepada setiap generasi ke generasi satu generasi yang lain Aripin Said ( 1996 ). Manakala bagi pandangan Harun Mat Piah, et al. (2006). dia menekan bahawa sastera rakyat adalah milik bagi sesebuah kumpulan masyarakat yang diwarisi kepada setiap generasi.

Seterusnya Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) berpendapat bahawa naratif lisan disampaikan oleh satu medium perantaraan bagi ianya membentuk rohani dalam memupuk akhlak yang mulia serta mendidik masyarakat dengan pengetahuan yang tinggi bagi kesejahteraan negara. Oleh itu apa yang boleh diperkatakan ianya akan memberi satu penerapan terhadap individu dalam mengasah pemikiran yang rasional agar dapat menangani masalah secara bijak dan sekaligus akan membuatkan masyarakat golongan muda mempunyai akal yang celik dalam membuat keputusan.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.7.3 Lirik Lagu

Maksud lirik lagu juga turut dinyatakan dalam kajian ini dan menurut Rahmah Bujang (1999) lirik lagu merupakan sebuah bentuk nyanyian untuk menghiburkan pelbagai masyarakat dalam pelbagai perkara seperti pekhawinan, persembahan, di tempat kerja dan termasuk diri sendiri lirik lagu ini sering dilakukan oleh masyarakat Melayu . Dengan adanya lirik lagu suasana yang suram tidak meriah akan bertukar menjadi sebagai suasan yang meriah dan juga gembira apabila adanya lirik lagu ini. Oleh itu, masyarakat melayu terdahulu menjadikan lirik lagu sebagai media hiburan.

Selain itu juga mengikut definisi Rosliah Kiting (2016), ianya berbeda pandangan mengenai difinisi lirik lagu dimana ianya adalah satu tradisi lisan. Hal ini dikatakan demikian karena naratif lisan merupakan sumber yang tidak tertulis dan diciptakan sesuai dengan cara penyampaian lisan. Oleh karena itu, lirik lagu adalah sumber yang tidak dapat ditelusuri kembali ke penciptanya karena berkembang tanpa penutur yang spesifik.

Selain itu juga lirik lagu dapat didefinisikan melalui Kamus Dewan (2016) iaitu lagu merupakan nada yang mempunyai seni yang cukup indah dilakukan pada dulu kala lagi. Secara rumusnya pendapat dan pandangan yang telah diberikan oleh para sarjana di atas teleh membuktikan bahawa lirik lagu adalah sebuah nyanyian yang dinyanyikan oleh masyarakat terdahulu dalam menghiburkan diri dan juga setiap lirik lagu terselit pengajarnya. Maka dengan itu lirik lagu sewajarnya dimainkan dan diperkenalkan kepada generasi yang akan datang agar dapat memberi manfaat dalam kehidupan seharian.



FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

### 1.7.4 Nilai Murni

Menurut Wan Marzuki Wan Mohd Noor (2018), nilai murni merujuk kepada layanan yang positif, berkualiti dan berkualiti dalam aspek pemikiran, tingkah laku atau tindakan sama ada dalam konteks sosial mahupun keagamaan. Nilai-nilai tersebut mengandungi unsur kebenaran, kejujuran, dan menjunjung tinggi budaya bangsa Melayu tanpa memburukkannya. Selain itu, nilai murni juga merupakan elemen penting dalam membentuk akhlak dan jati diri setiap masyarakat. Pendapat ini diperakui oleh Sufean Hussin (1989), yang menyatakan layanan yang baik boleh diterapkan melalui penerimaan nilai-nilai murni. Justeru, sekiranya individu dipupuk dengan nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, jujur dan amanah, akhlak yang mulia dapat dibentuk secara tidak langsung.

Nik Aziz Nik Pa (1990) juga menyatakan bahawa nilai murni sering dikaitkan dengan budi pekerti dan pegangan agama yang mulia khususnya yang berkaitan dengan kewujudan dan kekuasaan Allah S.W.T. Akhlak yang mulia pula adalah hasil daripada amalan dan pendidikan agama yang menyeluruh. Gabungan nilai murni dan akhlak mulia dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni, jiwa yang tenang, pegangan yang kuat, dan kebal terhadap pengaruh ancaman luar.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FYP FTKW

### 1.7.5 Teori Pengkaedahan Melayu

Hashim Awang merupakan seorang pengasas kepada salah satu teori yang ada di dalam negara ini iaitu Teori Pengkaedahan Melayu yang telah dicipta pada tahun 1989. Dengan kekurangan teori dari barat ianya mula dicipta dan diasaskan. Beliau juga menyatakan bahawa teori kritikan Barat untuk menganalisis dalam karya-karya sastera yang mengandungi jati diri bangsa Melayu dan agama islam adalah tidak bersesuaian kerana ianya dianggap berat sebelah. Oleh itu, dengan adanya teori ini ianya akan memberikan satu pendekatan yang baru kepada sastera Melayu yang bertunjangkan daya kreatif dalam penghasilan dan juga menganalisis.

Seterusnya dengan adanya kaedah ini ianya mampu untuk menganalisis mana-mana karya yang berasaskan kelakuan yang dibawa dalam kehidupan serta kepercayaan kaum dan semestinya ianya juga berterasakan pegangan hidup yang dibawa. Teori ini juga adalah sama dengan teori yang dibawakan oleh Plato yang diberi nama Mimesis. Hal ini dikatakan demikian kerana ianya mengandungi unsur moral yang sangat kuat dan Hashim Awang melakukan percubaan untuk mengkonkritkan Islam ke dalam kritikan sastera.

Pengetahuan individu tersebut mampu diperolehi dengan melalui pembelajaran yang dilaluinya menerusi pengalaman dalam memahami mengenai sesuatu fakta, pandangan ini diberikan oleh Yuhanis Che Hassan (2015). Oleh itu, secara tidak langsung dengan adanya ilmu yang dipelajarinya ianya dapat dikuasai oleh setiap individu agar dapat digunakan pada jangka masa yang panjang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 1.8 Organisasi Kajian

Pada bahagian organisasi kajian ini, terdapat ringkasan pada setiap bab yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Kajian ini terdiri dari tiga bab utama, dan setiap bab mengandungi konten yang berbeza-beza.

### Bab Satu

Bab 1 ini berfungsi sebagai pendahuluan untuk semua bab dalam kajian, di mana akan menjelaskan berbagai aspek yang relevan. Beberapa aspek yang dibahas dalam Bab 1 ini termasuk pengenalan, penyataan masalah, pengenalan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian batasan kajian, definisi operasional, organisasi kajian dan akhir sekali adalah penutup. Kesemua aspek ini akan memberikan ringkasan mengenai keseluruhan kajian.

### Bab Dua

Pada Bab 2 ini, fokusnya adalah pada sorotan kajian sebelumnya. Terdapat dua proses yang dilakukan oleh pengkaji untuk mendapatkan informasi mengenai kajian yang telah dilakukan oleh sarjana sebelumnya. Dua proses tersebut adalah membaca dan melakukan penelitian. Dengan adanya dua proses ini, pengkaji dapat mencari sumber referensi yang membantu pemahaman tentang kajian yang ingin dilakukan. Tujuan utama dari proses ini adalah untuk mengetahui apakah kajian serupa telah dilakukan oleh sarjana sebelumnya atau tidak. Terakhir, pengkaji akan membahagi sorotan kajian ini menjadi tiga bahagian, iaitu kajian terhadap teori, kajian lirik lagu dan kajian terhadap lagu rakyat.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bab Tiga

Bab tiga pula ianya mengenai perbincangan mengenai metodologi kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji telah memutuskan dan menetapkan satu kaedah dalam menganalisis setiap karya yang digunakan agar dapat menjayakan kajian ini. Pengkaji akan memeberitahu kaedah yang digunakannya dalam kajian ini iaitu terdiri daripada kaedah perpustakaan analisis teks. Mana-mana kajian tanpa metodologi adalah amat mustahil untuk melaksanakannya. Oleh itu metodologi adalah amat penting bagi menghasilkan sesebuah kajian yang bermutu tinggi secara sistematik dan juga kemas.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.9 Kesimpulan

Secara rumusnya, kajian ini adalah berkaitan dengan transkripsi naratif lisan untuk dibawa ke dalam bentuk lirik lagu dengan berdasarkan naratif lisan. Hal ini disebabkan pada masa kini ataupun generasi masa kini membaca bukanlah satu minat bagi mereka kerana peredaran masa yang begitu pantas dan juga teknologi yang canggih membuatkan minat terhadap membaca berkurang. Dengan hal yang sedemikian transkripsi naratif lisan yang dibawa ke dalam bentuk lirik lagu akan dapat menarik minat generasi pada masa kini kerana terlamapau banyak manfaat jika ianya dalam berbentuk lagu dan diselitkan juga pengajaran yang terdapat dalam naratif lisan agar ianya dapat membuka pandangan serta cara pemikiran masyarakat terhadap cerita rakyat. Bahagian-bahagian yang telah dinyatakan diatas berikut adalah merupakan aspek yang akan dikaji dan dibincangkan dengan lebih teperinci serta menjadikan ia satu landasan pengkaji dalam kajian ini. Oleh itu, harapan pengkaji agar kajian ini dijalakan akan dapat dilakukan sebaik mungkin dan lancar agar dapat mencapai ketetapan objektif yang telah ditetapkan.

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FYP FTKW

# BAB 2

# SOROTAN KAJIAN LEPAS

## 2.1 Pengenalan

Sorotan kajian merupakan bahagian di mana pengkaji melakukan penelitian terhadap artikel-artikel yang telah dilakukan oleh para sarjana sebelumnya, dengan tujuan untuk memperkuat objektif pengkaji. Tujuan penelitian ini adalah untuk memastikan kajian mengenai penciptaan lirik dan melodi lirik lagu Melayu naratif lisan telah dilakukan sebelumnya, serta apakah adanya terdapat kelompongan yang masih dapat ditemukan oleh pengkaji dalam kajian ini. Pada bahagian ini pengkaji akan menjelaskan beberapa subtopik berkaitan dengan sorotan kajian, pengkaji akan membaginya menjadi tiga bahagian. Bahagian pertama akan difokuskan pada kajian mengenai naratif lisan yang ada di Malaysia, manakala pada bahagian kedua akan difokuskan pada kajian mengenai lagu rakyat, dan bagian ketiga akan merujuk pada kajian yang berkaitan dengan Teori Pengkaedahan Melayu.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.2 Pengkajian Terhadap Naratif lisan Di Malaysia

Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) telah melakukan satu kajian serta menjelaskan kajian beliau yang bertajuk Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Naratif lisan Malaysia. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk menganalisis nilai-nilai murni dalam setiap naratif lisan Melayu yang terkandung di dalam buku *Seuntai Himpunan 366 Naratif lisan Malaysia* (2013) dan merumuskan menganalisis nilai-nilai murni dalam setiap naratif lisan Melayu yang terkandung di dalam buku Seuntai Himpunan 366 Naratif lisan Malaysia. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif bagi memperolehi maklumat yang secukupnya. Bagi mengukuhkan lagi kajian tersebut pengkaji menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai panduan. Secara keseluruhanya hasil yang dapat dibuktikan menerusi kajian yang telah dilakukan tersebut adalah jalinan ikatan yang dapat disatukan antara nilau murni yang terkandung dalam buku Seuntaian Himpunan 366 Naratif lisan Malaysia .

Selain itu juga, Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) menerusi kajian mereka yang bertajuk Cerminan Moral Positif dalam Cerita-Naratif lisan Melayu. Dalam kajian ini apa yang ingin disampaikan adalah satu nilai kejujuran yang terkandung menerusi naratif lisan melayu. Objektif utama yang dinyatakan dalam kajian ini adalah mengenal pasti serta membuat satu analisis terhadap cerminan moral positif masyarakat dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pendekatan kualitatif diguna pakai pengkaji dalam melibatkan pencarian maklumat menerusi kaedah kepustakaan dan teks diman ia sekali gus akan mebawa pengkaji memahami sesebuah nilai murni dengan sedalamnya. Akhir sekali, dapatan kajian yang dibuktikan adalah bahawa elemen nilai kejujuran kelihatan jelas terpapar dalam setiap naratif lisan melayu yang dikaji. Oleh itu, dengan pembuktian ini masyarakat akan dapat lebih mengamalkan nilai murni dalam kehidupan walaupun peredaran zaman kian lama kian berubah.



FYP FTKW

Seterusnya, lagi kajian dari Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016) yang bertajuk Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Melayu Terhadap Masyarakat Melayu: Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu yang membincangan akan impak naratif naratif lisan kepada tingkah laku masyarakat melalui nilai muni yang terdapat di dalam cerita rakyat. Kajian ini bertujuan untuk mengusulkan sesebuah nilai iaitu nilai baik hati dalam naratif lisan yang dipilih oleh pengkaji. Pengkaji juga turut membataskan tiga naratif lisan dalam kajian mereka antaranya "Tuan Puteri Si Helang Bakau" "Bismillah dan Raja Kuyuk" dan "Isteri Yang Bongkak". Bagi memantapkan lagi kajian mereka memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif serta menjadikan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai pilihan dalam menjadi rangka panduan dalam kajian ini. Hasil daripada kajian ini pengkaji telah berjaya menemukan dan mengemukakan beberapa nilai baik hati yang dapat mampu memberi kesan yang mendalam kepada individu yang mempraktikkannya di dalam kehidupan mereka.

Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifudin Yusop ( 2015 ), melalui penulisan ilmiah yang telah dilakukan mereka yang bertajuk Naratif lisan Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. Objektif bagi kajian ini adalah mengenal pasti dan membincangkan nilai jati diri yang terkandung di dalam naratif lisan Melayu. Dengan cara pengumpulan data dan menganalisis data pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif secara mapan agar ia dapat diaplikasikan dengan Teori Pengkaedahan Melayu dalam setiap analisis yang dikaji. Keseluruhan daripada kajian ini apa yang boleh dibuktikan adalah kajian ini telah memperincikan bahawa nilai jati diri yang menjadikan keutuhan keutuhan ketamadunan masyarakat Melayu dalam mencipta budaya dan amalan yang unggul.



FYP FTKW

Sementara itu, kajian terhadap naratif lisan sebagai medium pendidikan kepada kanak-kanak yang dilakukan oleh Liliy Salwani Binti Razali (2011). Bedasaarkan kajian tersebut matlamat kajian ini adalah untuk mengenal pasti mengenai unsur pendidikan yang terdapat dalam sesebuah naratif lisan agar dapat menghuraikan persepsi kanak-kanak terhadap unsur Pendidikan. Pengkaji telah menggunakan satu kaedah dalam mengumpul segala maklumat yang diperukan iaitu kaedah lapangan serta kaedah analisis teks supaya dengan kaedah ini ia dapat melihat unsur dengan lebih jelas. Hasil daripada dapatan kajian ini terdapat pelbagai tanggapan terhadap unusur pendidikan sama ada ianya menerima mahupun menolak.

Seterusnya, Nur Ezatull Fadtehah Hedel dan Mary Fatimah Subet (2020) telah melakukan sebuah kajian yang sangat penting iaitu tentang Peristiwa Aneh Dalam Naratif lisan Hikayat Nakhoda Muda: Analisis Semantik Inkuisitif. Kajian ini pengkaji telah mengenal pasti beberapa ujaran implisit dalam filem tersebut yang membawa kepada peristiwa aneh dan juga menganalisis ujaran tersebut dengan menerapkan Teori Releven ini bagi memastikan setiap fakta berkaitan dengan cerita tersebut dapat dihujahkan. Kaedah pendekatan yang berbentuk kualitatif digunakan bagi mendeskriptif dalam mengumpul setiap data dengan melakaukan kaedah pemerhatian. Akhir daripada kajian ini telah mendapati bahawa melalui peringkat semantik skrip sahaja yang masih belum mampu merungkai makna yang dihajati, begitu juga pada peringkat semantik resonans kerana aplikasi Teori Releven sahaja masih belum memadai untuk mendapatkan makna yang dihajati sehingga ke akal budi.

FYP FTKW

Selain itu juga, Muhammad Irfan Waqiuddin Hassanudin, Mohd Affiq Affandy Azlizan dan Muhd Norizam Jamian (2013), mereka telah melaksankan satu penyelidikan yang bertajuk Cerita Bawang Putih Dan Bawang Merah Versi Malaysia & Indonesia: Perbandingan Latar Budaya. Menerusi kajian ini pengkaji dapat mengemukan dua objektif utama bagi matlamat dalam kajian ini antaranya adalah menganalisis latar budaya naratif lisan bawang putih bawang merah di Malaysia dan Indonesia serta membuat perbandingan antara latar budaya yang terkandung dalam kedua-dua versi naratif lisan tersebut. Teori Pengkaedahan Melayu adalah merupakan sebuah teori yang sesuai diguna pakai bagi pengkaji untuk memastikan setiap pegangan analisis data berada dalam kondisi yang sangat mantap. Untuk metod pula pengkaji telah berorientasikan kajian kepustakaan yang berteraskan kaedah kualitatif serta juga teknik bacaan rapi. Rentetan daripada itu setiap analisis yang dikemukan dengan melakukan tiga unsur iaitu kebudayaan bahasa, agama dan kepercayaan. Oleh itu, hasil daripada kajian ini dapat membuktikan bahawa setiap naratif lisan turut mencerminkan latar budaya sesebuah masyarakat.

Menerusi kajian yang telah dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, (2017), tentang Cerminan Moral Positif Dalam Cerita-Naratif lisan Melayu. Bagi memastikan kajian ini berada di landasan yang tepat pengkaji telah memilih Teori Pengkaedahan Melayu sebagai landasan untuk meneliti moral positif yang terkandung dalam naratif lisan Melayu seperti Awang Yang Lurus, Padi Berbuah Emas, Raja Kuyuk, Seuncang Padidan Penjual Api Yang Lurus. Oleh itu kajian ini menggunakan kaedaha kualitatif dalam melakukan penelitian terhadap teks. Keseluruhannya, kajian ini telah menemukan nilai-nilai murni yang diamalkan oleh masyarakat Melayu terdahulu menerusi cerita-naratif lisan yang dipilih.



FYP FTKW

Dalam pada itu hasil penulisan dari Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) terhadap kajiannya yang bertajuk Sastera Rakyat Sebagai Medium Didaktik Kepada Golongan Desa. Pada masa kini dapat dilihat terdapat segelintir masyarakat zaman kini yang berangapan bahawa sastera rakyat adalah sesuatu yang asing dan dianggap khayalan semata-mata. Oleh itu, objektif kajian ini dikenal pasti antaranya adalah menganalisis mengenai unsur nilai positif dalam sastera rakyat di Kelantan. Perkara ini dikatakan demikian kerana medium didaktik digunakan terhadap kepada golongan desa. Pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif di mana pendekatan ini melibatkan kepada kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual. Teori Takmilah menjadi gagasan utama dalam kajian ini kerana ia memberi penekanan analisis dan kritikan bersandarkan secara langsung kepada konsep tauhid dan nilai keislaman. Kesimpulanya naratif lisan khususnya naratif lisan daerah Pasir Mas, Kelantan sememangnya memiliki kekayaan nilai positif yang efeksyen dan berpotensi dijadikan medium didaktik kepada golongan desa agar dapat menerapkan nilai murni terhadap masyarakat Melayu.

Tambahan pula, kajian Ritual Dalam Naratif lisan Di mukim Bebar, Pekan Pahang Malaysia yang dikaji oleh Noorzatul hidayah Binti Mohd Hanapiah , Daeng Haliza Daeng Jamal dan Nasirin Abdillah (2021). Kajian tersebut dapat dilihat ia menitik beratkan kepada hubung kait antara sesebuah kehidpan masyarakat terhadap kebudayaan masyarakat sebagai contoh kepercayaan, sistem kekeluargaan dan ekonomi. Oleh sedemikian itu, dapat dikatakan bahawa objektif bagi kajian ini adalah ia membincangkan mengenai ritual yang terdapat dalam pelbagai naratif lisan di Mukin Bebar Pekan, Pahang. Pengkaji memilih sebuah teori kerna teori tersebut mempunyai pelbagai konsep untuk difokuskan kepada pelbagai aspek seperti bahagian- bahagian dalam kebudayaan serta cara hidup manusia. Metodologi bagi kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif untuk melakukan kerja lapangan

FYP FTKW

dalam memperolehi pelbagai. maklumat. Bedasarkan kajian tersebut hasil daripada itu unsur ritual dapat dilihat kerana ia terbina sejak lamnya daripada pemikiran nenek moyang terdahulu bagi mendidik atau memupuk aturan kepada semua golongan masyarakat agar ia dapat mematuhi segala undang-undang agar dapat menjamin kesejahteraan semua.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nur Samsiah Mazlan (2021) menerusi kajian mereka yang bertajuk Keberkesanan Unsur Watak dan Perwatakan Dalam Naratif lisan Dalam kalangan Kanak-Kanak Dan Remaja Melalui Media Animansi. Kajian in adalah untuk melihat keberkesanan naratif lisan dalam kalangan kanak- kanak dan remaja melalui medium animasi. Oleh yang sedemikian itu objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis keberkesanan media animasi kepada golongan kanak-kanak melalui cerita rakyat. Pengkaji memilih satu kaedah bagi mendapatkan maklumat yang sangat berkualiti iaitu kaedah kualitatif di mana kajian terhadap teks dan juga kepustakaan menjadi pilihan dengan menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu agar dapat meralisasikan pembentukan analisis. Pengkaji telah membataskan beberapa naratif lisan antaranya Si Luncai dengan Labu-labunya, Sombong Membawa Padah, Ayam Dogol Membuat Jasa, Bersikap Jujur. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa bahawa media animasi merupakan salah satu medium yang berkesan dan sistematik untuk menjadikan cerita lisan dapat dipopularkan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

FYP FTKW

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) telah menjalankan satu kajian iaitu bertajuk Akal Budi Dalam Naratif lisan Di Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Pengkaedahan Alamiah. Kajian ini menerapkan penceritaan naratif lisan oleh seorang penutur amatur bagi mendidik anak-anak muda akan adat resam, kebudayaan setempat dan undang-undang peradaban masyarakat Melayu. Kaedah kualitatif dipilih untuk dijadikan sebagai gagasan dalam analisis serta perbincangan dalam kajian ini dengan adanya penerapan Teori Pengkaedahan Melayu akan memantapkan lagi kajian ini. Oleh itu, dengan adanya kajian ini golongan muda mampu didedahkan dengan aspek akal budi dan mengaplikasikan dalam kehidupan seharian melalui naratif lisan di daerah Tumpat, Kelantan agar dapat membina generasi yang bertamadun dan berintegriti.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) dalam satu kajian mereka yang bertajuk Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak. Kajian tersebut adalah untuk memastikan cerita lisan Melayu dapat dilihat sebagai karya yang bermutu di dalam pelabagai aspek terutamanya Pendidikan agar menjadi wadah ilmu kepada bangsa dan dapat menagkis persepsi lemah masyarakat terhadap cerita rakyat. Oleh itu " Koleksi 366 Naratif lisan Malaysia" telah menjadi bahan utama dan digunakan untuk menganalisis dan membincangkan dengan menggunakan pendekatan karya dan khalayak yang terkandung dalam Teori Takmilah kerana ianya bersandarkan kepada konsep tauhid dan nilai keislaman. Secara rumusnya, kajian ini memberi input yang positif melalui penemuan nilai-nilai Islam dalam naratif lisan Melayu lisan terhadap khalayak dan seterusnya membawa khalayak ke arah insan Kamil dan juga dapat mendidik masyarakat Melayu menjadi lebih berakhlak dan berjiwa mulia.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Seterusnya, kajian mengenai Naratif lisan Yang Mengutarakan Elemen Kepentingan Nilai Dan Kebudayaan Yang Terkandung Dalam Naratif lisan Melayu Melalui Perisian E-Naratif lisan Kepada Kanak-Kanak Sekolah Rendah. Kajian ini telah dilakukan oleh Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi (2017). Selain itu, kajian ini tertumpu kepada perbincangan mengenai nilai yang terdapat di dalam lirik lagu menerusi naratif lisan Melayu yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu. Selain itu, kajian ini menggunakan media naratif lisan yang telah diadaptasi ke dalam bentuk lirik lagu sebagai data kajian. Oleh hal yang demikian, kajian ini turut menggunakan rekabentuk kualitatif dengan merujuk teks. Sebagai rumusannya, naratif lisan yang disampaikan melalui lirik-lirik lagu yang dijalin dengan melodi yang menarik telah menjadi pilihan kegemaran kanak-kanak.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2018) telah menjelaskan kajian beliau terhadap Panerapan Nilai Murni dalam Naratif lisan Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu : Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan dalam Masyarakat Melayu. Kajian ini adalah untuk dijadikan medium kepada masyarakat Melayu untuk mengetahui soal kebudayaan, sejarah, pengalaman hidup, adat istiadat dan cita-cita yang terkandung didalamnya. Seterusnya objektif kajian ini adalah untuk menganalisis nilai kasih sayang dan keadilan yang terkandung dalam naratif lisan Melayu. Teori Pengkaedahan Melayu diterapakan di setiap analisis kajian ini dan kaedah sorotan pembacaan berasaskan dokumen yang terdapat dalam simpanan perpustakaan digunakan bagi memantapkan penulisan analisis kajian bedasarkan . Oleh itu hasil daripada kajian ini telah mendapati bahawa naratif lisan Melayu sememangnya kaya dengan perutusan nilai-nilai murni yang dapat memberi pendidikan dan pengajaran kepada masyarakat pendukung.



FYP FTKW

Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak dan Siti Ezaleila Mustafa (2019) menerusi kajian mereka terhadap daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Naratif lisan Di Malaysia untuk meneliti sejauh mana transformasi penyampaian naratif lisan di Malaysia sesuai dengan perkembangan teknologi dan pengenalan Dasar Industri Kreatif Negara. Oleh itu, naratif lisan berkembang daripada bentuk lisan kepada bentuk cetak dan seterusnya memasuki ruang digital untuk memperkaya gaya serta persembahannya bagi memenuhi pelbagai keperluan. Kajian ini khususnya bertujuan untuk menyelidik judul naratif lisan yang diterbitkan melalui media tersebut dan menganalisis format yang digunakan oleh para penerbit tempatan dan menggunakan kaedah analisis judul buku melalui portal. Sebanyak 1000 daripada 1961 judul buku digital kanak-kanak telah diakses dalam portal untuk dianalisis dan juga membuat kajain. Hasil daripada kajian tersebut telah mendapati ekosistem naratif lisan di Malaysia masih belum berkembang sealiran dengan perkembangan teknologi.

Mohamad Fauzi Sukimi (2016) menerusi penulisan dalam kajian beliau yang bertajuk Naratif lisan Dan Stereotaip Dalam Konteks Pembinaan Identiti Madura untuk mengupas bagaimana naratif lisan boleh menjadi salah satu elemen yang menyumbang kepada pembentukan identiti orang Madura. Oleh itu objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti minat orang madura dalam cerita rakyat. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah pendeketan kualitatif dan kuantitatif bagi mengkaji teks dan melakukan temu bual kepada masyarakat orang Madura. Hasil daripada penelitian tersebut terbukti bahawa naratif lisan mengenai orang Madura berakar umbi daripada beberapa sumber, iaitu daripada masyarakat Madura, catatan kolonial Belanda, dan kelompok etnik lain tidak hanya mengandungi stereotaip tetapi juga menjadi modal identiti kepada orang Madura.



FYP FTKW

Kajian penyelidikan oleh Siti Zuhaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) yang bertajuk Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur dalam Naratif lisan untuk Kanak-Kanak. Hal ini meyebabkan masih ada yang menganggap apabila terus berpegang kepada budaya lama kerana semakin banyak nilai kebudayaan yang telah terhakis dengan pembangunan dan perkembangan teknologi dan pendidikan. Dua objektif telah diterapkan dalam kajian untuk dijadikan tunjang kepada penelitian ini iaitu mengenal pasti dan menganalisis kesinambungan unsur budaya yang masih wujud di kalangan masyarakat Melayu melalui naratif lisan untuk kanak-kanak. Tiga unsur budaya dalam buku " Himpunan 366 Naratif lisan Malaysia " oleh Othman Puteh dan juga Aripin Said untuk dijadikan rujukan dalam setiap analisis dengan menerapkan teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kualitatif untuk mencari data berasaskan kepada penulisan juga dokumen-dokumen bertulis. Kesimpulanya yang dapat daripada kajian ini adalah ianya mengajar anak-anak Pantai Timur yang kebanyakan hidup merantau dan tinggal secara bermasyarakat supaya lebih tertib dan beretika melalui pembawaan nilainilai budaya yang terdapat dalam cerita-naratif lisan mereka.

Tambahan pula, kajian mengenai Naratif lisan Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) . Masyarakat zaman sekarang menganggap bahawa naratif lisan sebagai perkara yang asing dan membosankan. Oleh itu , dengan ada kajian ini ianya akan membuka minda masyarakat agar lebih menyedari akan keistimewaan naratif lisan yang memiliki nilai ketamadunan. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis nilai ketamadunan masyarakat Melayu yang terkandung di dalam naratif lisan di Tumpat, Kelantan. Teori Pengkaedahan Melayu telah digunakan apabila mengenai naratif lisan yang berunsur kan nilai, moral, agama dan beberapa lagi, Kajian ini membataskan empat naratif lisan iaitu Tujuh Bersaudara, Puja Berubat, Sungai Ketapang dan Semangat Laut. Hasil dapatan dari kajian



FYP FTKW

ini telah membuktikan bahawa naratif lisan di Tumpat, Kelantan termuat nilai ketamadunan yang dapat membentuk jati diri masyarakat Melayu agar lebih maju.

Menerusi kajian daripada negeri Indonesia yang dikaji oleh Alfian Rokhmansyah (2016) yang bertajuk Morfologi Naratif lisan Kutai Karta Negara Putri: Analisis Naratologi Vladimir Prop. Menerusi kajian beliau ianya adalah untuk untuk mengetahui struktur naratif lisan Putri Silu dari Kutai Karlanegara dan nilai moral yang terkandung di dalamnya agar dapat dijadikan sebagai bahan rujukan teoretis dan dalam pengkajian sastera lisan. Oleh itu, penelitian kualitatif dengan menggunakan metode deskriptif dan teon struktural akan membuatkan setiap analisis kajian ini akan dibahaskan dengan tepat sekali. Teknik pengumpulan data dengan cara merujuk kajian teks dan juga sumber perpustakaan mengumpulkan teks naratif lisan yang sudah terdokumentasi sebelum ini. Kesimpulanya terdapat dua belas fungsi dan satu fungsi yang memiliki fungsi naratif yang dapat ditojonlkan untuk melihat nilai moral yang didapatkan dari naratif lisan Indonesia.

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Lanjutan itu, Muhammad Irfan Waqiuddin, Hasanudin Mohd Affiq, Affandy Azlizan dan Muhd Norizam Jamian (2021) telah menghasilkan sebuah kajian yang bertajuk Naratif lisan Bawang Putih Bawang Merah Versi Malaysia &Indonesia: Perbandingan Latar Budaya. Kajian ini akan dapat memperlihat dan menggambarkan latar masyarakat yang menuturkannya berdasarkan konsep kebudayaan. Terdapat dua objektif yang ditetapkan dalam kajian ini menganalisis dan membuat perbandingan latar budaya yang terkandung dalam kedua-dua versi naratif lisan tersebut. Kedua dua versi tersebut adalah kisah Bawang Putih Bawang Merah, versi Malaysia hasil daripada Rubaidin Siwar (2002) dan Bawang Merah dan Bawang Putih versi Indonesia hasil daripada Faza (2016). Oleh itu, dari segi metodologinya pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dengan berorientasikan kajian kepustakaan dan teknik bacaan rapi juga turut diguna pakai untuk menganalisis data kajian teks. Hasil dapatan yang diperolehi bedasarkan kajian tersebut adalah naratif lisan Bawang Putih Bawang Merah diantara masyarakat melayu Malaysia dan juga Indonesia memiliki adat budaya yang tersendiri kerana ianya dikatakan serumpun dalam berkongsi naratif lisan yang sama dan sekali gus dapat berkongsi persamaan budaya.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) mereka telah melaksanakan sebuah kajian yang bertajuk Cerminan Moral Positif dalam Cerita-naratif lisan Melayu. Teks dalam Himpunan 366 Naratif lisan diguna pakai untuk menarik masyarakat menghayati nilai murni. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis cerminan moral positif masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita-naratif lisan Melayu dengan menggunakan pendekatan teori pengkaedahan Melayu serta pendekatan kualitatif yang diterapkan di kajianya untuk melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Kesimpulanya nilai murni dapat dijelaskan untuk membuktikan di mana masyarakat melayu pada zaman dahulu masih mengamalkan nilai murni dalam kehidupan seharian.



FYP FTKW

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin abdillah (2018) dalam penulisan kajian mereka yang bertajuk *Penerapan Konsep Menjan Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu Dalam Naratif lisan Melayu*. Kajian ini merupakan suatu bahan yang disampaikan untuk mendidik jiwa setiap insan melalui Naratif lisan Melayu. Oleh itu objektifbagi kajian ini adalah untuk menganalisis nilai kerajinan dan rasional dengan menggunakan pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan melalui konsep intelek menjana minda. kaedah kualitatif dipilih bagi kajian ini dengan kaedah dokumen analisis iaitu pengkaji membaca keseluruhan naratif lisan yang terkandung di dalam teks. Pengkaji juga membataskan beberapacontoh naratif lisan untuk dijalinkan dengan pendekatan intelek atau menjana minda. Maka dengan itu apa yang boleh disimpulkan adalah naratif lisan Melayu terbukti memainkan peranan penting dalam pembinaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan agar ianya dapat dimanfaatkan di masa akan datang.

Kajian yang diberi nama *Kecelaruan Sastera Rakyat Daripada Perspektif Kearifan Tempatan Dan Potensinya Kepada Pelancongan Budaya di Sarawak oleh Dilah Tuah (2022) .* Naratif lisan di etnik peribumi Sarawak terdiri daripada asal usul mitos dan lagenda. Kajian ini adalah untuk mendapatkan data mutakhir potensi naratif lisan daripada perspektif kearifan tempatan kepada industri pelancongan budaya di Sarawak dan kaedah digunakan adalahpenyelidikan kualitatif yang berasaskan kajian teks. Pengkaji menggunakan empat buah buku dari Sarawak: Telichu dan Telichai (2020) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam analisis kajian ini. Oleh itu dapatan kajian yang terhasil daripada kajian tersebut adalah naratif lisan Sarawak berpontensi dalam sektor pelancongan kerana setiap cerita membawa nilai kearifan tersendiri yang mampu dipandang oleh masyarakat di persada antarabangsa sekali gus memberipeningkatan ekonomi kepada rakyat Sarawak melalui sektor pelancongan.



FYP FTKW

Pengkajian seterusnya, Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif lisan Di Kota Bharu , Kelantan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) . Kajian ini adalah untuk membincangkan bertapa pentingnya naratif lisan kepada masyarakat melalui nilai murni yang terkandungnya. Obejktif yang digunakan dalam kajian ini adalah semestinya mengenal pasti dan juga menganalisis nilai- nilai murni yang terkandung dalam naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan kerana ianya merupakan komunikasi dua hala di antara penglipur lara dengan masyarakat setempat. Maka dengan itu metod yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan lapangan temubual dan analisis teks. Akhir sekali, dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa komunikasi adalah sebuah kunci bagi mewujudkan hubungan antara penyampaian naratif lisan dengan mesej yang ingin disampaikan kepada masyarakat melalui nilai-nilai murni dan ianya terbukti dan dapat dijelaskan di dalam kajian tersebut.

Siti Zuhaidah binti Zakeria (2015) dalam kajian Gaya Penyampaian Naratif lisan Melayu Terpilih Dalam Majalah Dewan Belajar. Kajian ini membincangkan mengenai gaya penyampaian naratif lisan melayu kepada kanak-kanak yang tersiar dalam majalah Dewan Pelajar terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Oleh itu satu analisis dan mengenal pasti gaya penyampaian naratif lisan terhadap kanak-kanak melalui kaedah kualitatif dengan menganalisis teks dan Teori Psikologi memainkan peranan yang penting bagi menjaya dan memantapkan kajian ini kerana ianya merupakan satu displin ilmu untuk pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak. Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa gaya penyampaian plot cerita sangat memainkan peranan kerana selari perkembangan kanak-kanak setiap peringkat.

FYP FTKW

Kajian yang dilakukan oleh Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali, dan Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin (2021) melalui kajian mereka terhadap Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Naratif lisan Untuk Orang Melayu di Sarawak Untuk Persembahan Teater membincangkan tentang pelaksanaan inovasi dalam karya untuk melestarikan tradisi lisan. Objektif kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis elemen sinografi semasa pementasan menggunakan kaedah Readers Theaters. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Hasil dapatan kajian memperlihatkan pementasan sesuatu perkara yang membantu memperluaskan pencapaian penonton terhadap naskhah cerita rakyat. Oleh itu hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pementasan teater dengan inovasi sinografi dapat membantu memperluaskan pencapaian penonton terhadap naskhah cerita rakyat.

Pengkajian yang dilakukan oleh Roslina Abu Bakar dan Aone Van Engelenhoven (2016) berkaitan dengan Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. Hikayat tersebut mengisahkan kehidupan binatang di dalam hutan. Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti dan membincangkan cara hidup dan kebudayaan yang diwarisi oleh masyarakat Melayu melalui naratif lisan berbentuk cerita binatang. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif serta teknik analisis teks dan menerapkan teori Pengkaedahan Melayu untuk memastikan kekuatan dalam huraian analisis. Fokus kajian hanya diberikan kepada satu cerita, iaitu Hikayat Pelanduk Jenaka, sebagai sumber utama dalam penghasilan penulisan ilmiah ini. Kajian ini membuktikan bahawa naratif lisan dapat menjadi sumber penting untuk memahami nilai-nilai dan cara hidup.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Selain itu juga, kajian yang dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) yang bertajuk Akal Budi Dalam Naratif lisan Di Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Pengkaedahan Alamiah. Akal budi ini sering kali diterapkan didalam penceritaan naratif lisan untuk bertujuan mendidik seornag penutur dari segi adat resam, kebudayaan setempat, dan undang-undang peradaban masyarakat Melayu. Hal yang sedemikian telah menyebabkan pengkaji terdahulu kurang menekankan aspek akal budi dalam pengkajian mereka dan telah menyebabkan permasalahan kajian dapat dikesan atas kelompongan tersebut. Oleh itu, pengkaji telah mengemukan dua objektif utama bagi melaksanakan kajian ini. Antaranya ialah untuk mengenal pasti dan menganalisis akal budi yang terkandung dalam naratif lisan di daerah Tumpat, Kelantan. Rentetan itu, bagi menjayaka lagi kajian yang dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah kajian lapangan dan menerapkan satu teori iaitu Teori Pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian. Hasil dapatan kajian tersebut yang diperolehi dan dibuktikan adalah terdapat beberapa akal budi yang terkandung dalam naratif lisan di daerah Tumpat, Kelantan yang seharusnya diketengahkan untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat Melayu.

Akhir sekali, kajian dari seberang negara iaitu Indonesia yang dikaji oleh M. Faisol Efendi, Yusak Hudiyono dan Akhmad Murtadlo (2019) yang diberi tajuk Analsis Cerita Rakayat Miaduka Dintunjau Dari Kajian Sastera Anak. Permasalahan Kajian yang dihadapi oleh pengkaji terdahulu adalah terdapat kelompongan mengenai hubungan sebab akibat serta implikasi terhadap karakter tokoh atau buku-buku bacaan cerita yang menampilkan alur cerita yang banyak serta menampilkan persoalan atau konflik yang lebih kompleks. Tujuan penelitian ini adalah untuk mendeskripsikan unsur imaginasi yang tergambar dalam naratif lisan Miaduka, mendeskripsikan nilai edukasi yang tergambar dalam naratif lisan Miaduka serta mendeskrpisikan relevansi naratif lisan Miaduka dengan psikologi perkembangan



FYP FTKW

anak. Penelitian dalam kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan metode deskriptif sebagai prosedur dalam pemecahan masalah. terhadap satu hal atau objek yang akan diteliti. Manakala teknik pengumpulan data yang digunakan adalah kepustakaan, teknik analisis data dalam penelitian ini terdiri dari reduksi data, penyajian data dan penarikan kesimpulan. Dapatan kajian yang telah dibuktikan dalam kajian ini adalah naratif lisan Miaduka termasuk bacaan sastera yang lebih relevan untuk diberikan kepada anak yang masih dalam tahapan Operasional Konkret dalam pandangan psikologi perkembangan anak.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2.3 Pengkajian Terhadap Lirik lagu Di Malaysia

Dalam kajian yang dilakukan oleh Nuraina Alia Mhd Hussin , Nurul Syazwani Ayob , Siti A'izati Ghazali dan Zuraida Ibrahim (2022) mengenai Aplikasi Seloka Lirik lagu Kanak-Kanak Malaysia. Kerana kurangnya pendedahan terhadap lirik lagu kanak-kanak di Malaysia. Maka dengan itu dalam kajian ini ianya telah mewujudkan sebuah pembangunan aplikasi mudah alih lagu kanak-kanak Malaysia untuk kanak-kanak dalam lingkungan dalam lingkungan umur 4 sehingga 7 tahun dan juga menguji keberkesananya, Berkenaan metod pelbagai usaha telah pengkaji lakukan dalam menjayakan kajian ini, namun pengkaji memilih metodologi adalah model Air Terjun. Hal ini kerana model tersebut dipilih adalah bagi mempercepatkan proses mencipta sistem yang berkesan dan lebih fleksibel ketika menampung perubahan keperluan yang diberikan oleh pengguna. Hasil daripada dapatan kajian tersebut mendapati Aplikasi Seloka Lirik lagu Kanak-Kanak juga terbukti mencapai hasil keberkesanan melalui penggunaan teknologi digital dengan menggunakan konsep warisan tradisional budaya melayu bagi menghasilkan aplikasi pertama yang memainkan lirik lagu kanak-kanak Malaysia.

Di samping itu, Penelitian Asas Numerasi Dalam Lirik lagu Kanak-Kanak Dusun Bundu Sebagai Asas Pembelajaran Matmatik yang dikaji oleh Mohd. Norazmie Mohd. Yusof, Minah Sintian dan Farayneld Bryn Fabian (2020) . Penyelidikan ini dilaksanakan kerana telah didapati bahawa lirik lagu sangat kurang dimasukkan di dalam buku teks sekolah rendah dan sekolah menengah Bahasa Kadazandusun. Oleh itu, mengenal pasti asas numerasi dalam beberapa buah lirik lagu kanak-kanak Dusun Bundu adalah merupakan objektif dalam kajian ini. Metod yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah berbentuk kualitatif melalui kaedah temu bual dan pemerhatian dan juga telah menggunakan empat buah lirik lagu untuk dijadikan sebagai  data analisis antaranya Kolondiso isodin, kolonduo duodin, lontu-lontu dan kaparangkat. Kesimpulanya, hasil kajian mendapati di dalam lagu tersebut



FYP FTKW

telah berjaya dikesan terdapatnya konsep numerasi dalam bentuk lagu-lirik lagu yang menggunakan perkataan nombor yang terdapat keempat-empat buku tersebut di mana bilangan nombor tersebut mempunyai signifikan dengan persekitaran masyarakat Bundu.

Penulisan jurnal yang dihasilkan oleh Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi (2022) iaitu mengenai Transkripsi Lirik lagu Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di lembangan Sungai Pengkalan Datu , Kelantan : Satu Analisis Nilai-Nilai Murni berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji mengambil buku Naratif Lisan Di Pengkalan Datu , Kelantan untuk dijadikan sebagai maklumat dalam kajian ini dan telah memilih beberapa naratif lisan untuk dijadikan batasan kajian antaranya, Kota Jembal, Kain Sutera Cina, Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu, Asal Usul Kampung Babong, Kepesatan Pengkalan Parit, Keajaiban Si Kera Putih, Kisah Sekumpulan Tupai, Asal Usul Wakaf Aik, Asal Usul Datu, Lipat Sanggul Penempatan Residen British, Milik Siapakah Saka Itu, Kehebatan Laksamana Laut, Mak Su Nab Ular, Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta. Kaedah kualitatif dipilih untuk digunakan di dalam kajian ini keran ianya besesuaian dalam pencarian maklumat dari sumbr kepustakaan da juga teks serta telah mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu sebagai penguat di dalam kajian ini. Hasil yang didapati adalah pengkaji telah memebuktikan bahawa lirik lagu yang dibuat telah mewujudkan nilai murni yang seharusnya dapat memberi manfaat dan juga pengajaran kepada semua golongan.

Julita Norjietta Binti Taisin Tracy Valerian (2020) telah menghasilkan satu makalah dengan berjudulnya Analisis Semantik J.J Katz Terhadap Aspek Indah Bahasa dan Makna Lirik lagu Kadazandusun Untuk Pendidikan Bahasa Dan Nilai Moral. Kajian ini adalah untuk mendedahkan tentang lirik lagu yang kini kian pupus ditelan zaman dan perkara itu berlaku disebabkan sikap kita sendiri yang mudah terhakis dan tiada sifat nilai jati diri. Menganalisis struktur dan makna lirik lagu Kadazandusun merupakan objektif yang penting dalam kajian ini. Segala data yang dikumpulkan adalah bersifat kualitatif di mana ianya menggunakan



FYP FTKW

lirik lagu “ sudawil ” sebagai bahan kajian. Oleh itu, pengkaji mendapati lirik lagu dalam masyarakat. Kadazandusun dapat dipelihara sebagai khazanah budaya dan tradisi lisan untuk mengekalkan identiti masyarakat Kadazandusun.

Seterusnya, Wan Nur Atikah Bt Wan AB Rahman (2011) dalam penulisan ilmiah beliau yang bertajuk Kajian Terhadap Persoalan Dan Tema Dalam Lirik lagu Negeri Kelantan. Terdapat tiga objektif yang dikemukan iaitu mengesan, memahami dan mengumpul berkaitan dengan tema dan persoalan. Pengkaji telah mengambil 19 buah lirik lagu negeri Kelantan dari kanak-kanak hingga ke dewasa. Oleh itu untuk menganalisi datanya pendekatan kualitatif dengan kaedah perpustakaan dan kajian teks digunakan oleh pengkaji dalam kajianya kerana ianya bersesuai untuk mengeluarkan data di dalam lirik lagu. Bahan yang telah dikumpulkan oleh pengkaji akan dianalisis mengikut dan berpusatkan pendidikan serta pengajaran. Teori sosiologi diguna pakai oleh pengkaji kerana ianya membawa untuk mengenali diri seseorang melalui karyanya. Hasil dapatan kajian ini lirik lagu amat sesuai untuk dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran kerana didalamnya terdapat peranan yang besar ke dalam Pendidikan dengan nilai-murni yang ada di dalam setiap lagu.

Seri Fajiha Natasha Rosli (2019) , Yuhanis Mhd Bakri dan Mohd Hassan Abdullah telan melakukan Denvelidikan berkaitan mengenai Persepsi Guru Pelatin Terhadap Penciptaan Lirik Lagu Kanak-kanak Melayu Tradisional sebagai Bahan Pengajaran Topik Fotosintesis Murid Tingkatan Satu. Kajian ini adalah untuk mengkaji persepsi guru pelatih terhadap penggunaan lirik lagu yang dicipta berdasarkan melodi lagu kanak-kanak Melayu tradisional sebagai bahan pengajaran topik fotosintesis murid tingkatan satu. Tiga objektif utama yang ditekan di dalam kajian ini iaitu menganalisa lagu yang sesuai serta sukatan pelajaran yang bertepatan yang kedua adalah mencipta lirik lagu berdasarkan melodi lagu yang dipilih dan meninjau persepsi guru pelatih. Dengan menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam membuat analisis dan perlu melalui tiga fasa yang merangkumi di objektif. Akhir



FYP FTKW

daripada kajian ini kandungan lirik lagu yang dicipta adalah baik dan penggunaan melodi lagu tempatan yang digunakan sangat sesuai.

Kajian yang telah dihasilkan oleh Nur Faizah Binti Ismail (2022) yang bertajuk kajian Terhadap Lagu-Lirik lagu Yang Popular Di Negeri Kelantan. Pengkaji melaksanakan kajian ini adalah untuk mengenal pasti lagu-lagu rakyat, mengaji elemen unsur-unsur nasihat dan mengkaji tahap pengetahuan generasi muda berkaitan dengan lagu rakyat. Pengkaji mengabungkan dua kaedah iaitu kuantitatif dan kualitatif dalam pengumpulan data. Pengkaji juga menggunakan data primer dan sukender bagi memantapkan lagi setiap data di dalam analisis dan berpandukan teori Pengkaedahan Melayu. Data tersebut diperolehi daripada pembacaan jurnal-jurnal, artikel, buku-buku dan pengumpulan maklumat daripada kajian-kajian lepas dan tidak ketinggalan juga kaedah temu bual dan soal selidik. Secara kesimpulanya segala objektif yang dinyatakan oleh pengkaji telah dijawab. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji dapat mengubah pemikiran generasi muda sekarang kerana unsur-unsur yang terdapat dalam lagu tersebut mempunyai unsur-unsur yang positif.

(Rosyiha Sedik, 2010) telah membuat satu penulisan artikel yang bertajuk Nilai-nilai murni dalam lirik lagu Terengganu. Objektif pengkaji adalah dengan memperkenalkan lirik lagu Terengganu, menggalakkan kajian yang lebih mendalam tentang lirik lagu Terengganu serta menyedarkan pihak tertentu untuk merekod dan membukukan lirik lagu Terengganu. Pengkaji juga telah mengumpul sebanyak 17 buah lirik lagu Terengganu untuk dijadikan sebagai bahan analisis dan perbincangan. Oleh itu satu kaedah yang telah diterpakan oleh pengkaji iaitu kaedah kualitatif dengan melakukan pembacaan perpustakaan dan kajian teks untuk mendapatkan data yang berkualiti serta mantap agar ianya menjadi sebuh kekuatan dalam kajian ini. Teori Pengkaedahan Melayu yang dipilih oleh pengkaji membuatkan sesuatu data analisas bertambah kuat isinya. Kesimpulanya hasil dapatan kajian ini pengkaji terhadap lirik lagu akan mampu membuka mata beberapa pihak tentang kesedaran



FYP FTKW

memelihara lirik lagu ini daripada pupus. Hal ini disebabkan lirik lagu makin lama makin tiada orang berminat kerana tiada sebuah inovasi dilakukan terhadap lagu rakyat.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh (Nur Asmira Din, 2011) dengan tajuk Kajian Tentang Nilai-Nilai Murni Dalam Lagu-Lirik lagu Koleksi Aripin Said. Kajian ini adalah untuk mengkaji unsur nilai murni dan unsur Pendidikan yang terdapat dalam lirik lagu koleksi Aripin Said. Hal ini kerana penglipur lara masa lalu merupakan institusi pendidikan yang tidak formal dengan memberi ikhtibar dan teladan dalam masyarakat tradisi. Bagi kaedah pengkaji telah memilih untuk kajian teks dan juga perpustakaan kerana ianya dapat mengumpul bahan yang sangat relevan dan tersebut merupakan reka bentuk kajian kualitatif. Dengan adanya teori Sosiologi yang dipilih pengkaji ianya akan memantapkan lagi sesbuah data kerana dalam teori ini ianya ada unsur-unsur mengajar dan mendidik. Oleh itu dengan segala data yang analisis dan perbincangan yang telah dinyatakan maka pengkaji dapat melihat fungsi nyanyian dan perananya dalam mendidik dan menghibur masyarakat makin diterapkan agar ianya di angkat menjadi khazanah sepanjang zaman.

Tambahan pula, kajian (Adil Johan, 2018) iaitu mengenai Muzik Popular Malaysia: Perangsang dan Pelantar Sosial Integrasi Nasional. Muzik popular merupakan satu ekspresi budaya yang mencerminkan amalan-amalan dan interaksi harian sesuatu masyarakat. Dalam kajian ini pengkaji telah mengenal pasti bagaimana muzik popular menyumbang kepada integrasi mahupun perpaduan rakyat melalui amalan-amalan harian penghasilan dan penggunaan muzik. Selain itu juga kajian ini akan dapat meneliti contoh-contoh muzik popular tertentu yang menyemarakkan kesedaran sosial tentang kepentingan lirik lagu di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Oleh itu kaedah yang digunakan adalah berbentuk kualitatif kerana pengumpulan data adalah melalui dari temu bual dan soal selidik agar memastikan objektif yang dinyatakan oleh pengkaji dapat dijawab. Hasil daripada itu



FYP FTKW

pengkaji dapat melakukan satu proses penghasilan dan penggunaan muzik popular di Malaysia yang bersifat integrasi ke arah perpaduan sosial khusus dijadikan ibarat.

Menurut kajian yang dikaji oleh Abdul Jamal Abdul Hamid dalam Lagu-lirik lagu Sabah: Masyarakat Suku Kaum Brunei di Weston Sabah (2006), nyanyian rakyat merupakan salah satu genre tradisi lisan yang lahir, diperhalusi, dan diperkembangkan secara lisan. Nyanyian rakyat dikenali, dihayati, dan dianggap sebagai sebahagian daripada budaya masyarakat yang melahirkannya dan bagi kebanyakan pengkaji budaya ia mencerminkan cita-cita, pandangan hidup dan pendirian sesebuah masyarakat. Dari semasa ke se masa, sesebuah nyanyian itu akan mengalami sedikit perubahan daripada yang asal iaitu darisegi melodi, ritma dan terdapat juga perubahan dari segi seni kata mengikut suku kaum atau etnik akibat daripada pengaruh komunikasi masa kini. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk meneliti unsur metafora yang terdapat dalam puisi lisan tradisional Kadazandusun yang telah diselarikan dengan aliran metafora kognitif yang dipelopori oleh Lakoff dan Johnson.. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui kaedah kualitatif dengan menganalisis teks dan Teori Psikologi memainkan peranan yang sangat penting. Oleh itu, hasil dapatan kajian yang dapat dibuktikan adalah bahasa dalam puisi lisan tradisional khasnya langu tradisional mempunyai makna yang tersirat dan tersurat atau mempunyai unsur metafora. Yakni, bahasa yang diungkapkan itu adalah produk budaya dan sekaligus wadah penyampai kebudayaan dari masyarakat penggunanya.

Selain itu juga, kajian yang dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) yang bertajuk Akal Budi Dalam Naratif lisan Di Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Pengkaedahan Alamiah. Akal budi ini sering kali diterapkan didalam penceritaan naratif lisan untuk bertujuan mendidik seornag penutur dari segi adat resam, kebudayaan setempat, dan undang-undang peradaban masyarakat Melayu. Hal yang sedemikian telah menyebabkan pengkaji terdahulu kurang menekankan aspek akal budi dalam pengkajian



FYP FTKW

mereka dan telah menyebabkan permasalahan kajian dapat dikesan atas kelompongan tersebut. Oleh itu, pengkaji telah mengemukan dua objektif utama bagi melaksanakan kajian ini. Antaranya ialah untuk mengenal pasti dan menganalisis akal budi yang terkandung dalam naratif lisan di daerah Tumpat, Kelantan. Rentetan itu, bagi menjayaka lagi kajian yang dilakukan ole Mohd Firdaus Che Yaacob kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah kajian lapangan dan menerapkan satu teori iaitu Teori Pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian. Hasil dapatan kajian tersebut yang diperolehi dan dibuktikan adalah terdapat beberapa akal budi yang terkandung dalam naratif lisan di daerah Tumpat, Kelantan yang seharusya diketengahkan untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat Melayu. Tumpat, Kelantan. Rentetan itu, bagi menjayaka lagi kajian yang dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah kajian lapangan dan menerapkan satu teori iaitu Teori Pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian. Hasil dapatan kajian tersebut yang diperolehi dan dibuktikan adalah terdapat beberapa akal budi yang terkandung dalam naratif lisan di daerah Tumpat, Kelantan yang seharusnya diketengahkan untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat Melayu.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Hartini Mohd Ali dan Normaliza Abdul Rahim (2017) menerusi *Perlambangan Kata Kerja Dalam Lirik Lagu "Bebaskan" Berdasarkan Teori Relevans.* Lagu juga boleh dikategorikan sebagai puisi. Dalam sesebuah lagu, elemen bahasa menjadi tunjang penting di samping menggunakan kreativiti penulis untuk menghasilkan lagu yang baik. Tujuan kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti kata kerja yang digunakan dalam lagu 'Bebaskan' serta membincangkan makna dan fungsi kata kerja dalam lagu "Bebaskan". Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah analisis teks terhadap lagu yang dikaji sekaligus menjadikan lagu "Bebaskan" sebagai instrumen kajian. Kajian ini dianalisis dengan menggunakan Teori Relevan yang diasaskan oleh Sperber &



FYP FTKW

Wilson (1986). Hasil dan keputusankajian yang dibuktikan mendapati bahawa penggunaan kata kerja dalam lagu “Bebaskan” dapatmempengaruhi pemahaman khalayak.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Gdadhaffi Hanafiah (2015) dalam kajian mereka iaitu Impak Media Baharu Terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu di Malaysia. Selain itu, pengkaji telah merujuk kepada nilai kemasyarakatan Melayu di Malaysia. Seterusnya, Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji perubahan sistem nilai Melayu kini akibat perkembangan teknologi media baharu. pendekatan kualitatif sebagai alat pencarian maklumat dan mengaplikasikan Teori Modenisasi bagi menerangkan berkaitan kehidupan masyarakat yang di penuhi teknologi. Akhir sekali, Hasil kajian menjelaskan bahawa nilai Melayu pada masa sekarang lebih rendah berbanding dengan kemajuan orang barat Perbandingan yang dilakukan oleh pengkaji dengan melihat nilai Melayu dan sistem Barat menunjukkan perbezaan ketara apabila masyarakat Melayu sendiri mempunyai jati diri yang menjadi kepentingan dalam sistem nilai masyarakat Melayu kini.

Adam (2016), telah menjelaskan kajian terhadap buku Sulalatus Salatin yang berkaitan dengan Mitos dan Sejarah Hang Tuah dalam Historiografi Malaysia. Hikayat Hang Tuah ada dua buat karya klasik agung orang Melayu. Karya ini juga ditulis pada abab ke 16-17 masihi. Hal ini kerana pada asalnya karya ini ditulis secara lisan mengikut buku rujukan sejarah dan kebudayaan bahasa Melayu. Objektif kajian ini juga membincangkan tentang teks Melayu yang belum pernah dikritik oleh mana-mana ahli sejarahwan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu rujukan teks. Selain itu, hasil dapatan kajian ini menyatakan adalah sejarah melayu merupakan sumber yang bolen dipercayai.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Dalam penulisan, Clarice Gallus & Low Kok On (2016) menerusi kajian terhdap Tangon Dusun Liwan: Satu Analisis Tema. Kalian ini memfokuskan kepada masyarakat etnik Dusun Liwan, Sabah dengan beberapa tema-tema yang terkandung dalam tangon. Tema yang diperoleh berdasarkan tangon di kalangan masyarakat etnik Dusun Liwan yang terletak di Mukim Kirokot, Tambunan, Sabah. Kajian ini sebuah kaiian analisis bertemakan interpretasi serta perbandingan naratif lisan Barat, naratif lisan Melayu, dan naratif lisan tempatan yang lain. Maka, setelah mengenal pasti dan menganalisis maklumat yang diperoleh menonjolkan keunikan dan keistimewaan turun temurun tradisi lisan yang dimiliki oleh etpik Dusun Liwan di Mukim Kirokot. Tambunan, Sabah. Maklumat di perolehi melalui kajian lapangan kesimpulannya, keunikan dan keistimewaan naratif lisan yang ada Dusun Liwan, Sabah telah wujud sejak dahulu kala lagi dan kini.

Kajian yang bertajuk Interpretasi Resepsi Sastera Menerusi Lirik Lagu Tolong Ingatkan Aku yang dikaji oleh Mohd Faradi Mohamed Ghazali & Nordiana Ab. Jabar. Secara umunya mengetahui bahawa sesebuah lirik lagu adalah merupakan salah satu manifestasi sastera yang membawa kepada cerminan yang tinggi nilai budaya terhadap masyarakat pendukungnya. Tujuan kajian ini dilakukan dalah bagi mengenal pasti tentang keunggulan lirik lagu Tolong Ingatkan Aku nyanyian Ana Raffali yang diangkat sebagai juara lagu dalam Anugerah Juara Lagu Ke-25 dengan mengaplikasikan teori resepsi. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif atau kepustakaan melalui penelitian bahan seperti artikel, buku, majalah dan tesis dalam kajian ini dan juga pengkaji menerapkan Teori Resepsi sebagai pengkuat tulang belakang dalam kajian ini untuk meneliti dan merungkai setiap bait lirik lagu. Oleh itu, hasil kajian mendapati bahawa lagu Tolong Ingatkan Aku merupakan sebuah karya berbentuk lagu puisi yang terhasil dalam penyampaian implisit sebagai memberi pesanan, sindiran halus dan nasihat terhadap kehidupan manusia.



FYP FTKW

## 2.4 Pengkajian Terhadap Teori Pengkaedahan Melayu

Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016) kajian yang dibuat ke atas Nilai Baik Hati Menerusi Naratif lisan Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Satu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. Naratif lisan adalah satu peninggalan nenek moyang kita yang perlu kita ambil tahu. Hal ini kerana, naratif lisan juga banyak disampaikan melalui lisan atau mulut ke mulut kerana ia sebuah perutusan yang istimewa bagi orang Melayu. Tujuan kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis nilai baik hati menerusi naratif lisan Melayu. Hal ini disebabkan nilai baik hati sangat baik untuk dijadikan sebagai bahan untuk mendidik anak-anak. Oleh itu kita perlu tahu naratif lisan yang memberi unsur yang positif untuk anak-anak akan memberi pengetahuan yang sangat luas kepada anak-anak untuk dijadikan contoh atau panduan hidup. Akhir sekali menerusi kajian ini, telah di masuk teori pengkaedahan Melayu sebagai pengukuhan terhadap analisis.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017) membincangkan tentang Penerapan Nilai Murni Dalam Naratif lisan Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu. Tujuan kajian ini dijalankan membuktikan naratif lisan Melayu sebagai satu aset yang perlu dipelihara selain daripada dijadikan sebagai tempat rujukan bagi mendalami ilmu kebudayaan, sejarah, pengalaman, adat istiadat serta cerita-cerita yang berkaitan dengannya. Seterusnya, objektif kalian ini untuk mengenalpasti dan menganalisis nilai kasih sayang dan nilai keadilan menerusi naratif lisan Melayu. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu serta menerapkan kaedah sorotan bacaan. Jelaslah bahawa, setelah dianalisis kajian mendapati naratif lisan adalah sebuah cerita yang kaya dengan nilai- nilai murni maka ia amat berguna untuk dijadikan sebagai bahan pendidikan kepada masyarakat.



FYP FTKW

Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasrin Abdillah (2021) merumuskan kajian mereka terhadap Citra Masyarakat dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. Selain itu kajian ini dikaji bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis citra masyarakat Melayu yang terkandung dalam naratif lisan. Hal ini dikatakan demikian kerana sesetengah pihak pada hari ini menganggap naratif sekadar rekaan semata- mata tidak menitik beratkan nilai-nilai moral. Kajian ini juga menganalisis " teks Koleksi 366 Naratif lisan Malaysia " untuk dijadikan bahan utama kajian. Teori Pengkaedahan Melayu (1989) oleh Hashim Awang dijadikan deduktif untuk memantapkan analisis kajian yang melibatkan kaedah kepustakaan dan teks dijadikan sebagai kerangka panduan. Oleh itu kajian ini dirumuskan bahawa pengkaji dapat membuktikan bahawa naratif lisan sememangnya sarat dengan citra masyarakat yang dapat membentuk adat, nilai dan kebudayaan yang bertamadun dalam kalangan masyarakat Melayu.

Nur Samsiah Mazlan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) kajian yang dibuat ke atas Adat dalam Teromba Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan: Satu Penelitian Teori Pengkaedahan Melayu. Teromba bertunjangkan sisipan puisi tertentu seperti pantun, peribahasa dan sebagainya yang memaparkan sesuatu perkara berhubung dengan undang-undang, adat istiadat dan nilai-nilai yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis adat dalam teromba masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Hal ini disebabkan pengkaji terdahulu lebih menumpukan kajian mengenai adat perpatih Negeri Sembilan berbanding dengan kajian mengenai pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu terhadap adat dalam teromba. Teori Pengkaedahan Melayu dijadikan sebagai deduktif kajian untuk pengukuhan analisis. Rumusnya, adat yang terkandung dalam teromba dapat melahirkan sebuah masyarakat yang memahami dan mengamalkan adat serta berkesan terhadap pembentukan kebudayaan masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan.



FYP FTKW

Nurul Afiqah Binti Zulkefli ( 2023 ) yang dibincangkan adalah berkaitan Unsur Mitos Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur mitos yang terdapat dalam teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan, merupakan kajian berbentuk kualitatif dan diterpakan sekali degan Teori Pengkaedahan Melayu. Tujuan ini untuk melihat cabang penting dalam kesusasteraan Melayu yang banyak mencerminkan sikap dan nilai kebudayaan Melayu itu sendiri.

Muhamad Firdaus Kamaruzaman ( 2023 ) membincangkan tentang Fenomena Sosial Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk melihat prihatin masyarakat terhadap perubahan persekitaran dalam menganangi masalah. Seterusnya objektif kajian ini untuk mengenal pasti dan menganalisis fenomena sosial yang terkandung di dalam teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu serta menerapkan Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan keagaman. Jelaslah bahawa, fenomena sosial yang berlaku di dalam naratif lisan Melayu ini telah mengubah landskap kehidupan masyarakat Melayu pada hari ini kerana dunia telah berkembang dan maju mengikut kepada peredaran zaman.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Kajian Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Zahir Ahmad (2021) menerusi Analisis Nilai Murni dalam Manuskrip “Hikayat Saerah dengan Suami” bertujuan untuk mengenal pasti serta mengkaji nilai murni yang wujud dalam sebuah kehidupan bagi seorang isteri. Ianya khusus untuk memperincikan beberapa nilai murni yang terkandung pada Manuskrip “Hikayat Saerah dengan Suami”. Oleh itu, kajian yang dibuat ini menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah transliterasi sebagai satu garis panduan untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan nilai-nilai murni dalam manuskrip tersebut. Kajian ini juga telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral oleh Hashim Awang sebagai landasan untuk meneliti nilai murni yang ada dalam manuskrip ini seperti nilai murni yang menyentuh kepada wanita iaitu isteri terutama daripada aspek positif. Hasil kajian ini telah menemukan beberapa nilai murni iaitu adab ketika bercakap dengan suami, nilai amanah dalam melindungi harta miliki suami, nilai kasih sayang, meminta izin kepada suami sebelum keluar dari rumah dan nilai ketaatan.

Che Wan Muhammad Othman Bin Che Wan Md Azam, Nur Ameliya Binti Roslan, Nur Hanis Athirah Binti Rosazlan dan Nur Hanis Binti Mohd mereka menjelaskan kajian tentang Aspek Moral Dalam Novel Di Sebalik Dinara Berdasarkan Ramlee (2022) Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis aspek moral secara tersurat dan tersirat dalam novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan kepada aspek moral berlandaskan teori Pengkaedahan Melayu. Oleh itu hasil daripada analisis tersebut telah mendapati pelbagai aspek moral digarap secara ketara sama ada diadun secara langsung atau tidak langsung dalam novel ini. Hal ini dikatakan demikian kerana aspek moral ini memberikan kekuatan dan keistimewaan kepada novel untuk menonjol sebagai novel fiksyen sains yang sarat nilai dan pengajaran sehingga terpilih sebagai teks komponan sastera (KOMSAS).



FYP FTKW

Kajian Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu Syaidul oleh Azam Kamarudin dan Arbaie Sujud (2017). Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis tiga aspek utama iaitu jati diri dalam aspek bahasa Melayu, jati diri dalam aspek budaya dan jati diri dalam aspek agama. Batasan kajian terdiri daripada pengaplikasian Teori Pengkaeadah Melayu melalui pendekatan moral, pendekatan gunaan, pendekatan firasat, pendekatan dakwah serta pendekatan kemasyarakatan. Analisis kajian adalah untuk menjelaskan lagi jati diri yang ditunjukkan member peringatan, nasihat dan iktibar yang boleh memberi manafaat seta membawa kesepakatan dalam kehidupan bermasyarakat.

Eiffa Yuhanis Binti Roslan (2022) Unsur Nilai Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu Oleh Hashim Awang. Tujuan kajian ini untuk mengisi kelompongan kajian-kajian lepas yang lebih berfokuskan kepada aspek nilai dan moral dalam cerita-naratif lisan tanpa mengetengahkan teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur nilai berdasarkan teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelatan terdapat kebudayaan masyarakat Melayu. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif dengan menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu agar dapat pengukuhan. Kesimpulanya naratif lisan melayu tidak dinafikan penuh dengan pengajaran yang padat degan nilai-nilai murni yang menggambarkan sikap masyarakat kita.



FYP FTKW

Lagi, kajian yang dibawa oleh Mohd Firdaus Bin Che Yaacob (2020) iaitu mengenai Nilai Kemelayuan dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih di Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian bertujuan untuk merumus dan membincangkan kesan nilai- nilai kemelayuan yang terdapat dalam drama-drama melayu popular terpilih dan akhir sekali adalah untuk mengkaji jalinan antara nilai-nilai kemelayuan dalam drama-drama melayu popular terpilih dengan Teori Pengkaedahan Melayu . Terdapat dua objektif yang membolehkan kajian ini Berjaya iaitu untuk mengenal dan menganalisis nilai-nilai kemelayuan yang terdapat dalam drama-drama Melayu popular terpilih. Teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 telah menjadi pengukuhan dalam kajian ini. Oleh itu, hasil daripada dapatan kajian tersebut telah mendapati bahawa terdapat beberapa nilai kemelayuan yang dipaparkan melalui kedua-dua buah drama melayu popular iaitu nilai tabah menanggung penderitaan, nilai kepimpinan, menjaga maruah, berbaik sangka, ketaqwaan kepada Allah, nilai memelihara adat dan budaya, nilai merendah diri, nilai kasih sayang, nilai belas kasihan dan penggunaan bahasa melayu.

Menerusi kajiannya terhadap Nur Safiah, Mohmad Zakir (2020) Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih dalam Seuntaian Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Tujuan kajian ini adalah mengenal pasti nilai-nilai keislaman yang terkandung menerusi cerpen-cerpen terpilih dalam seuntaian Rindu Firdaus karya Ana Balqis. Selain itu juga merumuskan dan membincangkan nilai-nilai keislaman tersebut serta pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu menerusi nilai-nilai keislaman yang terkandung dalam cerpen-cerpen terpilih dalam seuntaian Rindu Firdaus karya Ana Balqis. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kualitatif sebagai kerangka panduan . Dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa terdapat banyak nilai-nilai keislaman yang ditunjukkan dalam cerpen ini terutama lima cerpen pilihan pengkaji iaitu



FYP FTKW

cerpen Dialog Dua Perempuan, Mencari Syawal, Telur, Rindu Firdaus dan Rindu Berkampung.

Seterusnya, penulisan ilmiah yang ditulis oleh tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan juga Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) menerusi kajian yang bertajuk Akal Budi Dalam Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. Naratif lisan digambarkan sebagai pendidikan awal pada peringkat kanak-kanak yang memberi pengajaran mengenai adat resam, kebudayaan dan pantang-larang masyarakat Melayu serta memiliki akal budi sebagai gambaran pemikiran yang waras diperlihatkan melalui tingkah laku oleh seseorang individu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis akal budi yang terkandung dalam naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kepustakaan dan lapangan bagi mendapatkan maklumat yang sahih dan pengkaji juga menjalankan proses temu bual dengan responden bagi mendapatkan naratif lisan di jajahan Kota Bharu, Kelantan. Rentetan itu, Teori Pengkaedahan Melayu menjadi panduan dalam kajian ini dan telah mengariskan satu pendekatan iaitu pendekatan kemasyarakatan sebagai deduktif kajian. Keseluruhannya, telah mendapati hasil kajian buktikan bahawa terkandung elemenakal budi dalam naratif lisan,iaitu rasional, berani kerana benar, daya usaha dan ikhlas yang menjadilambang keperibadian masyarakat setempat yang masih wujud dan dipraktikkan sehingga pada hari ini.

FYP FTKW

Seterusnya, kajian daripada Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) yang bertajuk Unsur Kebudayaan Dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Naratif lisan diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain melalui penceritaan mulut oleh nenek moyang untuk menyampaikan pesanan berbentuk pengajaran kepada cucu atau kanak-kanak. Permasalahan kajian ini adalah rata-rata masyarakat tidak menyedari akan kewujudan naratif lisan dan ia dianggap sebagai bahan tidak berfaedah, rekaan semata-mata, membosankan serta memperlihatkan kemunduran dalam plot cerita. Terdapat dua objektif utama dalam kajian ini antaranya ialah mengenal pasti dan menganalisis unsur kebudayaan yang terkandung dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Selanjutnya, unsur kebudayaan ini dianalisis dan diaplikasikan dengan pendekatan yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Dalam kajian ini ia bersifat kualitatif, iaitu berpaksikan kepada kaedah kepustakaan dan kajian teks di mana merujuk kepada kaedah kepustakaan dan teks sahaja. Kesimpulanya hasil yang telah didapati bedasarkan kajian ini adalah naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan memiliki unsur kebudayaan yang mempamerkan identiti masyarakat Melayu lebih dinamik.

Lagi kajian yang dilakukan oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) yang bertajuk Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Naratif lisan Di Kota Bharu, Kelantan Terhadap Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak: Satu Pendekatan Moral. Naratif lisan merupakan satu bentuk penyampaian kisah yang banyak memiliki pengajaran dan nasihat sebagai tauladan kepada masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, naratif lisan kini kurang diamalkan oleh masyarakat pada masa kini kerana wujudnya teknologi yang canggih dan mengikut keadaan semasa. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan dalam naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan terhadap pembentukan jati diri kanak-kanak dan kajian ini membatasakan naratif



FYP FTKW

lisan Di Kota Bharu, Kelantan sahaja untuk meneliti nilai-nilai kemanusiaan. Kaedah metodologi dalam kajian ini adalah bersifat kualitatif, iaitu kepustakaan dan lapangan bagi mendapatkan hasil kajian yang utuh dan kukuh. Kajian ini juga telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral sebagai deduktif kajian. Hasil dapatan kajian telah mendapati bahawa nilai- nilai kemanusiaan dalam naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan mampu membentuk jati diri kanak- kanak sebagai seseorang yang berwibawa dan bertanggungjawab.

Menerusi kajian *Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Di Sabah* yang dikaji oleh Jamal Masador, Abdul Halim Ali dan Azhar Wahid (2021). Secara umumnya, cerita-naratif lisan (tangon) suku Kimaragang melambangkan sosiobudaya, falsafah dan gambaran nilai kepahlawanan bagi masyarakat tersebut. Namun, semakin umur meningkat dewasa, nilai-nilai yang terkandung dalam tangon sering dilupakan, terutama oleh generasi muda. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk memberi perhatian pada nilai-nilai kepahlawanan yang terkandung dalam naratif lisan suku Kimaragang di Sabah. Metodologi yang digunakan pengkaji adalah pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah kajian lapangan dan temu bual untuk mendokumentasi tangon dan data akan dianalisis menggunakan pendekatan Alamiah salah satu pendekatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang dikemukakan oleh Hashim Awang bagi memastikan dapat memahami aspek-aspek kepahlawanan seperti keberanian, rela berkorban, semangat juang dan keterbukaan yang terkandung dalam cerita rakyat. Oleh itu, dapatan kajian ini membuktikan bahawa elemen kepahlawanan penting dikuasai, terutama dalam norma masyarakat yang kucar-kacir demi mengangkat martabat diri dan menjaga kehormatan.

FYP FTKW

Penulisan ilmiah daripada Wan Nur Zafirah (2019) mengenai Analisis Cerpen Terpilih A.Samad Said yang menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu dalam kajiannya. Tujuan kajian ini dilaksankan adalah untuk mengenal pasti masalah yang dikaitkan dengan nilai moral melalui cerpen yang dipilih iaitu Cerpen Saat Terakhir dan Cerpen Dari Tanah ke Tanah. Selain itu juga, kajian ini turut menganalisis unsur dan nilai moral menerusi sebuah teks dimana teks tersebut sijadikan sebagai sebuah panduan pada golongan masyarakat. Oleh itu, dalam kajian ini Teori Pengkaedahan Melayu akan digunakan iaitu pengaplikasian Pendekatan Moral. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif bagi memperolehi sesebuah hasil dapatan kajian yang akan membawa kepada pembuktian nilai moral dalam Cerpen Saat Terakhir dan Cerpen Dari Tanah ke Tanah. Hal ini jelas bahawa nilai moral adalah satu nilai yang sepatunya diterapkan dalam diri masyarakat supaya hidup disanjung tinggi.

Di samping itu, kajian yang dilakukan oleh Nur Syazwani Beherohisam & Zubir Iris (2020) mengenai Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan. Kajian ini juga turut menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai penguat terhadap kajian yang dibuat dalam Syair Suka Duka. Objektif kajian adalah untuk meneliti nilai- nilai Islam yang terdapat dalam nafkah syair. Rentetan itu, dapatan kajian telah memperlihatkan bagaimana naskhah syair ini dapat memberikan peranan sebagai wadah untuk meningkatkan kehambaan, keimanan, ketakwaan dan ketaatan seseorang hamba kepada penciptanya. Jelaslah bahawa yang ditonjolkan, Nilai-nilai dakwah yang terkandung di dalam Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah ini secara langsung menyampaikan hasrat pengarang untuk menyebarkan dakwah dan agar dapat memberi fahaman mengenai Islam kepada khalayak pembaca serta sekaligus akan mendapat menggambarkan keagungan Allah serta kebesaran Islam.



FYP FTKW

Lain daripada itu, Ab. Rahim & Nurul Safiah (2020) telah melakukan kajian mereka mengenai Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa karya Ramli Abdul Halim: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Tujuan utama dalam kajian ini adalah untuk menyatakan tentang mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan serta membincangkan tentang nilai-nilai kepahlawanan menerusi sajak-sajak terpilih dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa karya Ramli Abdul Halim. Oleh itu, kajian ini menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu untuk mengkukuhkan lagi analisis yang dilakukan dengan nilai-nilai kepahlwanan yang ada menerusi sajak yang dipilih. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sebagai kerangka panduan untuk menyempurnakan kajian penyelidikan ini. Penelitian dalam beberapa aspek merangkumi Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan yang mana kedua-dua pengkaedahan tersebut mempunyai tiga pecahan prinsip. Hasil dapatan kajian yang diperolehi adalah jelas bahawa nilai kepahlawanan memberi pengajaran kepada masyarakat yang membaca.

Begitu juga dengan, kajian Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) yang bertajuk Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. Naratif lisan adalah sebuah gambaran untuk dijadikan sebagai pendidikan awal pada peringkat kanak-kanak agar dapat memberi pengajaran tentang adat resam, kebudayaan dan pantang-larang masyarakat Melayu. Walabagaimanapun, tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mencapai matlamat sebenar iaitu untuk mengenal pasti dan menganalisis akal budi yang terkandung dalam naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini juga akan memilih untuk menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan kemasyarakatan sebagai memperolehi maklumat yang kuat serta mantap dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian yang diperolehi adalah elemen akal budi dalam naratif lisan iaitu rasional, berani kerana benar, daya usaha dan



FYP FTKW

ikhlas, ia menjadi satu sikap keperibadian masyarakat yang telah diamalkan sejak dahulu sehingga kini dapat diwujudkan.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Mastura Othman (2022) yang bertajuk Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Novel Srengenge Karya Shahnon Ahmad: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini dilakukan kerana terdapat kelompongan kecil iaitu novel Srengenge sememangnya kaya dengan nilai kemusiaan yang dapat memberikan sumber teladan dan ilmu pengetahuan yang berguna kepada khalayak pembaca namun ia tidak disampaikan dengan jelas. Oleh itu, tujuan utama dalam kajian ini adalah untuk untuk mengenal pasti, dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan dalam novel Srengenge dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji turut menggunakan kaedah kaiian kualitatif sebagai kerangka panduan untuk menyempurnakan serta memantapkan lagi kajian ini. Kajian ini juga telah menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu yang diilhamkan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 untuk dijadikan sebagai gagasan bagi mengukuhkan lagi analisis kajian ini. Hasil dapatan telah membuktikan bahawa dalam novel Srengenge karya Shahnon Ahmad ini jelas menonjolkan nilai-nilai kemanusiaan.

Sejak bertahun yang lepas, Nur Haifa Rosle (2021) telah melakukan satu kajian yang bertajuk Penenun Cinta: Analisis Sisi Pengkaedahan Melayu. Apresiasi khalayak melalui karya sastera telah menunjukan pelbagai peringkat kategori dimana ia memaparkan unsur-unsur keislaman. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan merungkai mesej-mesej keagamaan yang terdapat dalam novel “Penenun Cinta” secara terperinci dengan menggunakan teori Pengkaedah Melayu yang dikemukakan oleh Hashim Awang sebagai tunjang tulang belakang yang utama dalam kajian ini. Kaedah kajian yang diggunakan adalah sepenuhnya reka bentuk kajian kualitatif dengan menganalisis aspek tekstual dan kontektual teks ini. Kesimpulanya, dapatan kajian menunjukan kerangka teori Pengkaedahan Melayu yang diguna pakai mampu memperlihatkan dan mempertengahkan



FYP FTKW

unsur-unsur keislaman dalam menghasilkan karya “Penenun Cinta” berdasarkan kreativiti penyampaian ceritanya dengan gaya yang tersendiri.

Seterusnya, Che Abdullah Che Ya (2018) dengan kajiannya yang bertajuk Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu yang memancarkan nilai budaya dan kepercayaan masyarakat yang digarapkan dalam karya tersebut. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti novelis wanita Selangor sebagai model kajian dan menganalisis butiran secara terperinci kewangan hasil penulisan sehingga ia dapat merangsang strategi aktiviti penjanaan kewangan wanita. Kajian ini akan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu untuk memperlihatkan cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat iaitu masyarakat Melayu yang melahirkan karya-karya tersebut. Kaedah kajian yang diterapkan adalah reka bentuk kajian kualitatif dengan membuat analisis sebagai aspek tekstual dan kontekstual teks. Oleh itu, hasil penelitian mendapati novel ini banyak mengolah realiti kehidupan masyarakat Melayu. Kehidupan mereka sangat bergantung kepada alam baik sebagai sumber inspirasi mahupun sumber ekonomi.

Nur Aisyah Shahira Naimon (2021) telah melakukan kajian beliau mengenai Gapura Iman: Citra Keagamaan Pengkaedahan Melayu di mana ia betujuan untuk mendidik serta memupuk jiwa khalayak dengan nilai-nilai murni sehingga hati nurani mereka menjadi halus, lembut dan suci. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis mesej keagamaan dalam novel Gapura Iman karya W Kursiah Awang (2014) dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini juga merupakan kajian yang menggunakan kaedah kualitatif dengan memberikan fokus utama terhadap analisis teks, iaitu meneliti aspek tekstual dan kontekstual teks kajian. Dapatan kajian analisis juga telah membutikan dan memperlihatkan pemikiran keagamaan menerusi perwatakan watak dan peristiwa penting dalam menyampaikan mesej keagamaan kepada pembaca serta mesej yang disampaikan adalah bertujuan untuk mengajak khalayak supaya mentaati perintah Allah SWT.



FYP FTKW

Selain itu juga, kajian yang bertajuk Faktor Dan Kesan Murtad Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah yang dilakukan oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan seseorang itu murtad. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dimana ia merujuk kepada kaedah kepustakaan dan teks serta Teori Pengkaedahan Melayu dijadikan sebagai deduktif kajian ini dengan menggunakan prinsip-prinsip Islam, ilmu dengan sastera sebagai sokongan dan dorongan kepada analisis kajian agar lebih mapan dan sistematik. Keseluruhanya kajian ini akan dapat memberikan kefahaman kepada semua golongan masyarakat bahawa dengan adanya karya sastera dakwah dapat disampaikan dengan penuh kreatif dan berkesan kepada semua pembaca.

Jumali Hj. Selamat Che Abdullah Che Ya (2019) dalam kajianya iaitu Analisis Teks Cucu Tuk Wali Menggunakan Pendekatan Kemasyarakatan. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis aspek-aspek kehidupan sosial dan budaya dalam kehidupan remaja, lingkungan dan alam persekitarannya. Kajian ini telah menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu dalam kajian tersebut bagi mendapatkan hasil analisis yang mantap dengan kehidupan sosial dan budaya. Kaedah kajian yang telah diggunakan bagi pengkaji adalah reka bentuk kajian kualitatif dengan menganalisis aspek tekstual dan kontektual teks ini. Oleh itu, hasil kajian ini dapat membuktikan dan mendapati pendekatan kemasyarakatan sesuai diterapkan dalam novel ini yang menyentuh persoalan cinta, pelajaran, kasih sayang, pertentangan pendapat, kepercayaan karut dan gejala sosial dalam kehidupan remaja.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Lanjutan itu, kajian yang dilakukan oleh Wan Muhammad Aiman Wan Aziz (2018) yang menyimpulkan tentang pemikiran masyarakat Melayu yang terkandung dalam naratif lisan Melayu. Kajian beliau juga bertujuan untuk mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan cerminan pemikiran masyarakat Melayd yang terpilih dalam teks Himpunan 366 Naratif lisan Di Malaysia. kajian ini juga, menggunakan kaedah pendekatan kualitatif dan menjadikan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai pengukuhan terhadap pendekatan yang digunakan iaitu pendekatan moral, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan dakwah. Secara rumusannya, dapatan kajian yang diperolehi membuktikan bahawa naratif lisan Melayu sememangnya kaya dengan ciri-ciri pemikiran masyarakat Melayu yang positif serta wajar diamalkan oleh golongan masyarakat bagi membentuk keperibadian moral yang positif.

Seterusnya, Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah (2021) menerusi kajiannya yang bertajuk Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Naratif lisan Melayu. . Hal ini demikian kerana, kisah-kisah yang berkisar dalam naratif lisan adalah merupakan sebuah gambaran yang sangat tepat terhadap corak hidup masyarakat Melayu terdahulu. Kajian ini akan berpandukan kepada beberapa objektif iaitu mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam naratif lisan Melayu terhadap pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian agar dapat memantapkan sesebuah hujah analisis. Pendekatan kualitatif digunakan dengan melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Kesimpulanya, hasil dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa masyarakat zaman dahulu telah menerapkan nilai-nilai Islam dalam naratif lisan bagi membina sebuah masyarakat yang berakhlak mulia.



FYP FTKW

Akhir sekali, kajian yang dilakukan oleh Pg Haji Yakub Pg Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018) dalam kajian mereka ia menjelaskan mengenai kajian tentang Sajak-Sajak Badaruddin HO. Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah di mana ia membincangkan tentang sajak yang bertemakan ketuhanan yang memaparkan kebesaran dan keagungan Allah S.W.T. Tujuan Kajian adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis sajak- sajak Badaruddin H.O bertemakan ketuhanan. Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan dakwah digunakan dalam kajian ini untuk dikaitkan dengan sajak Meski Rumah Mu Di Akhirat dan Stighfar Rejab yang dibataskan. Dalam kajian ini pengkaji juga telah menggunakan pendekatan kualitatif untuk melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Akhir sekali, dapatan kajian mendapati bahawa sajak-sajak yang dikaji ini mampu-meningkatkan ketakwaan seseorang hamba kepada Allah dan akan membawa karah yang lebih baik.

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 2.5 Penutup

Secara kesimpulannya, sorotan kajian lepas yang dilakukan oleh para sarjana terdahulu menunjukkan bahwa naratif lisan masih memiliki tempat yang penting di hati masyarakat. Hal ini bertujuan untuk memberikan pandangan terhadap naratif lisan dari masa lalu agar ia dapat diwarisi kepada generasi akan datang. Sorotan kajian lepas yang dilakukan menemukan berbagai jenis nilai-nilai murni dan Teori Pengkaedahan Melayu dalam naratif lisan semakin mendapat perhatian dari para pengkaji di Malaysia. Oleh karena itu, para sarjana saat ini dapat meningkatkan sastera lisan agar lebih mudah dipahami oleh kesemua golongan tanpa memandang usia dan dapat berkembang dengan baik. Sorotan kajian lepas akan membantu para pengkaji baru dalam mencari maklumat yang diperlukan berkaitan dengan kajian yang ingin mereka lakukan, serta dapat membantu mengarahkan kajian ke arah yang lebih positif dengan maklumat yang kuat dan berkualiti.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FYP FTKW

# BAB 3

# METODOLOGI KAJIAN

## 3.1 Pengenalan

Metodologi merupakan satu perkara asas yang perlu ada dalam setiap kajian kerana ia memerlukan satu pendekatan untuk menjadikan sebagai panduan dalam mengumpul segala maklumat agar setiap langkah proses yang dilakukan dalam penyelidikan dapat disimpulkan. Selain itu, setiap langkah yang diatur dalam penyelidikan ini semestinya objektif kajian adalah yang menjadi tunjang utama agar matlamatnya dapat dicapai dengan cemerlang dan terbilang. Oleh sedemikian, bab 3 ini akan membahaskan serba sedikit dalam beberapa hal yang sangat penting menerusi metodologi kajian. Beberapa aspek yang perlu diperjelaskan melalui bab ini antaranya reka bentuk kajian, kaedah kajian, teori yang diguna pakai dalam melaksanakan kajian ini, kerangka konseptual, serta seharusnya penutup dan sekaligus dengan adanya aspek tersebut akan dapat memantapkan kajian.

## 3.2 Reka Bentuk Kajian

Pada bahagian ini pengkaji akan menerangkan bertapa pentingnya reka bentuk kajian yang akan mendorong penggunaanya berdasarkan pendekatan kualitatif dalam setiap penyelidikan memiliki kelebihan yang penting. Kajian ini, menerapkan pendekatan kualitatif melalui kaedah menganalisis teks, kaedah kepustakaan, dan internet. Melalui kaedah yang dinyatakan, pengkaji akan memperolehi data dan pelbagai maklumat yang bermutu tinggi serta informasi. Pendekatan kualitatif memungkinkan pengkaji untuk mendapatkan pemahaman yang lebih terperinci dan mendalam mengenai perkara yang diteliti.

### 3.3 Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang dilaksanakan dalam penyelidikan ini untuk memastikan penciptaan lirik dan melodi lirik lagu rakyat Melayu menerusi naratif lisan dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Pengkalan Datu, Kelantan*, berjalan lancar. Pendekatan ini bertujuan untuk mengembangkan pemahaman masyarakat tentang lirik lagu yang dipilih oleh pengkaji. Dalam kaedah kajian ini, pengkaji menggunakan transkripsi naratif lisan sebagai sumber utama data. Transkripsi ini merupakan proses memindahkan teks naratif lisan ke dalam bentuk lagu rakyat. Pendekatan ini memungkinkan pengkaji untuk memperolehi sumber kajian yang tepat dan relevan yang akan digunakan dalam analisis data.

#### 3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Dalam kajian ini, objektif kajian telah ditetapkan untuk mencapai matlamat yang diinginkan. pengkaji turut merujuk beberapa artikel yang mengupas mengenai penciptaan lirik dan melodi lirik lagu rakyat Melayu dalam pelbagai bentuk serta jurnal-jurnal yang berkait rapat dan penuh mempunyai maklumat dengan konteks teori Pengkaedahan Melayu. Maklumat penting yang diperolehi adalah hasil daripada laman sesawang, Jurnal, buku-buku dan beberapa sumber lain. Oleh itu, pengkaji juga merujuk kepada perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk mendapatkan maklumat tambahan dan mengakses sumber-sumber yang berkaitan dengan kajian. Ini menunjukkan komitmen pengkaji dalam mendapatkan sumber yang tepat dan merujuk kepada sumber-sumber akademik yang sahih.

FYP FTKW

### 3.3.2 Rujukan Teks

Menerusi penyelidikan ini, buku teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dan diterbitkan oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah diguna pakai oleh pengkaji. Buku tersebut menjadi sumber utama data untuk melakukan penciptaan lirik dan melodi lagu rakyat Melayu. Pengkaji telah memilih naratif lisan dari pelbagai tema hasil dari bacaan buku itu dan sebagai data dalam kajian. Setiap naratif lisan yang dipilih adalah sesuai untuk dibaca oleh semua peringkat umur. Pengkaji juga memilih naratif lisan yang ada unsur-unsur nilai-nilai murni yang membawa kepada pembentukan moral terhadap masyarakat Malaysia.

## 3.4 Teori Pengkaedahan Melayu

Hashim Awang pada tahun (1989) merupakan sumbangan penting dalam bidang kesusasteraan Melayu kerana beliau merupakan pengasas kepada sebuah teori iaitu Teori Pengkaedahan Melayu. Teori ini dibangunkan dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu sebagai respons terhadap ketiadaan teori-teori yang bersesuaian dengan karya-karya Melayu dalam konteks tempatan. Pentingnya teori pengkaedahan Melayu adalah kerana teori-teori barat yang ada pada masa itu dianggap tidak sesuai atau terdapat ketidakseimbangan ketika melakukan analisis terhadap karya-karya Melayu yang berpandukan bahasa Melayu dan pegangan agama Islam. Hashim Awang (1989) berpendapat bahawa karya-karya Melayu memerlukan pendekatan dan teori yang memahami konteks dan nilai tempatan.



FYP FTKW

Dalam teori ini Hashim Awang (2002) telah mengemukakan dua pengkaedahan yang sangat sesuai untuk diguna pakai dalam meganalisis kajian yang dijalankan antaranya Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Pengkaedahan Alamiah merujuk kepada penggunaan unsur-unsur semula jadi dalam karya sastera Melayu, seperti alam persekitaran, penggunaan nilai-nilai agama Islam dalam karya sastera Melayu. Oleh daripada itu, terdapat tiga pendekatan dalam setiap satu pengkaedahan. Dengan lebih lanjut terdapat tiga pendekatan di bawah Pengkaedahan Alamiah iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral, dan pendekatan firasat. Begitu juga dengan Pengkaedahan Keagamaan turut menyenaraikan tiga pendekatan, iaitu pendekatan dakwah, kemasyarakatan dan seni.

FYP FTKW




Carta 1: Jenis Perkeaedahan Melayu

3.4.1 Pengkaedahan Alamiah

Bagi Pengkaedahan Alamiah merupakan sebuah pendekatan menghubungkan alam dengan manusia dalam sastera. Teori ini merangkumi seluruh alam untuk dijadikan sebahagian daripada diri serta kehidupan manusia dan ia berperanan dalam membentuk cara hidup dan sikap masyarakat Melayu. Pengkaedahan Alamiah dapat diperinci kepada tiga pendekatan yang palingutama iaitu pendekatan gunaan, moral, dan firasat.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



Carta 2: Jenis Pengkaedahan Alamiah

FYP FTKW

(a) Pendekatan Gunaan

Pendekatan Gunaan dalam pengkaedahan Alamiah melihat sastera sebagai benda atau hasil ciptaan manusia yang mempunyai fungsi dan manfaat bagi manusia. Dalam konteks ini, sastera dianggap sama dengan objek alam ciptaan Tuhan yang lain, dan oleh itu, pengkaji dapat menganalisis sastera melalui pendekatan ini. Pendekatan Gunaan memandang kesusasteraan sebagai suatu objek yang memiliki tujuan, hikmah, serta isi dan struktur yang dapat dinilai. Sastera dipercayai mempunyai potensi untuk memberikan manfaat kepada manusia seperti objek alam yang lain. Ia dapat dimanfaatkan dalam pelbagai aspek kehidupan, seperti memberi inspirasi, mengajarkan nilai-nilai, dan menyampaikan mesej kepada pembaca atau pendengar. Pendekatan Gunaan dalam pengkaedahan Alamiah memberi tumpuan kepada manfaat dan fungsi sastera dalam konteks hubungan manusia dengan ciptaan Tuhan Hashim Awang (2002).

(b) Pendekatan Moral

Pendekatan Moral dalam pengkaedahan Alamiah merupakan perkembangan dari pendekatan Gunaan. Pendekatan ini berakar dari pemahaman bahawa sastera bukan hanya objek ciptaan semata-mata, tetapi juga pengalaman hidup manusia yang membawa aspek moral. Pendekatan Moral membolehkan pengkaji untuk menilai perlakuan manusia dalam sastera dari aspek positif dan negatif. Contoh-contoh perlakuan manusia dalam sastera dapat dijadikan teladan atau batasan untuk membimbing tindakan manusia dalam kehidupan sehari-hari. Maka sastera dapat menepati konsep kepustakaan yang di dalamnya boleh ditimba sebanyak mungkin pengajaran dan pengalaman (Hashim Awang, 1993).

Rentetan itu, melalui pengalaman dan pengajaran yang dikandungnya, dapat memberikan pelbagai pengajaran dan pengalaman kepada pembaca atau pendengar. Pendekatan Moral dalam pengkaedahan Alamiah memungkinkan pengkaji untuk menghargai nilai-nilai moral yang terkandung dalam sastera Melayu. Ia menggalakkan refleksi terhadap tindakan manusia dalam sastera dan memberikan ruang untuk menjadikan sastera sebagai sumber pembelajaran moral yang bermakna.

(c) Pendekatan Firasat

Pendekatan Firasat dalam pengkaedahan Alamiah adalah sejenis perlakuan atau kejadian yang berkaitan dengan mimpi dan mempunyai makna tersendiri. Dalam pendekatan ini, kejadian alam yang terjadi dalam mimpi dianggap memiliki tafsiran yang penting. Oleh itu, firasat berhubungan dengan pengalaman mimpi dan kepercayaan bahawa mimpi tersebut berkaitan dengan kejadian sebenar dalam kehidupan seseorang. Mimpi dianggap sebagai pengalaman misteri yang membawa makna tersendiri. Maka dengan itu, dalam masyarakat tertentu, kejadian dalam mimpi dianggap sangat penting dan dianggap sebagai petunjuk



FYP FTKW

yang tidak dapat dilihat secara nyata. Dalam konteks pengkaedahan Alamiah, pendekatan Firasat memungkinkan pengkaji untuk melihat mimpi sebagai sumber pengetahuan dan pemahaman yang berharga. Mimpi dianggap sebagai jendela ke dalam alam bawah sedar dan memberikan wawasan tentang diri, perasaan dan kehidupan seseorang. Pengkaji dapat menafsirkan makna mimpi untuk memahami aspek psikologi dan spiritual manusia.

### 3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan

Pengkaedahan Keagamaan adalah salah satu pendekatan dalam pengkaedahan Alamiah berpegang pada keimanan dan agama Islam. Pendekatan ini doronganya sangat tinggi serta kukuh dengan menjadikan Al-Quran dan Hadis sebagai sumber tertinggi dan utama yang digunakan sebagai rujukan dalam kehidupan. Pengkaedahan Keagamaan berfokus pada penyerlahan sifat keagungan Allah S.W.T dan tingkatnya ketakwaan kepadanya. Pendekatan ini mengfokuskan kepada tiga perkara penting dalam sastera Islam. Ketiga-tiga pendekatan tersebut yang disampaikan oleh Hashim Awang (2002), adalah pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan, dan pendekatan seni, saling berkaitan dan memberi penekanan kepada nilai- nilai ini.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN




Carta 3: Jenis Pengkaedahan Keagamaan

(a) Pendekatan Dakwah

Pendekatan Dakwah dalam sastera melibatkan penggunaan karya sastera sebagai alat untuk meningkatkan ketakwaan individu terhadap Allah. Setiap karya sastera dianggap sebagai sarana untuk mengungkapkan dan menggambarkan sifat-sifat kemuliaan dan kekuasaan Allah. Dalam konteks ini, sastera dianggap sebagai sebuah jalan yang membolehkan individu mengenal Allah dengan lebih dekat, meningkatkan cinta dan penghormatan terhadap-Nya. Dalam pandangan Hashim Awang (2002), karya sastera memiliki potensi untuk menjelaskan dan mempromosikan kelebihan dan kehormatan agama Islam. Melalui penggunaan elemen dakwah dalam sastera, individu dapat memahami nilai-nilai agama secara lebih mendalam dan mengaplikasikannya dalam kehidupan sehari-hari. Dengan demikian, karya sastera dapat dianggap sebagai naskah yang mampu menjelaskan keunggulan dan kehormatan agama Islam.



FYP FTKW

(b) Pendekatan Kemasyarakatan

Pendekatan Kemasyarakatan melibatkan penggunaan karya sastera sebagai alat untuk menyampaikan pesan-pesan yang berkaitan dengan kehidupan sosial dan masyarakat. Pendekatan ini menekankan pentingnya sastera dalam membawa impak dan perubahan kepada masyarakat serta menggambarkan realiti sosial yang ada. Selain itu, pendekatan ini juga berfungsi sebagai medium untuk menyampaikan aspirasi dan perubahan yang diinginkan dalam masyarakat. Karya sastera dapat memperlihatkan keadaan sosial yang ada, merangsang pemikiran, dan mengajak masyarakat untuk berfikir kritis tentang masalah-masalah yang dihadapi. Seterusnya, pendekatan Kemasyarakatan dalam sastera juga memperlihatkan nilai- nilai sosial yang diharapkan oleh masyarakat. Karya sastera dapat memaparkan norma-norma, etika, dan tata nilai yang dianggap penting dalam kehidupan bersama. Melalui cerita, puisi, atau drama, sastera dapat mempengaruhi pandangan dan sikap masyarakat terhadap isu-isu sosial.. Kajian ini mungkin menimbulkan kajian yang berkaitan dengan soal syariah, ibadat, moral, ekonomi, sosial dan politik dari sudut keIslaman (Hashim Awang, 1994).

(c) Pendekatan Seni

Pendekatan Seni dalam sastera memberi penekanan kepada aspek estetika, keindahan, dan ekspresi kreatif dalam penciptaan karya sastera. Pendekatan ini juga menganggap sastera sebagai bentuk seni yang memiliki nilai artistik dan estetik yang tinggi. Dalam pendekatan Seni, karya sastera dipandang sebagai wujud seni yang mempunyai nilai-nilai keindahan dan keunikan tersendiri. Selain itu juga penekanan diberikan kepada penggunaan bahasa yang kreatif, penggunaan gaya bahasa yang indah, dan struktur naratif atau bentuk puisi yang menghasilkan kesan estetik yang menyentuh perasaan pembaca. Selain itu, Hashim Awang (1998) berpendapat pendekatan Seni juga menekankan pada keupayaan sastera untuk mempengaruhi emosi, pemikiran, dan pengalaman estetik



FYP FTKW

pembaca. Oleh itu, karya sastera dapat menghasilkan reaksi estetik, menghidupkan imaji dan perasaan, dan membangkitkan daya khayal pembaca.

## 3.5 Kerangka Konseptual




FYP FTKW

FYP FTKW

3.5 Penutup

Kesimpulannya, dengan kajian ini ia dapat dihasilkan dengan menunjukan setiap kaedah-kaedah agar dapat memastikan setiap hasil kajian adalah capai dan bertepatan dengan objektif yang telah ditetapkan. Dengan mengikuti metodologi kajian yang telah dipilih, pengkaji dapat melakukan analisis kajian secara sistematik dan mendapatkan dapatan kajian yang relevan. Rujukan penghasilan yang dilakukan dalam kajian ini juga penting untuk memperoleh data yang berkualiti dan sahih. Melalui proses metodologi yang mantap, pengkaji dapat menghasilkan hasil kajian yang lebih sempurna dan meningkatkan kesahihan kajian tersebut. Dengan demikian, penggunaan teori Pengkaedahan Melayu dan metodologi kajian yang dipilih membantu memastikan kajian ini menjadi lebih sistematik, relevan, dan menghasilkan dapatan yang bermakna. Akhir kata kajian yang dikaji oleh pengkaji adalah sebuah kajian yang sangat memberi manfaat kepada seluruh masyarakat.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# BAB 4

## ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

### 4.1 Pengenalan

Berdasarkan data yang telah diperolehi oleh pengkaji ke atas setiap lagu yang dicipta dan dibawakan, pengkaji akan menjelaskan setiap hasil dapatan kajian beliau mengenai kajian penciptaan lirik dan melodi lirik lagu rakyat Melayu yang telah diambil berdasarkan naratif lisan di dalam teks buku Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Dalam lirik lagu tersebut banyak menimbulkan beberapa nilai murni yang dikeluarkan untuk dijadikan sebagai dapatan kajian. Selain itu juga, teori Pengkaedahan Melayu juga dikaitkan dengan semua lirik lagu sebagai tanda sokongan kepada beberapa nilai murni yang terkandung dalam setiap lirik lagu yang dicpta tersebut. Contoh nilai murni yang terkandung dalam lirik lagu tersebut antaranya adalah nilai baik hati, bijaksana, berdikari, kasih sayang, hormat-menghormati, rajin. Nilai-nilai murni tersebut akan dianalisis dengan berdasarkan beberapa konsep penting yang akan digariskan dalam setiap nilai- nilai murni yang terkandung dibawah.

### 4.2 Nilai Baik Hati

Tambahan pula, nilai baik hati mencerminkan tingkah laku atau ciri individu yang menunjukkan kebaikan, kemurahan hati dan empati terhadap orang lain. Baik hati mencerminkan kesediaan untuk membantu, mengambil berat, dan berasa simpati terhadap keperluan dan penderitaan orang lain. Menurut pandangan yang dikemukakan oleh (Norita Arifin, 2006) nilai baik dianggap sebagai satu tingkah laku atau tindakan muri yang seharusnya tumbuh dalam diri manusia beberapa takrifan telah diberikan oleh para ahli



FYP FTKW

berkenaan dengan nilai kebaikan, seperti Tajul Arifin Nordin dan Noraini yang mendefinisikannya sebagai sikap yang sentiasa memperhatikan perasaan dan kebajikan orang lain dengan penuh keikhlasan. Kenyataan ini ditegaskan kerana nilai-nilai ini merupakan sifat positif yang boleh membina hubungan yang sihat dan saling menyokong dalam masyarakat. Nilai baik hati dapat dipecahkan kepada belas kasihan, empati, pemurah, persefahaman, dan kebolehan memaafkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2007). Selain itu, kajian ini telah mendedahkan beberapa nilai budi yang tercermin dalam naratif lisan dalam teks buku "*Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*" melalui lirik lagu yang dibangunkan oleh pengkaji.

### 4.2.1 Belas Kasihan

Jika diteliti dengan lebih mendalam pengkaji telah membuat satu transkripsi naratif lisan melalui sebuah naratif lisan yang bertajuk Kain Sutera Cina ke dalam bentuk lirik lagu dan melodi yang direka khas oleh pengkaji dimana naratif lisan tersebut mengisahkan dua orang pemuda yang bersahabat yang mempunyai sifat yang sangat baik hati. Baik hati ini adalah dimana kita mempunyai sifat bertimbang rasa, bersimpati terhadap perasaan dengan kedudukan orang yang lalui kesusahan dan penderitaan dengan itu seharusnya menurunkan bermurah hati untuk membantu dan menyumbang dalam bentuk kebendaan dan sokongan moral terhadap mereka, sedia memaafkan kesalahan orang dan tidak berdendam terhadap mereka (Hashim Musa, 2008). Seterusnya, apa yang dimaksudkan dengan belas kasihan adalah “belas” dapat didefinisikan hiba, turut bersedih dengan keadaan manakala “kasihan” pula merujuk kepada perasaan seseorang yang dapat merasa sayang bagi seseorang yang menderita (Kamus Dewan, 2006). Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa sikap belas kasihan adalah sebuah sifat yang akan tersemai dalam setiap manusia untuk menghulurkan bantuan tanpa mengharapkan balasannya. Contoh nilai tersebut yang dapat dibawa menerusi lirik lagu yang bertajuk Kain Sutera Cina.



FYP FTKW

*Lirik Lagu Kain Sutera Cina*

*Dalam sebuah desa di Pengkalan Datu*
*Tersembunyi cerita yang tak terlupakan*
*Hassan dan Hussin kawan yang melengkapi*
*Satu kejadian membuat hatinya terusik*
*Kesedihannya membuat ia bertekad*
*Mencari ikhtiar merawat luka*

*Hutan belantara sanggup diharungi*
*Walau apa yang terjadi tetap janji dikotai*
*Hujan mulai membasahi bumi hari berlabuh senja*
*Membuatkan mereka lena dibuai mimpi*

*Dalam mimpi hadirnya sang Puteri jelita*
*Niat murni mereka membawa kebahagiaan*
*Dihadiakan selembar kain sutera saat terjaganya*
*Mereka belalu pergi demi mengkotai janji*

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)

Sehubungan dengan itu, apa yang dapat dirujuk menerusi lirik lagu Kain Sutera Cina pada rangkap yang pertama baris keempat dan kelima tersebut ia telah dapat membuktikan bahawa belas kasihan tersemai di hati mereka apabila kisah salah seorang keluarga hassan mengalami kecederaan yang sangat parah dan menjadikan kisah tersebut sebagai titik hitam dalam diri hassan yang sukar untuk dilupakan apabila kampung beliau diserang hendap oleh tentera. Hal ini dikatakan kecederaan yang dialami oleh salah seorang keluarga hassan tersebut masih tidak sembuh walaupun sudah berbulan bulan dan pelbagai cara telah dilakukan serta ubat. Natijahnya, dengan nilai murni baik hati yang dapat dilihat atau ditjolkan oleh Hussin adalah sangat perlu diambil kira agar ia dapat disemai kepada semua golongan masyarakat dan dapat dijadikan contoh atas kebaikan yang dilakukan. Contohnya, nilai kebaikan yang dilakukan hussin adalah beliau sanggup meredah hutan belantara mengorbankan masa walaupun beliau tahu risiko yang bakal dihadapinya demi tekadnya dalam mencari penawar luka yang dialami oleh salah seorang keluarga hassan. Beliau juga tidak sanggup membiarkan rakan karibnya memasuki hutan seorang diri dengan



FYP FTKW

semangat setia kawan yang ditunjukan dalam kejadian ini adalah bukti yang ditonjolkan nilai baik hati.

Seterusnya dalam meniti arus nilai baik hati menerusi sikap belas kasihan, pengkaji berpendapat menerusi Lagu Milik Siapakah Saka Itu yang telah ditranskripsikan melalui naratif lisan ke dalam sebuah bentuk lirik lagu. Lagu tersebut mengisahkan mengenai sepasang suami isteri yang berpuluh puluh tahun sudah berkahwin tetapi tiada rezeki dikurniakan cahaya mata dengan mempunyai sifat yang mulia murah hati, baik hati selalu bantu membantu orang kampung yang membuatkan sepasang suami isteri tersebut dihormati. Pandangan yang diberikan oleh (Norita Arifin, 2006) menerusi definisi baik hati adalah perasaan belas yang wujud dalam jiwa seseorang dan memberi manfaat serta kebaikan kepada dirinya, orang lain atau persekitaran manakala murah hati adalah sebuah sifat dimana ia selalu bersiap sedai dalam membantu secara ikhlas tanpa mengharapkan balasan kepada yang memerlukan dalam bentuk kebendaan mahupun sokongan moral (Arifin Said, 2006). Oleh hal yang demikian, kita dapat lihat melalui lirik lagu yang dicipta oleh pengkaji iaitu Lagu Milik Siapakah Saka Itu.

*Lirik Lagu Milik Siapakah Saka Itu*

*Pengkalan Datu aman damai,*
*Sepasang suami isteri sifatnya mulia*
*Tolong menolong menjadi amalan kebaikanya*
*Namun iri hati terpahat diri Leman*

*Suatu malam bulan mengambang wak leman*
*Menghantar sakanya mengacau orang kampung*
*Hadirnya menyerupai budak yang kehilangan ibu bapak*
*Membuat gelisah orang kampung*

*Tiada tuan tanpa waris disambung*
*Berkeliaran sakanya menggangu penduduk*
*Membuat tanda tanya siapakah miliknya*
*Tiada pentunjuk hingga buntu akhirnya*

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)



FYP FTKW

Dalam pada itu, menerusi rangkap pertama baris ketiga dan juga keempat sikap belas kasihan dengan Berdasarkan lirik lagu tersebet mengaitkan mengenai seorang manusia yang memiliki hati yang bersih dalam apa jua keadaan pasangan suami isteri yang diberi nama Salman dan Salamah tetap berada dalam pemikiran yang positif serta tenang menangani rintangan yang berlaku ke atas dirinya. Di samping itu juga, pengkaji telah mengaitkan nilai murni baik hati yang dilakukan oleh Salman dan Salmah dengan sifat murah hati yang dilakukannya. Hal ini dikatakan demikian kerana sifat baik hati pada seseorang adalah bukan mudah untuk dipupuk malah ianya perlu wujud perasaan tersebut dan selalu disematkan dalam diri. Sebagai contoh yang dapat diajukan mengenai sikap baik hati yang dilihat oleh Salman dan Salmah ialah walaupun pernah menjadi bualan orang kampung mengenai sudah lamanya mendirikan rumah tangga namun tiada cahaya mata dikurniakan lagi itu tidak menjadi satu masalah kepada pasangan tersebut kerana mereka percaya akan takdirnya mengapa ianya terjadi dan ada hikmah sepanjang jalan hidupnya yang membuatkan mereka tidak dikurniakan cahaya mata. Namun begitu, beliau tetap menghulurkan bantuan kepada sesiapa sahaja yang memerlukan tetap melayan orang kampung dengan sangat baik tanpa ada rasanya yang membuatkan diri mereka dengan keterpaksaan dengan tujuan untuk mendapat pujian dan sebagainya yang membuatkan diri mereka berasa hebat.

Selanjutnya, naratif lisan mahupun petikan naratif lisan Kota Jembal yang dipetik dan diambil untuk dijadikan sebuah lagu yang telah ditranskripsi oleh pengkaji. Menerusi petikan di atas baik hati adalah merupakan sebuah perasaan belas kasihan yang wujud dalam jiwa seseorang dan memberi manfaat serta kebaikan kepada dirinya, orang lain atau persekitaran (Norita Arifin, 2006). Manakala difinisi bagi “belas kasihan” pula ia dimaksudkan dengan hiba di mana turut berduka apabila melihat atau mendengar sesuatu penderitaan yang dialami oleh seseorang (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2016). Hal yang



FYP FTKW

sedemikian dengan penerangan yang cukup mendalam dan juga jelas mengenai definisi nilai baik hati yang tersemai dalam diri seseorang insan dan akan terus diamalkan dalam kehidupan seharian kita agar mendapat keberkatan hidup.

Sehubungan itu, bagi membuktikan apa yang dikatakan di petikan diatas, contoh yang dapat diberi dan dilihat adalah menerusi sebuah lagu di mana kandungan lagu tersebut mampu memberikan contoh yang terbaik agar ia menjadi contoh dan tauladan dalam kalangan masyarakat. Judul lirik lagu tersebut diberi nama Lirik Lagu Kota Jembal.

*Lirik Lagu Kota Jembal*

*Dalam keheningan malam dan siang*
*Warga Kota Jembal menyebarkan kasih*
*Mengulurkan tangan, membantu satu sama lain*

*Kita belajar, cinta takkan hilang begitu saja*
*Kota Jembal, oh kota yang indah*
*Tempat di mana hati dan jiwa bersatu*
*Ketulusan dan persaudaraan*
*Kita jadikan pusat dalam hidup kita*

*Di bawah cahaya bulan dan bintang*
*Kita rayakan kehidupan yang penuh makna*
*Kerja keras, kejujuran, dan kedamaian*
*Kita jadikan pedoman dalam setiap langkah kita*

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)

Apa yang dapat dilihat berdasarkan lirik lagu di atas, sikap belas kasihan dapat dilihat menerusi rangkap pertama baris yang ketiga di mana baris tersebut menceritakan mengenai raja besar yang mula berfikir untuk menubuhkan sebuah negeri kecil yang aman damai di kawasan tersebut. Hal ini juga disebabkan selepas kejadian pergeluttan tahta di kerajaan mereka dan telah membuatkan orang yang setia bersama raja besar bersendirian seperti tiada orang selain mereka sampai cucu cucu kepada raja besar tersebut bermain sesame mereka. Oleh itu, nilai belas kasihan dapat dikesan menerusi lirik lagu tersebut dengan sifat raja besar yang melihat kesedihan orang yang setia bersamanya merasa kesepian. Dengan



FYP FTKW

langkah yang diambil oleh raja besar tersebut semakin lama saban tahun, akhirnya keadaan bertambah baik apabila penduduk semakin bertambah dan menjadi Raja Jembal Kelantan yang baik hati terhadap masyarakatnya.

4.2.2 Keadilan

Sebagai kesinambungan daripada ini, naratif lisan berkenaan Kegemilangan Datu Pengkalan Datu telah diambil oleh pengkaji untuk ditukarkan ke dalam bentuk lagu rakyat. Keadilan dianggap sebagai nilai mulia yang bukan sahaja berlaku kepada manusia tetapi juga kepada makhluk lain. Oleh itu, keadilan merupakan prinsip yang amat dititikberatkan dalam ajaran Islam. Lebih daripada itu, nilai keadilan telah diterapkan sejak zaman dahulu lagi dalam budaya masyarakat Melayu Islam kerana ia mencerminkan nilai budaya unggul masyarakat Melayu. Kenyataan ini dinyatakan kerana keadilan merupakan asas utama dalam membentuk sahsiah masyarakat Melayu, dan sifat ini mempunyai peranan penting dalam memastikan semua masyarakat, tanpa mengira etnik, menerapkan keadilan bukan sahaja pada peringkat individu, tetapi pada semua peringkat masyarakat. (Hashim Musa, 2008). Oleh itu, dengan mengambil kira pandangan para pakar di atas, sikap keadilan dianggap sebagai sesuatu yang perlu ditegakkan pada masa kini demi menjamin kesejahteraan masyarakat. Contohnya, ini dapat dilihat dalam lirik lagu yang bertajuk Kegemilangan Pengkalan Datu.

FYP FTKW

*Lirik Lagu Kegemilangan Pengkalan*

*Datu Di bawah langit biru, di Pengkalan*
*Datu Kisah lama, naratif lisan yang agung*
*Pernah ada kerajaan di sini berkilau*
*Budaya dan kebijaksanaan, kekayaan yang luhur*

*Pengkalan Datu, oh penghormatan*
*Sebuah warisan yang kita cintai*
*Kita merayakan masa lalu yang gemilang*
*Dan mewarisi nilai-nilai yang kekal abadi*

*Berkumpulah kami, generasi demi generasi*
*Mengenang masa lalu, menghormati tradisi*
*Kami menjaga budaya dan warisan ini*
*Sebagai bagian dari identitas kami*

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)

Di samping itu, link lagu yang terdapat di atas adalah mengandungi sikap keadilan yang dapat dikeluarkan dan dihuraikan dalam rangkap ketiga baris yang ke sembilan dan juga sepuluh yang dibuat melalui transkripsi naratif lisan yang terkandung dalam buku Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan telah memberikan keunikan yangmenyumbang ke arah keamanan perpaduan dibawah pemerintahan seorang raja. Hal ini dikatakan demikian kerana apa yang berlaku dalam kerajaan tersebut dalam penverahan takhta tidak berlaku pergelutan dan sebagainya yang menimbulkan perbalahan yang sangat teruk dan member kesan kepada keamanan negara dan juga rakyat. Pemberian takhta tersebut diterima baik oleh pembesar kerana umur Raja Abdul Rahman mash setahun jagung. Sehubungan dengan itu, jelaslah bahawa sikap keadilan merupakan sikap yang sangat bagus untuk diperjuangkan dalam kehidupan kita pada hari ini agar kehidupan kita diberkati olehnya. Selain daripada itu, lirik lagu yang ditranskripsi oleh pengkaji yang diberi tajuk Kisah Sekumpulan Tupaiturut juga mengandungi nilai keadilan yang mampu member huraian yang mendalam kepada sifat keadilan.

FYP FTKW

*Lirik Lagu Kisah Sekumpulan Tupai*

*Haji Long Abdul Rahman raja patani*
*Berlindung didesa selepas kalah berperang*
*Seorang raja yang rajin tinggi ilmunya*
*Disanjung tinggi oleh rakyat*
*Tibanya di pulau gajah berehat mendirikan pondok*
*Menebas semak samun pokok-pokok kecil*
*Bina membina bangun membangun*

*Demi kebangkitan bersama*
*Suatu hari melihat pokok kelapa*
*Malangnya buahnya rosak begitu saja*
*Sekumpulan tupai rupanya segala punca*
*Raja telah besumpah pada tupai*
*Akan haram mengigit setiap buah kelapa*

*Lalu terjadi satu kejadian*
*Gigi tupai tumpul tercabut*
*Tinggal dua batang sahaja*
*Tupai-tupai melarikan diri entah kemana*

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)

Oleh sebab itu, berdasarkan dengan lirik lagu yang telah diciptakan melalui rangkap kedua pada baris yang ke lima. Kandungan dalam lirik tersebut mengandungi nilai baik hati melalui sikap keadilan. Hal ini wujud akibat daripada sifatnya iaitu Haji Long Abdul Rahman yang telah melihat masalah kerana buah-buah kelapa yang ada di dalam kampung tersebut rosak apabila dimakan oleh tupai-tupai. Pokok kelapa tersebut adalah merupakan sumber makanan dan minuman penduduk kampung setempat. Hal ini dikatakan demikian dengan masalah yang berlaku atas pokok kelapa tersebut ia tidak memberi keadilan kepada semua masyarakat mahupun haiwan tersebut. Dengan itu, Haji Long Abdul Rahman telah melakukan satu sumpahan di mana sumpahan tersebut telah menyatakan bahawa tupai-tupai tersebut diharamkan menggigit buah-buah kelapa tersebut jikalau tupai itu degil dan mahu juga menggigit buah-buah kelapa tersebut maka gigi-gigi tupai tersebut akan menjadi tumpul dan tidak kuat lagi untuk mengigit apa-apa pun.

FYP FTKW

FYP FTKW

### 4.2.3 Bantu Membantu

Selanjutnya, petikan naratif lisan naratif lisan Che Deraman yang telah di transkripsi oleh pengkaji dan dibawa ke dalam bentuk sebuah lirik lagu . Hal ini dikatakan demikian kerana, nilai murni yang ditonjolkan dalam lirik lagu yang dibuat oleh pengkaji tersebut telah membuktikan keunikan yang ada dan dapat memberi nilai mutu kebaikan dalam kajian ini. Namun demikian, nilai murni dalam lirik lagu Che Deraman adalah baik hati. Daya daripada itu nilai murni baik hati menerusi sikap bantu membantu dapat ditjolkan melalui daya usaha yang Che Deraman lakukan. Beliau amat disengangi kerana beliau sering membantu masyarakat sekeliling dan beliau sangat baik hati kerana setiap penduduk desa ada masalah penduduk desa akan mengadu dan bercerita kepada Che Deraman. Beliau tidak mengabaikan sebaliknya cuba sedaya upaya dalam menghulurkan bantuan sehingga masalah tersebut selesai.

Lanjutan daripada itu huraian yang telah dinyatakan di atas Che Deraman mempunyai sikap yang tinggi dalam menghulurkan apa apa bantuan dan beliau juga mempunyai wujud hati yang sangat baik di dalam diri yang sentiasa berusaha dalam melihat penduduk desa Kampung Pengkalan Datu tersenyum. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk.

*Lirik Lagu Che Deraman*

*Che Deraman, pahlawan tokoh Kelantan,*
*Di bawah bendera merah putih berkibar,*
*Berani melawan, meskipun berat ujian,*
*Kita kenang perjuangan, dalam lagu ini bersinar.*

*Sikap tolong menolong bantu membantu*
*Kebaikan makanan baginya terus beramal kebaikan*
*Juga pawang penyembuh penyakit seikhlas hati*
*Amat disanjungi rakyat menghormati dia*

*Suatu ketika seorang hamba allah*
*Hadir kerumahnya menyapa salam dengan baik sekali*
*Meminta pertolongan merawat lukanya*
*Dengan nilai baik hati tidak meminta balasnya*

*Sikap ikhlas, baik hati, suka membantu*
*Menjadi bualan penduduk desa*
*Keperibadian Che Deraman*
*Disengangi rakyat dihormati rakyat*

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)

Namun demikian, melalui lirik lagu di atas sikap bantu membantu dalam rangkap kedua baris kelima dan keenam menjelaskan Che Derman sentiasa menguhulukan segala bantuan yang beliau mampu agar tidak mahu mengecewakan penduduk desa dan mengecewakan hati sendiri jikalau tidak membantu akan membuatkan beliau berasa sedih dan terkilan.Hal ini membuktikan bahawa sikap rajin dalam diri akan membawa hasil yang lumayan pada suatu ketika nanti.

Sehubungan dengan itu, dalam meniti arus nilai baik hati menerusi sikap bantu membantu pengkaji berpendapat menerusi Lagu Disorok Jin Itu yang telah ditranskripsikan melalui naratif lisan ke dalam sebuah bentuk lirik lagu tersebut yang mengisahkan mengenai penduduk kampung dan juga tok imam menguhulurkan bantuan terhadap keluarga Ahmad. Contoh nilai tersebut yang dapat dibawa menerusi lirik lagu yang bertajuk Disorok Jin.

*Lirik Lagu Disorok Jin*

*Oh Ahmad budak yang nakal, usik mengusik menjadi hobi*
*Nasihat ibu bapa tidak dipeduli, menjadi megah diri*
*Pada suatu hari di malam bulan mengambang*
*Ahmad menyorokkan selipar kawan,*
*Melihat ia menagis mendapat kepuasan*

*Dibalik pohon besar ini, Ahmad sembunyikan diri*
*Angin meniup kencang membuat dibuai mimpi*
*Riuh sekampung keluar mencari, kesedihan mengiringi*
*Mencari ikhtiar terakhir menemui pak imam*



FYP FTKW

*Paluan rebana cahaya obornya menemani pencari*
*Apabila tiba di serumpun buluh dibelah sebatang buluh*
*Alangkah terkejutnya melihat keajaiban dunia*
*Melihat ahmad berada dalam sebatang buluh*

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)

Dapat diperhatikan menerusi lirik lagu tersebut menerusi rangkap yang ke dua pada baris yang kelapan dan juga kesembilan apabila semua penduduk kampung telah bermuafakat untuk membentu bersama-sama mencari Ahmad yang tidak diketahui punca kehilangan. Hal ini membuatkan nilai baik hati dalam bantu membantu dapat ditonjolkan terhadap penduduk kampung dalam pencarian Ahmad yang sanggup mencari di sekitar kampung. hutan belantara sungai hingga ke seluruh pelosok kampung. Tok imam juga turut turun membantu dalam pencarian Ahmad dengan ikhtiar yang terakhir iaitu minta pertolongan dari Allah SWT dengan berdosa kepadanys sgar diberi jalan petujuk dalam pencarian. Jelaslah terbukti dalam lirik lagu tersebut menunjuken nilai beik hati menerusi bantu membantu orang yang mendaiam apabila semua penduduk kampung turut untuk membantu orang yang sedang di timpadalam kesusahan.

Dalam pada itu, menerusi naratif lisan Musibah Di Kampung Pulau Gajah pengkaji telah membuat satu transkripsi kepada bentuk lirik lagu yang sangat menunjukan nilai baik hati yang tersemai didalamnya. Seperti yang sedia maklum definisi telah banyak diterangkan beberapa kali di petikan diatas. Secara ringkasnya yang boleh diperkatakan adalah bahawa baik hati ini adalah merupakan sebuah sifat yang mengandungi perasaan yang boleh berubah-ubah menjadi kepada gembira, suka duka, hiba apabila kita melihat penderitaan oleh lain yang boleh membuatkan hati kita tersentuh. Oleh itu, sikap baik hati ini semestinya dapat dilihat dalam diri seseorang manusia dengan itu bagi membuktikan nilai baik hati tersebut berdasarkan lirik lagu Musibah Di Kampung Pulau Gajah.

FYP FTKW

*Lirik Lagu Musibah Di Kampung Pulau Gajah*

*Pulau Gajah pulau yang luas serta cantik*
*Dikelilingi sungai sungai yang besar*
*Kampung ini mempunyai pecahan*
*Yang terdiri pelbagai pulau yang berpenghuni*

*Pertanian sebagai punca pencarian warga desa*
*Sebagai meneruskan hidup seharian mereka*
*Namun nasib tidak menyebelahi desa pulau kecil*
*Ditimpa musibah banjir besar melanda desa*
*Semuanya musnah tebing terhakis dibaham ombak*

*Warga desa pulau gajah datang memberi bantuan*
*Rawatan diberi pada mereka yang cedera*
*Menumpangkan mangsa dirumah mereka*
*Layanan sepenuh ikhlas diberikan tanpa mengharap balasan*

*Dalam jiwa masih terpahat kejadian hitam*
*Menyebabkan takut untuk pulang*
*Penempatan Pulau Gajah*
*Sebuah penempatan yang berkembang*

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)

Berdasarkan lirik lagu di atas, sikap baik hati dapat dikenal pasti dan dirujuk melalui baris sepuluh hingga empat belas. Ini dapat dijelaskan kerana selepas banjir besar berlaku, penduduk di Kampung Pulau Gajah Besar datang menghulurkan bantuan kepada mangsa yang terjejas akibat hentaman ombak dan air pasang. Mereka tiba dengan segala keperluan yang sangat diperlukan oleh mangsa. Bukan itu sahaja, penduduk Kampung Pulau Gajah juga sanggup memberi penjagaan kepada mangsa yang cedera, malah lebih daripada itu, mereka menyediakan tempat berteduh sementara di rumah sendiri. Melalui bantuan yang disalurkan kepada mangsa, dapat disimpulkan bahawa nilai sikap baik hati jelas terpancar dalam sanubari setiap penduduk kampung seterusnya mengeratkan lagi hubungan erat kedua-dua buah kampung.

FYP FTKW

Namun, nilai sikap baik hati yang berkaitan dengan konsep Pengkaedahan Melayu seperti pendekatan dakwah dan pendekatan masyarakat melalui cerita-cerita yang tergambar dalam lirik lagu, menggambarkan tingkah laku yang diamalkan oleh anggota masyarakat. Dalam situasi ini, pendekatan dakwah berfungsi sebagai perwakilan nilai kebersihan dan keunggulan ajaran agama Islam, yang mampu menanamkan penghayatan terhadap kesucian agama Islam, baik di kalangan orang Islam mahupun bukan Islam (Hashim Awang, 2002). Seterusnya, pada pandangan beliau pendekatan masyarakat bertindak sebagai sarana untuk meningkatkan kesejahteraan hidup bersama, memperkukuh iman, dan memupuk ketakwaan yang membawa kepada kebaikan (Hashim Awang, 2002). Hal ini, menggambarkan bahawa nilai berbaik sangka merupakan satu tingkah laku yang sangat mulia dalam masyarakat Islam. Oleh itu, pandangan ini banyak dicerminkan dalam cerita lisan di Pengkalan Datu, melalui lirik lagu ciptaan komposer, dan teori ini sangat relevan untuk disepadukan dalam konteks penyelidikan ini untuk menjadikannya lebih mantap dan komprehensif.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 4.3 Nilai Berdikari

Nilai seterusnya ialah nilai berdikari merujuk kepada (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2007), secara umumnya, diakui bahawa pelbagai jenis nilai murni yang wujud di dunia ini adalah tanggapan terhadap pengalaman hidup, membawa kebaikan, dan mempunyai nilai moral. Seiring dengan itu, nilai-nilai ini juga menjadi kriteria dan ukuran yang tersebar di kalangan masyarakat. Kenyataan ini diluahkan kerana semangat kemerdekaan merupakan salah satu kriteria yang sangat penting untuk memiliki kemahiran pada abad ke-21. Berdikari boleh ditakrifkan sebagai keupayaan untuk berdiri sendiri tanpa perlu bergantung kepada bantuan orang lain untuk menjalani kehidupan (Dewan Kamus, 2006).

Tambahan pula seseorang atau suatu entitas dianggap "berdikari" jika mampu mengatasi tantangan, mengambil keputusan, dan menjalani kehidupan tanpa bergantung secara berlebihan pada orang lain. Sifat berdikari menekankan kemampuan untuk bertanggung jawab atas diri sendiri, melakukan tindakan-tindakan yang memungkinkan pertumbuhan dan perkembangan pribadi tanpa terlalu banyak bergantung pada dukungan eksternal. Dengan hal ini dalam konteks perkembangan peribadi, keberdikarian dapat merujuk kepada kemampuan seseorang untuk mandiri secara emosional, kewangan, dan sosial. Oleh itu, konsep berdikari tidak berarti menutup diri dari bantuan atau kolaborasi. Sebaliknya, itu menekankan kemandirian dan keberanian untuk bertindak secara independen ketika diperlukan, sambil tetap menyadari nilai dukungan dan kerjasama dari orang lain (Haslindar Ishak, 2019). Sejurus itu, kajian terhadap lirik lirik lagu yang dicipta oleh pengkaji tersebut kebanyakannya mempunyai sifat berdikari yang tinggi.

FYP FTKW

FYP FTKW

4.3.1 Meruskan Hidup

Seiring dengan penjelasan sebelum ini, melalui buku “Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan,” pengkaji telah menyalin sebuah lirik lagu yang telah ditranskripsikan oleh pengkaji sendiri dan turut memasukkan nilai berdikari dalam lagu yang terhasil untuk analisis. Oleh itu, individu mempunyai keupayaan untuk mengekalkan kesihatan tubuh badan, bersenam, mengembangkan bakat, meningkatkan kemahiran teknikal dan manipulatif, dan menggunakan tenaga fizikal untuk berdikari demi kepentingan masyarakat, seperti yang disarankan oleh (Nor Hashimah, 2006). Pandangan yang jelas dan memadai yang dikemukakan oleh para sarjana di atas yang menyatakan bahawa sikap berdikari melibatkan segala tindakan individu apabila menghadapi pelbagai masalah, dan individu tersebut mampu menyelesaikan masalah tersebut dengan sendiri tanpa bantuan orang lain. Oleh itu, ia dapat dilihat dalam lirik lagu yang bertajuk Lagu Asal Usul Datu.

*Lirik Lagu Asal Usul Datu*

*Di tanah Kelantan yang mekar subur*
*Terhampar lautan dan alam yang indah*
*Datu datang membawa cinta dan pengetahuan*
*Memimpin semua dalam kehidupan yang bermakna*

*Datu, pahlawan kami Datu, cahaya hati*
*Di tanah Kelantan, kau bersinar*
*Asal usul kita, kau membawa*
*Bersama di bawah matahari yang terbit*

*Kita pelihara nilai-nilai yang tulus*
*Kasih sayang, kejujuran, persatuan kita*
*Merupakan cahaya dalam hidup kita*

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Apa yang dapat disaksikan berdasarkan lirik lagu Asal Usul Datu di atas adalah pada rangkap pertama baris yang ketiga dan juga yang keempat baris tersebut ia menceritakan bagaimana nilai berdikari itu dapat disemai. Rentetan daripada itu, kisah disebalik cerita pada lirik lagu tersebut dikatakan Datu yang melarikan diri ketika diserang hendap oleh musuh dan telah mengakibatkan Datu lari menyelamatkan diri di sebuah pulau tanpa kediaman mahupun orang. Pada baris ketiga di rangkap pertama " Datu datang membawa cinta dan pengetahuan " ia melambangkan sifat berdikari iaitu Datu telah memerhatikan kawasan sekeliling pulau tersebut untuk dijadikan sebagai kawasan berteduh untuknya.

Selain itu juga dengan pengetahuan yang ada dan ilmu yang penuh didada Datu telah membuat keputusan untuk tinggal disitu lalu didirikan aktiviti pertanian dan sebagainya. Makin lama kelamaan penduduk juga semakin ramai dan Datu bangunkan lebih banyak penempatan bagi menampung segala penduduk tersebut serta membangunkan pelbagai kemudahan agar kehidupan disitu menjadi aman dan damai.

4.3.2 Dalam Kehidupan

Seterusnya, melalui petikan naratif lisan Jelmaan Mok Kurus pengkaji telah mentranskripsi cerita tersebut berdasarkan buku Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan pengkaji semestinya ke dalam bentuk lirik lagu yang terkandung nilai berdikari yang sangat penting untuk meneruskan kehidupan. Kehidupan adalah kebahagiaan, kegembiraan, kesedihan, kekecewaan, kejayaan, kegagalan, baik atau buruk bergantung kepada bagaimana kita melihat dan berapa banyak yang kita sedar, memenuhi di banyak tempat kewangan, kesihatan, kerohanian, pertumbuhan, menjadi sedar, kecerdasan, pembangunan, keluarga, cinta, perhubungan, komunikasi dan dari segala sesuatu. Justeru itu, serba sedikit padangan yang diberikan jelas mengenai berdikari dalam

FYP FTKW

meneruskan kehidupan. Contoh yang dapat dilihat dalam lirik lagu yang bertajuk Jelmaan Mok Kurus.

*Lirik Lagu Jelmaan Mok Kurus*

*Perempuan tua sebatang kara di desa Telipot*
*Seorang gadis tua rajin pandai bedikari*
*Membanting tulang tanpa kira usia demi hidupnya*
*Namun apa adanya rebah menyembah bumi jua*

*Hembusan nafas terakhir memilukan suasana*
*Pergi jua tanpa anaknya disisi kesedihan meratapi*
*Pemergian disayangi, disimpan berhari hari*
*Menunggu kepulangan anak namun tiada khabar berita*

*Setelah semingu berlalu pergi, penduduk digangu lagi*
*Oleh misteri yang menyerupai Mok Kurus*
*Hentakan ganguan sering kedengaran rentehan penduduk*
*Membuatkan tidak nyaman dan disenangi*

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)

Dalam pada itu, apa yang dapat dilihat mengenai lirik lirik lagu yang bertajuk lagu Jelmaan Mok Kurus pada rangkap pertama baris ketiga dan juga yang keempat dapat membuktikan bahawa nilai berdikari menjadi sebuah kisah dalam sebuah kehidupan agar dapat meneruskan hidup bagi seorang perempuan tua yang tinggal sebatang kera di sebuah kampung yang diberi nama kampunti Telipot. Hal ini dapat dikaitkan dengan nilai berdikari kerana perempuan tua yang dikatakan tersebut adalah bernama Mok Kurus yang menyewa di rumah Mak Esah. Beliau mempunyai fizikal yang sangat kuat walaupun umurnya sudah lanjut usia. Mok Kurus juga melakukan kerja untuk menampung kos sara hidupnya selagi ia masih bernafas di muka bumi ini. Antara pekerjaan yang dilakukan beliau adalah bercucuk tanam di belakang rumah. Hal ini membuatkan beliau tidak mengharapkan bantuan orang lain untuk membantunya dalam membayar segala bil-bil yang ada selagi nyawa dikandung badan dan masih kuat untuk membanting tulang untuk meneruskan kehidupan.

FYP FTKW

Sementara itu, petikan naratif lisan naratif lisan Keasyikan Suara Buluh Perindu yang telah di transkripsi oleh pengkaji dan dibawa ke dalam bentuk sebuah lirik lagu juga menonjolkan nilai berdikari dalam lirik lagu yang dibuat oleh pengkaji tersebut telah dibuktikan. Oleh itu, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk Lagu Keasyikan Suara Buluh Perindu.

*Lirik Lagu Keasyikan Suara Buluh*

*Di hutan sunyi, buluh perindu*
*berbisik lembut Suara alam yang*
*ajaib, melodi alam yang suci*
*Keasyikan dalam getaran pohon*
*dan dedaunanMengalirkan*
*ketenangan, di dalam hati kita*

*Buluh perindu, oh alam yang magis*
*Suara yang mempesona,*
*melukiskan kehidupanKita terdiam*
*dalam keajaiban*
*Mendengarkan musik alam, kita menyatu*

*Menemukan kedamaian yang hakiki*
*Menghargai keindahan alam yang*
*memberikan ketenanganMelalui buluh*
*perindu, kita merasakan kehidupan*

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)

Lirik lagu tersebut adalah bukti yang menunjukan bahawa nilai berdikari dapat ditonjolkan menerusi rangkap yang kedua baris yang keenam. Hal ini dikatakan demikian kerana “suara yang mempesona, melukiskan kehidupan” dalam rangkap tersebut membawa makna yang terkandung dengan kisah seorang lelaki yang muda dan umurnya dalam 17 tahun. Beliau menetap di dalam sebuah hutan belantara yang penuh dengan kehidupan binatang buas dan liar. Beliau juga boleh diibaratkan “kais pagi makan pagi kais petang makan petang”. Rentetan daripada itu, beliau perlu berdikari dengan melakukan pelbagai aktiviti di dalam hutan bagi menyara kelangsungan hidupnya agar ia dapat menikmati sumber alam tanpa ada batasnya. Dengan ini, jelaslah terbukti nilai berdikari dalam meneruskan kehidupan yang wujud dalam lirik lagu tersebut.



FYP FTKW

Sehubungan itu, nilai berdikari merupakan nilai yang dapat dikaitkan dengan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral. Hal ini timbul apabila pendekatan berfungsi sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperolehi oleh manusia dalam hidup mereka sama ada memberi impak positif atau negatif kepada mereka (Hashim Awang, 2002). Melalui kajian ini, naratif lisan iaitu mempunyai keperibadian yang bijak dalam meneruskan kehidupan kerana sikap berdikari beliau tidak mengira usia walaupun beliau seorang yang terlanjut usia namun itu hanya sekadar angka. Namun, semua golongan tua atau muda mendapat pengajaran daripadanya kerana beliau merasakan kehidupan di dunia ini merupakan sebuah kehidupan yang harus diteruskan hingga akhirya dan tanpa mengharapkan pertolongan dari sesiapa kerana tidak semua orang akan mampu tolong selamanya.

### 4.4 Nilai Bijaksana

Bijaksana adalah kata sifat yang digunakan untuk menggambarkan seseorang yang memiliki pemahaman yang mendalam, kebijaksanaan, dan kemampuan untuk membuat keputusan yang baik berdasarkan pengalaman, pengetahuan, dan pertimbangan yang matang. Dengan kata lain, ketinggian akal budi seseorang individu yang mencerminkan pemikiran, perbuatan dan sikap seseorang insan yang mendukung kebijaksanaan, kehalusan jiwa serta keindahan (Norazimah Zakaria, 2017). Rentetan itu, erti kata lain kebijaksanaan dapat didefinisikan juga sebagai ketajaman akal budi, kecerdasan fikiran, ketelitian tindakan dan kemahiran dalam ilmu tertentu.



FYP FTKW

### 4.4.1 Tipu Helah

Insan yang bijaksana mempunyai kualiti dalam berpengetahuan dan memiliki kapasiti untuk menggunakan pengetahuan tersebut. Hal ini membuatkan nilai kebijaksanaan merangkumi segala nilai, kata-kata dan juga tingkah laku yang menunjukkan kebenaran dan kebaikan yang tinggi dalam pemikiran, pegangan, sikap, renungan dan perbuatan dalam kalangan insan (Muhammad Uthman Muhammady, 2010). Dengan penerangan yang diberikan oleh para sarjana berkaitan definisi bijaksana tersebut dimana ia merupakan sebuah nilai yang mempunyai kualiti dalam berpengetahuan. Oleh itu, dalam lirik lagu yang bertajuk Kebijaksanaan Burung Hantu terdapat nilai kebijaksanaan yang terkandung dalam lirik lagu tersebut.

*Lirik Lagu Kebijaksaan Burung Hantu*

Suasana yang tenteram aman damai di desa
Akhirnya rosak pabila kehadiran sepasang garuda
Raja mentintah untuk membunuh garuda
Namun hakitkanya bukan mudah

Ahli nujum dipanggil memberi jalan
Dengan hanya helah penuh madah
Bisa menjatuhkanya ke tanah jua
Jalan terakhinya untuk garuda pergi dari desa

Tujuh buah kapal rombongan Puteri China
Dihancurkan oleh garuda hanya empat terisisa
Membuat garuda membuang tempayan

Kesedihan diratapi raja megenang fikiran
Di tebing sungai keajaiban tecipta
Tempayan hadir di tebing sungai
Keriangan mengiringi perkahwinan

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)



FYP FTKW

Apa yang dapat disaksikan melalui lirik lagu diatas terdapat nilai bijaksana yang dilakukan oleh kerajaan dan juga burung hantu tersebut yang terkandung menerusi rangkap kedua baris yang ketujuh dan yang kelapan dimana sebalik maksud yang tersirat tersebut ia menceritakan kehadiran seekor sang garuda yang telah membuat sarang di atas sebuah pohon pauh, Pengkalan Datu. Hal ini dikatakan demikian kerana garuda itu membuat kacau sehingga menimbulkan kemarahan penduduk. Oleh itu, kerajaan membuat satu tawaran yang mengandungi tipu helah kepada garuda tersebut dengan jikalau sang garuda tersebut dapat memutuskan hubungan raja dengan Puteri China yang akan melangsungkan perkawinan garuda tersebut boleh mendiami selama-lamanya manakala gagal garuda itu perlu meninggalkan desa tersebut.

Dalam pada itu, garuda tersebut masih merasa was-was dengan hadirnya seekor burung hantu untuk meyakinkan garuda tersebut akhirnya garuda tersebut bersetuju dengan tawaran yang diberikan itu. Burung hantu tersebut merasa gembira kerana burung hantu tersebut berasa gembira. Hal ini dikatakan demikian kerana semasa rombongan Puteri China datang burung garuda telah menghancurkan beberapa kapal dan membuatkan empat kapal tersisa. Burung hantu melihat tuan puteri yang disembunyikan kedalam tempayan tersebut lalu memberitahu kepada garuda. Namun segala rancangan burung hantu tersebut gagal apabila salah satu tempayan yang dilemparkan oleh garuda itu terselamat dan hanyut di tebing sungai. Burung hantu yang menyokong garuda tersebut dibenci oleh unggas lain dan menyebabkan ia berasa malu untuk keluar malam. Jelaslah, kebijaksaan terserlah oleh pihak kerajaan dalam tipu helah menghalau garuda tersebut keluar dari kampung Pengkalan Datu. Oleh itu setiap insan turut berperanan membentuk dan melakar kebijaksanaan insan untuk kegunaan masa hadapan.

FYP FTKW

FYP FTKW

Konklusinya, dengan naratif lisan yang telah ditranskripsikan ke dalam bentuk lirik lagu dan juga telah mengeluarkan nilai berdikari dalam kehidupan ia boleh dikaitkan dengan pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan moral adalah sebagai sebuah pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperolehi oleh manusia dalam hidup mereka sama ada memberi impak positif atau negatif kepada mereka (Hashim Awang, 2002).

4.5 Nilai Hemah Tinggi

Selanjutnya, nilai yang seterusnya adalah nilai hemah tinggi dimana secara kefahaman dapat memahami "hemah" sebagai sebuah sifat yang bererti bijaksana, cerdas, mahupun pandai. Manakala nilai "hemah tinggi" pula dapat dimaksudkan sebagai pencapaian atau sebuah penilaian yang tinggi terhadap sifat-sifat etika dan moral dapat memperlihatkan sikap yang baik, bertindak dengan intergiti dan memiliki moral yang kuat agar dapat mencerminkan kemampuan seseorang untuk membuat keputusan yang baik, memiliki pemahaman yang mendalam tentang kehidupan, dan memiliki pandangan yang luas (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2014).

Rentetan itu, nilai hemah tinggi memiliki kemampuan berkomunikasi yang sangat baik, baik secara lisan maupun tertulis. Hal ini dapat memberi makna mengenai tingkah laku atau sikap setiap individu yang semestinya menjurus kepada membawa kebaikan kepada mereka agar dapat menyampaikan atau memberi contoh kepada masyarakat. Sehubungan itu, kajian lirik lirik lagu banyak memupuk nilai hemah tinggi kerana masyarakat sekarang kebanyakannya bersifat mulia dari segi percakapan, bertolak ansur dan sebagainya. Dengan itu, pengkaji akan membataskan beberapa konsep nilai hemah tinggi Iaitu sopan santun dan berahmah mesra.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.5.1 Sopan Santun

Seperti yang dinyatakan di atas, menerusi petikan naratif lisan naratif lisan Rumah Api Penyelamat Saudagar yang pengkaji telah mentranskripsikan ke dalam bentuk lirik lagu. Namun bukan itu sahaja, pengkaji juga telah menerapkan nilai hemah tinggi melalui sikap sopan santun yang membawa maksud kepada menekankan perilakuan yang sopan dan ramah terhadap orang lain. Hal ini telah melibatkan penggunaan kata-kata yang sopan serta penampilan yang rapi ketika sikap yang bersahaja (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018).

Seterusnya, perkataan sopan santun kata "sopan" juga terkait dengan kesantunan atau kesusilaan dalam berinteraksi dengan orang lain ini merupakan penghormatan terhadap norma-norma sosial dan budaya. Manakala perkataan “santun” pula Santun ia terkait dengan prinsip dan nilai yang dihargai tutur kata yang lembut, tidak kasar, dan tidak menyakitkan. Orang yang bersikap santun cenderung menggunakan bahasa dengan cara yang memperlihatkan.

kelembutan dan kesopanan (Kamus Dewan, 2006 ). Jelaslah, bahawa melalui pandangan para sarjana di atas sikap sopan santun merupakan sebuah sikap yang merangkumi tindakan seseorang manusia semasa bercakap atau kelakuan yang dilakukan olehnya. Dengan itu, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk Rumah Api Penyelamat Saudagar.

*Lirik Lagu Rumah Api Penyelamat Saudagar*

*Hujan turun dengan derasnya*
*Saudagar terjebak, tak tahu harus ke mana*
*Laut bergelora dalam keadaan keresahan*
*Dia mencari cahaya, harapan dalam kebingungannya*

*Rumah api, oh rumah yang tulus*
*Penyelamat di malam yang gelap*
*Dengan hati yang lapang, cahaya yang terang*
*Mengajarinya arti sejati dalam hidup*



FYP FTKW

*Mereka hidup dalam harmoni*
*Orangnya lembut baik budi perketi*
*Tidak sombong saat berbicara*
*Dalam saling membantu, mereka temukan kekayaan*

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)

Dapat ditunjukkan menerusi lirik lagu diatas pada rangkap yang ketiga baris kesepuluh dan juga kesebelas yang menceritakan seorang saudagar yang sangat kaya raya sehingga dikatakan hartanya tidak dek makan oleh tujuh keturunan. Hal ini dikatakan demikian kerana orang kaya tersebut sangat lembut hati dengan masyarakat kampung dan sangat berbudi pekerti ketika bercakap dan perilakunya terhadap masyarakat sekeliling biarpun beliau adalah merupakan seorang yang kaya raya.

Sehubungan dengan itu tutur kata yang sopan telah membuatkannya disegani masyarakat kampung dan anak-anak kapal beliau. Oleh itu, jelaslah bahawa sikap sopan santun merupakan sesuatu perkara yang asas dan telah diajar oleh masyarakat terdahulu lagi dalam mendidik masyarakat. Maka dengan ini sebagai manusia kita haruslah menghidupkan amalan sopan santun supaya generasi akan datang amalan ini dapat dijaga agar kehormatan diri sendiri dan wibawa dalam interaksi sosial tidak kian terpupus dan akan mengakibatkan norma kehidupan berubah jika ia tidak diterapkan dalam kehidupan.

4.5.2 Berahmah Mesra

Selain itu, menerusi petikan naratif lisan naratif lisan Simbolik Rebana yang pengkaji telah mentranskripsikan ke dalam bentuk lirik lagu. Dalam hal ini, pengkaji telah menyatakan bahawa nilai hemah tinggi sikap beramah mesra adalah manusia yang dapat mewujudkan suasana bermasyarakat secara ikatan perhubungan mesra, iaitu akrab, boleh berkomunikasi dengan baik, berkelakuan baik dan kelakuan dan tutur kata (Hashim Musa, 2008 Siti Rabiatul Adawiah Jaffar, 2013 dan Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018).



FYP FTKW

Rahmah mesra juga dapat diertikan sebagai senang bertegur sapa dan lembut dalam hubungan dengan orang lain ini merangkumi sikap saling menghormati, kepedulian terhadap keadaan orang lain, dan kemahuan untuk membantu dan dapat memberikan sokongan (Asiah Abdul Rahman, 2011). Oleh hal yang demikian, sikap ramah merujuk pada pandangan para sarjana di atas ia dapat didefinisikan sebagai sebuah sikap yang suka menegur masyarakat dan tidak sombong dalam sesebuah kehidupan bermasyarakatan. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk Simbolik Rebana.

*Lirik Lagu Simbolik Rebana*

*Bagai aur dengan tebing, bagai isi dengan kuku*
*Rebana berdentum di hari yang tenang*
*Dengarkan irama yang lembut bergetar*
*Mengalun dalam harmoni, di hati kita*

*Rebana, oh alat perkusi indah*
*Bertutur dalam nada yang lembut*
*Dalam getaranmu, kita menemukan kekuatan*
*Untuk bersama-sama berdansa dan bernyanyi*

*Rebana memimpin dengan suara yang tulus*
*Rebana mengingatkan kita pada kedamaian*
*Melalui musik ini, kita menyatu*
*Dalam keragaman, kita menemukan kesatuan*

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)

Seperti yang telah dinyatakan dalam lirik lagu di atas sikap ramah mesra dalam rangkap pertama baris yang pertama sehingga keempat menjelaskan bahawa sebuah perhubungan yang mereka amalkan dalam desa tersebut agar tidak terputus nilai sebuah persaudaraan dan persahabatan. Menerusi baris pertama ia memberi gambaran seperti hubungan adik beradik kandung yang saling membantu antara satu sama lain sekiranya salah seorang daripada mereka ditimpa masalah dan sebagainya.



FYP FTKW

Natijahnya, melalui cerita-naratif lisan yang telah ditranskripsikan ke dalam bentuk lirik lagu yang telah mengeluarkan nilai berhemah tinggi dimana ia boleh dikaitkan dengan pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan moral adalah sebagai sebuah pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperolehi oleh manusia dalam hidup mereka sama ada memberi impak positif atau negatif kepada mereka (Hashim Awang, 2002). Hal ini dapat dilihat melalui salah satu cerita seorang saudagar yang sangat kaya sangat lembut hati degang masyarakat kampung dan sangat berbudi pekerti. Jelaslah bahawa saudagar tersebut tidak mendongak langit walaupun dia seorang yang  kaya.

### 4.6 Nilai Kerajianan

Umum mengetahui bahawa sifat nilai kerajinan ini adalah suatu sifat atau sikap yang ditandai oleh kegigihan, ketabahan, dan disiplin dalam melakukan apa-apa pekerjaan atau tugas. Hal ini dikatakan demikian kerana segala usaha yang dilakukan secara berterusan dengan penuh semangat, ketekunan dan kegigihan demi mengejar setiap matlamat yang dipasang dalam kehidupan agar dapat mengapai kejayaan serta kecemerlangan (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Selain itu juga, sifat rajin boleh dikatakan juga sebagai berkorban demi masa dan tenaga dalam melakukan perkara atau sesuatu kerja yang mendatangkan faedah kepada individu. Rentetan daripada itu rajin sering dihubungkan kait dengan produktiviti dan hasilnya dalam pelbagai aspek kehidupan, baik dalam karier, pendidikan, mahupun kehidupan seharian. Orang yang rajin biasanya memiliki kemampuan untuk mengatur waktu dengan baik, menyelesaikan tugas-tugas dengan efisien, dan mencapai tujuan yang telah ditetapkan. Pada masa kini dapat dilihat sifat rajin dan terus berusaha adalah satu perlakuan yang mulia bagi masyarakat kini dan diamalkan oleh semua golongan masyarakat agar dapat nilai kerajinan ini akan dipandang tinggi dalam

FYP FTKW

negara mahupun luar negara sampai bila-bila (Haslindar, 2019). Dengan itu pengkaji juga telah membataskan nilai kerajinan ini kepada dua konsep daya usaha dan kegigihan.

4.6.1 Berusaha

Seperti yang telah dinyatakan dalam petikan naratif lisan Keajaiban Si Kera Putih pengkaji telah memilih naratif lisan tersebut lalu di transkripsi ke dalam bentuk Lirik lagu. Hal ini bersangkut paut kerana nilai murni yang dapat dikesan dalam lirik lirik lagu yang dibuat oleh pengkaji tersebut telah membuktikan keunikan yang ada dalam lirik lagu tersebut dan dapat memberi satu nilai yang sangat bermutu serta kebaikan dalam kajian ini. Berusaha merujuk pada sesuatu usaha atau tindakan yang dilakukan dengan tekad dan niat yang bersungguh-sungguh atau bekerja dengan tekun untuk mencapai sesuatu sedaya upaya agar matlamat yang dipasang menjadi kenyataan (Nor Aishah Buang, 2002). Oleh hal yang demikian huraian yang telah dikemukakan di atas melalui pandangan para sarjana mengenai sikap berusaha dan dapat diterjemahkan kepada sebuah sikap yang wujud di dalam diri seseorang yang sentiasa berusaha dalam mendapatkan sesuatu perkara yang dia inginkan. Tamsilnya, contoh yang dapat diberikan mengenai nilai tersebut adalah dapat dilihat dalam lirik lagu yang bertajuk Keajaiban Si Kera Putih.

*Lirik Lagu Keajaiban Si Kera Putih*

*300 tahun dulu kala cerita tentang kera putih,*
*Si Kera Putih, misteri yang nyata,*
*Kera putih penjaga alam*
*Haji Long Abdul Rahman lelaki tua*
*Wajah seakan golongan ulama*

*Mengahrungi hutan belantara demi secebis ilmu*
*Menetap di sebuah kampung bertumpang rehat*
*Kawasan yang semak samun ditebas olehnya*
*Senja hampir tiba keletihan telah mengusai*
*Tertidur hingga keesokanya.*



FYP FTKW

*Pagi yang indah diringi kejutan*
*Pabila semak samun kembali seperti asal*
*Berasa agak hairan tapi nyata*
*Dengan tekad berjaga malam apa yang berlaku*
*Unggun api dinyala bagi menanti keajaiban*
*Seekor kera putih melompat lompat*

Adakah hantu jembalang
Tidak ketahui asal usulnya
Pagi hari kawasan yang dibersihkan
Tidak tumbuh seperti semalamnya
Kera putih berlalu pergi tok haji

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)

Oleh hal yang demikian berdasarkan lirik lagu yang ditunjukan di atas nilai kerajinan menerusi sikap berusaha dapat dikesan melalui rangkap yang kedua dari baris kelima hingga kesembilan dimana ia mengisahkan mengenai seorang lelaki tua yang bernama Haji Long Abdul Rahman yang mempunyai wajah seakan golongan ulama. Beliau telah mengembara dari sebuah tempat ke sebuah tempat yang lain mengharungi hutan belantara untuk mencari secebis ilmu agama dan juga pengalaman yang baru.Dengan perkara ini maka terbuktilah bahawa sikap kerajinan dalam diri beliau untuk mendapatkan ilmu agama tanpa mengira jarak jauhnya dan beliau yakin segala usaha penat lelahnya akan mendatangkan hasil yang lumayan di masa akan datang.

Sementera itu, menerusi petikan naratif lisan Rumah Api Penyelamat Saudagar yang telah dipilih oleh pengkaji untuk ditranskripsi ke dalam bentuk lirik lagu rakyat. Hal ini menjelaskan bahawa seseorang manusia yang sangat rajin berusaha dalam mencari rezeki demi berkongsi rezekinya dengan orang disekelilingnya . Namun begitu, pengkaji juga mengaitkan nilai murni kerajinan yang ada dalam diri seseorang yang kuat berusaha. Nilai murni kerajinan melalui berusaha adalah seseorang manusia yang memiliki sikap berusaha secara berterusan, tekun dan bersungguh-sungguh agar memperolehi matlamat serta sasaran dan cita-cita demi mencapai sebuah kejayaan dalam sesebuah kehidupan (Mohd



FYP FTKW

Firdaus Che Yaacob, 2018). Dengan itu, melalui pandangan yang diberikan oleh para sarjana diatas cukup untuk menyampaikan sikap berusaha seseorang yang rajin bekerja dalam mendapatkan sesuatu. Maka contoh yang boleh diberikan Berdasarkan nilai yang dikemukan adalah dapat dilihat dalam lirik lagu yang bertajuk Rumah Api Penyelamat Saudagar.

*Lirik Lagu Rumah Api Penyelamat Saudagar*

*Hujan turun dengan derasnya*
*Saudagar terjebak, tak tahu harus ke mana*
*Laut bergelora dalam keadaan keresahan*
*Dia mencari cahaya, harapan dalam kebingungannya*

*Rumah api, oh rumah yang tulus*
*Penyelamat di malam yang gelap*
*Dengan hati yang lapang, cahaya yang terang*
*Mengajarinya arti sejati dalam hidup*

*Mereka hidup dalam harmoni*
*Orangnya lembut baik budi perketi*
*Tidak sombong saat berbicara*
*Dalam saling membantu, mereka temukan kekayaan*

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)

Seterusnya, sikap berusaha yang terlihat dalam rangkap dua baris kelima hingga kelapan dimana ia mengisahkan seorang manusia yang kaya raya rajin berusaha melalui lirik lagu di atas beliau mendapat sesuatu yang diinginkannya walaupun perkara tersebut tidak disangka, kerana Allah SWT akan memberi rezeki yang murah kepada orang yang ringan tulang dalam melakukan sesuatu dengan ikhlas. Selain itu juga, semasa beliau dalam pelayaran dan beberapa hari di lautan suatu kejadian yang tidak diingini berlaku apabila angin kencang yang sangat kuat yang membuatkan lautan bergelora yang menyebabkan kapal beliau yang terumbang ambing di lautan dan menyebabkan ia terdampar di lautan yang sangat luas tanpa arah tuju. Namun itu bukan penghalang bagi beliau, beliau tetap berusaha dan terus bersemangat dalam mencari daratan walaupun risiko yang mendatang.



FYP FTKW

Perkara ini sudah menjelaskan bahawa nilai kerajinan dalam sikap berusaha terbukti dengan setiap masalah yang ditimpa beliau sentiasa berusaha dalam mencari jalan hingga ke akhirnya.

### 4.6.2 Kegigihan

Dalam pada itu, menerusi petikan naratif lisan Keasyikan Suara Buluh Perindu pengkaji telah memilih naratif lisan tersebut untuk ditranskripsikan kepada lirik lagu rakyat. Seperti yang sedia maklum nilai kerajinan menerusi kegigihan dapat ditonjolkan melalui lirik lirik lagu tersebut yang telah dicipta oleh pengkaji. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap individu memiliki sebuah usaha yang secara berterusan dengan penuh semangat ketekunan serta kegigihan dalam membuat sesuatu perkara (Rozita Sanapi 2003). Dengan itu, setiap usaha yang dilakukan akan mendapat balasanya serta sekaligus akan memupuk keyakinan pada diri seseorang untuk terus maju ke hadapan (Abdul Rahman Md. Aroff, 1993). Akibat daripada itu melalui pandangan sarjana di atas usaha tidak pernah mengkhianati hasilnya malah makin kuat seseorang itu berusaha dengan gigih makan impak kepada hasil yang akan diperolehinya berganda. Sebagai contoh yang boleh diambil menerusi lirik lagu yang berjudul Keasyikan Suara Buluh Perindu.

*Lirik Lagu Keasyikan Suara Buluh*

*Di hutan sunyi, buluh perindu berbisik lembut*
*Suara alam yang ajaib, melodi alam yang suci*
*Keasyikan dalam getaran pohon dan dedaun*
*Mengalirkan ketenangan, di dalam hati kita*

*Buluh perindu, oh alam yang magis*
*Suara yang mempesona, melukiskan kehidupan*
*Kita terdiam dalam keajaiban*
*Mendengarkan musik alam, kita menyatu*



FYP FTKW

*Menemukan kedamaian yang hakiki*
*Menghargai keindahan alam yang memberikan ketenangan*
*Melalui buluh perindu, kita merasakan kehidupan*

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)

Dalam lirik lagu tersebut menerusi rangkap yang pertama dan baris yang pertama nilai kerajinan menerusi sikap kegigihan dapat diterapkan dan dilihat apabila lelaki tersebut melakukan pelbagai aktiviti pertanian untuk kehidupan seharianya agar mendapat sumber makanan yang mencukupi. Hal ini membuatkan lelaki tersebut memerah keringat dan membanting tulang empat kerat seorang diri dengan melakukan aktiviti seperti menebas semak samun mencari buluh di hutan belantara untuk dijadikan tempat perteduhan sambil ditemani dengan pelbagai binatang yang liar. Maka dengan kenyataan diatas sikap kegigihan lelaki tersebut terserlah dengan jelasnya dalam mendapatkan sumber makanan yang cukup dan tempat tinggal yang boleh dikatakan selesa untuk didami.

Akhir sekali, nilai kerajinan merupakan nilai yang dikenal pasti melalui pendekatan moral melalui teori Pengkaedahan Melayu. Rentetan itu, ini telah membuktikan bahawa pendekatan moral berfungsi sebagai pendekatan yang menunjukkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperolehi manusia dalam kehidupan memberi kesan positif atau negatif kepada seseorang itu (Hashim Awang, 2002). Hal ini membuatkan ia dapat dijelaskan dengan kesanggupan mereka bekerja keras untuk mendapatkan sesuatu yang hebat kerana mereka yang bekerja keras akan sentiasa disanjung oleh masyarakat. Namun, sifat kerja keras tidak membenarkan niat palsu. Sebagai contoh, jika anda membantu orang lain dengan mengharapkan balasan, Tuhan tidak akan memberi ganjaran kepada anda. Rumusannya, seseorang itu hendaklah mengembangkan sifat rajin dalam diri agar hidupnya sentiasa dicintai dan dirahmati Allah SWT.



FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 4.7 Nilai Kebebasan

Nilai yang seterusnya adalah merupakan nilai kebebasan dimana ia merangkumi kepada semua golongan masyarakat yang mempunyai penghargaan terhadap hak setiap individu untuk memiliki kebebasan pribadi, seperti kebebasan berpendapat, beragama, dan melakukan aktiviti yang tidak melanggar hak-hak orang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana kebebasan ditakrifkan sebagai fikiran, fizikal, mental, emosi, dan intelek yang tidak dibebani oleh peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh agama, masyarakat, atau bangsa (Firdaus Che Yacob, 2018). Tambahan pula, dari perspektif Islam, kebebasan merangkumi minda yang tidak terikat dan minda yang tidak terkekang, yang tidak menindas seseorang dari sudut fizikal dan mental (Hashim Musa, 2008). Kebebasan sering dianggap sebagai nilai fundamental dalam sistem demokratik dan masyarakat yang menghargai hak asasi manusia. Rentetan daripada itu setiap orang di negara berhak untuk mengeluarkan suara dan pendapat tentang mengenai apa- apa yang negara mereka lakukan yang bertentangan dengan undang-undang semasa. Oleh itu, pengkaji mengehadkan satu konsep nilai kebebasan iaitu kebebasan bersuara.

### 4.7.1 Kebebasan Bersuara

Seperti yang dinyatakan di atas, pengkaji telah mengambil petikan naratif lisan yang disebutkan di atas iaitu naratif lisan Lipat Sanggul Petempatan Residen British untuk ditranskripsi ke dalam bentuk lirik lagu bagi meningkatkan lagi kajian. Oleh itu, nilai murni kebebasan dapat dikaitkan dalam lirik lagu Lipat Sanggul Petempatan Resedin Britsh yang memperkatakan mengenai orang British yang menetap di sebuah kampung dengan bebas melakukan pelbagai aktiviti di kampung tersebut.

FYP FTKW

FYP FTKW

*Lirik Lagu Lipat Sanggul Petempatan Resedin Britsh*

*Perang dunia kedua telah berlalu*
*Desa Lipat Sanggul, harmoni yang indah,*
*Bersama alam, hidup rukun kita*
*Horward yang ada tinggal di desa, disenangi rakyat jelita*

*Pada suatu hari yang indah, burung-burung berkicauwan*
*Cik Milah pengsan tanpa sedarkan diri,*
*Kaki nyaaa dipatukk ular,*
*Pak dollah menjerit meminta tolong*

*Akhirnya cik melah selamat, merasa kesyukuran*
*Atas nikmat kesembuhan diberikan*
*Terima kasih Horward dan juga Pak Dollah*

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)

Seperti mana yang dikatakan mengenai kebebasan bersuara menerusi rangkap yang pertama baris yang ketiga dan juga yang keempat dapat dilihat seorang warga British yang masih menetap di kampung Lipat Sanggul selepas tamatnya perang dunia kedua di Tanah Melayu dan nama beliau adalah Horward Foster. Beliau diterima baik oleh penduduk kampung tersebut dengan hati yang terbuka. Hal ini kerana beliau mempunyai peribadi yang baik dan mempunyai tutur kata yang sangat baik dalam bahasa melayu. Oleh itu, menjadikan masyarakat kampung tidak kekok untuk bergaul dan menyuarakan pendapat serta buah fikiran kepadanya.

Oleh itu, nilai kebebasan mengikut pendekatan sosial boleh dikaitkan dengan teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini dikatakan kerana pada pendapat beliau (Hashim Awan, 2002) pendekatan masyarakat merupakan medium yang membawa kepada kebahagiaan hidup bermasyarakat, pengukuhan iman dan taqwa, serta kebaikan. Satu contoh yang boleh diambil untuk dijadikan pendoman dalam hidup kita ialah mereka yang hidup dalam dunia mempunyai hak untuk bersuara jika isu itu bercanggah di mata mereka.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 4.8 Nilai Kasih Sayang

Kasih sayang adalah sebuah nilai yang ada pada semua golongan masyarakat di dalam dunia ini kerana setiap manusia mempunyai nilai kemanusiaan. Hal ini membuatkan perasaan tersebut timbul dengan secara semula jadi dalam diri setiap individu dalam masyarakat. Kasih sayang adalah kunci utama dalam hidup agar ia dapat mewujudkan sebuah hubungan yang erat, sihat, harmoni serta bahagia tanpa wujudnya sebarang masalah (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Dengan itu, Menurut (Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan, 2002), kasih sayang boleh didefinisikan sebagai sifat belas kasihan, perasaan cinta dan sayang, belas kasihan serta pertemuan hati. Manakala menurut (Kamus Dewan Bahasa, 2016) erti kata "kasih" adalah perasaan sayang terhadap seseorang atau sesuatu seperti agama, negara, dan bangsa. Oleh itu, hal ini dapat dirumuskan mengenai nilai kasih sayang dimana ia adalah sebuah perasaan emosi dan belas kasihan yang halus yang timbul daripada hati yang ikhlas terhadap orang lain dan berusaha untuk meringankan beban yang mereka hadapi. Sebagai manusia, kita hendaklah memupuk sikap kasih sayang dalam diri agar disayangi dan didamaikan. Walaupun pertengkaran berlaku, kita akan lebih bahagia dan lebih harmoni. Berdasarkan nilai kasih sayang, pengkaji akan membataskan beberapa konsep nilai kasih sayang iaitu cinta kekeluargaan dan cintakan negara.

### 4.8.1 Cinta Kekeluargaan

Pengkaji telah mengambil sebuah naratif lisan yang bertajuk Kain Sutera Cina yang telah digubal menjadi sebuah bentuk lagu rakyat. Secara umumnya semua mengetahui bahawa pengkaji menilai sikap kasih sayang terhadap kekeluargaan. Urusan dan masalah yang berkaitan dgn keluarga atau hubungan sebagai anggota di dalam sesuatu keluarga berasaskan perhubungan keturunan atau disebabkan perkahwinan. (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018) merumuskan nilai kasih sayang adalah sebagai wujudnya perasaan



FYP FTKW

terhadap sesama manusia dan mengatakan perasaan ini boleh mewujudkan ikatan dalam hubungan yang sangat utuh.

Namun begitu, pandangan sarjana yang disebutkan di atas jelas menerangkan mengenai sikap orang yang sayangkan akan keluarganya. Hal ini kerana, ia selalunya terdiri daripada ikatan yang sangat rapat dan bersedia untuk melakukan apa-apa sahaja. Untuk dijadikan contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk Kain Sutera Cina.

*Lirik Lagu Kain Sutera Cina*

*Dalam sebuah desa di Pengkalan Datu*
*Tersembunyi cerita yang tak terlupakan*
*Hassan dan Hussin kawan yang melengkapi*
*Satu kejadian membuat hatinya terusik*
*Kesedihannya membuat ia bertekad*
*Mencari ikhtiar merawat luka*

*Hutan belantara sanggup diharungi*
*Walau apa yang terjadi tetap janji dikotai*
*Hujan mulai membasahi bumi hari berlabuh senja*
*Membuatkan mereka lena dibuai mimpi*

*Dalam mimpi hadirnya sang Puteri jelita*
*Niat murni mereka membawa kebahagiaan*
*Dihadiakan selembar kain sutera saat terjaganya*
*Mereka belalu pergi demi mengkotai janji*

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)

Lirik lagu diatas menunjukkan nilai kasih sayang terhadap keluarga menerusi rangkap yang pertama dan juga yang kedua. Pada rangkap pertama baris yang keempat menunjukan salah seorang ahli keluarga Hassan yang mengalami kecederaan yang sangat parah. Hassan tidak sanggup melihat ahli keluarganya itu menahan sakit berbulan-bulan. Namun kerana sifat kasih sayang cinta terhadap keluarganya Hassan dan Hussin sanggup memasuki hutan belantara demi mencari penawar terhadap sakit oleh ahli keluarganya. Perkara ini jelas dan terbukti yang menunjukan sifat kasih sayang terhadap kekeluargaan



FYP FTKW

dapat ditonjolkan oleh Hassan dalam sanggup menggadai nyawanya demi mencari ubat penawar untuk ahli keluarganya.

4.8.2 Cintakan Negara

Sebagaimana yang kita ketahuinya merujuk pada petikan naratif lisan Kota Jembal pengkaji telah membuat satu transkripsi ke dalam bentuk lirik lagu yang bertajuk Kota Jembal. Dalam hal ini, pengkaji turut mengaitkan sebuah nilai murni iaitu kasih sayang menerusi sikap cintakan akan negara sebagai kekuatan agar ia dapat dijadikan panduan yang lebih mantap dalam kajian ini. Hal ini akan membolehkan semua lapisan masyarakat mengembangkan semangat patriotisme dan bangga terhadap negara sebagai tanah air tempat tumpahnya darahnya. Berdasarkan pandangan sarjana di atas semua masyarakat di negara ini cinta akan semangat patriotisme yang ditunjukan dengan sanggup berjuang demi kesejahteraan negeri tercinta. Contoh yang dapat diberikan adalah menerusi lirik lagu Kota Jembal.

*Lirik Lagu Kota Jembal*

Dalam keheningan malam dan siang
Warga Kota Jembal menyebarkan kasih
Mengulurkan tangan, membantu satu sama lain
Kita belajar, cinta takkan hilang begitu saja

Kota Jembal, oh kota yang indah
Tempat di mana hati dan jiwa bersatu
Ketulusan dan persaudaraan
Kita jadikan pusat dalam hidup kita

Di bawah cahaya bulan dan bintang
Kita rayakan kehidupan yang penuh makna
Kerja keras, kejujuran, dan kedamaian
Kita jadikan pedoman dalam setiap langkah kita

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)

Berdasarkan lirik lagu diatas pada rangkap yang kedua baris yang ke enam hingga ke lapan nilai kasih sayang terserlah dan menggambarkan dalam lirik tersebut apabila sikap manusia yang cinta akan negara mengenai seorang raja yang cinta akan negaranya iaitu Kota



FYP FTKW

Jembal raja tersebut telah membangunkan sebuah negeri di kawasan yang lapang itu. Hal ini dapat dilihat daripada penduduk Kota Jembal yang memberikan ketaatan setia kepada raja yang membawa keamanan kepada kota baru yang dibinanya. Jelaslah bahawa sebagai manusia, kita hendaklah memupuk sikap kasih sayang dalam diri kita agar hidup kita sentiasa diberkati dan tenteram oleh Allah.

### 4.9 Nilai Kejujuran

Nilai yang terakhir sekali adalah nilai kejujuran di mana nilai kejujuran adalah merupakan sebuah sifat atau tindakan yang mencerminkan keterbukaan dan ketulusan dalam berbicara atau bertindak. Seseorang yang jujur berusaha untuk mengungkapkan kebenaran dan tidak memanipulasi fakta atau informasi. Kejujuran sangat merangkumi konsistensi antara apa yang dikatakan dan apa yang dilakukan, serta sikap yang tulus dan terbuka terhadap orang lain. Nilai kejujuran bermaksud mana-mana manusia mempunyai sifat jujur dan amanah, serta setia bercakap benar dan melakukan sesuatu tanpa niat jahat serta tidak mengharapkan balasan daripada orang lain (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Lebih-lebih lagi, orang yang bersikap jujur ini akan sentiasa kelihatan bijak dan berfikir dengan baik dalam setiap perkara yang dilakukan. Oleh itu, jelas bahawa pengkaji mengehadkan beberapa idea tentang nilai kejujuran ikhlas.

#### 4.9.1 Keikhlasan

Dalam Naratif lisan kisah naratif lisan Asal Usul Datu menjadi pilihan di hati pengkaji untuk ditranskripsikan ke dalam bentuk lirik lagu bagi membuktikan nilai kejujuran yang ada dalam naratif lisan tersebut. Perkara ini disebabkan mengisahkan mengenai seorang pemuda bernama Datu ditugaskan mengambil bunga ufti. Kejujuran adalah sangat penting dan berharga yang mesti dimiliki oleh seseorang manusia. Kekurangan kejujuran boleh



FYP FTKW

menyebabkan ketidak percayaan orang lain terhadap orang yang dianggap jujur. Manakala seseorang yang bertindak dengan jujur dalam keikhlasan melakukan sesuatu tanpa mengharapkan balasan atau ganjaran sama ada baik dalam bentuk duit mahupun pujian (Kamus Dewan 2016). Oleh itu, memberikan bantuan atau menolong sesuatu perkara tanpa mengharapkan apa-apa balasan adalah satu perkara yang mulia, dengan ini kita dapat lihat menerusi lirik lirik lagu yang bertajuk Asal Usul Datu.

*Lirik Lagu Asal Usul Datu*

*Di tanah Kelantan yang mekar subur*
*Terhampar lautan dan alam yang indah*
*Datu datang membawa cinta dan pengetahuan*
*Memimpin semua dalam kehidupan*

*Datu, pahlawan kami*
*Datu, cahaya hati*
*Di tanah Kelantan, kau bersinar*
*Asal usul kita, kau membawa*

*Bersama di bawah matahari yang terbit*
*Kita pelihara nilai-nilai yang tulus*
*Kasih sayang, kejujuran, persatuan kita*
*Merupakan cahaya dalam hidup kita*

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)

Seterusnya, merujuk lirik lagu diatas dalam rangkap pertama menerusi baris yang ketiga terserlah nilai kejujuran dalam keikhlasan melalui sikap Datu yang sanggup menyeberangi sungai untuk ke seberang untuk mengambil bunga ufti dari kerajaan Terengganu tanpa menipu dalam mengambil kesempatan dalam kesulitan bunga ufit tersebut. Hal ini jelas terserlah dengan sikap kejujuran yang ditonjolkan oleh Datu. Hal ini kerana beliau ikhlas dalam melakukan setiap pekerjaan yang dibuatnya tanpa ada unsur penipuan. Oleh itu, akhir kata nilai kejujuran boleh dikaitkan dengan teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan Dakwah. Dalam hal ini, pendekatan dakwah berfungsi sebagai persoalan mengenai kesucian dan keunggulan Islam, yang membawa kepada kemurnian Islam



FYP FTKW

dihormati oleh orang Islam dan bukan Islam (Hashim Awang, 2002). Natijahnya, manusia kita harus bersikap jujur dalam melakukan sesuatu agar semuanya sentiasa mendapat keberkatan dan diredhai Allah SWT. Oleh itu, semua golongan masyarakat mesti jujur dalam semua perkara supaya sentiasa mendapat kepercayaan dan menjadi contoh kepada orang lain.

### 4.10 Nilai Hormat Menghormati

Nilai murni hormat-menghormati merujuk kepada tindakan atau sikap saling menghormati, menghormati, atau menghormati antara satu sama lain. Hal ini, termasuk tingkah laku yang menunjukkan kesopanan dan pengiktirafan nilai dan maruah setiap individu. Dalam konteks ini, pengertian hormat-menghormati merangkumi sikap saling menghormati antara individu atau kumpulan sebagai satu bentuk pengiktirafan terhadap hak, nilai dan maruah mereka dalam pergaulan sosial atau perhubungan manusia. Menurut (Fatimah Mohd, Yasin 2010) beliau menerangkan bahawa penglibatan masyarakat dalam aktiviti persatuan dapat memupuk sikap saling mempercayai, menghormati dan bertanggungjawab. Namun dalam islam ia mewajibkan seluruh umatnya agar sentiasa mengamalkan dan terap pada diri nilai menghormati antara satu sama lain (A. Rahman, 1991). Oleh yang demikian itu kunci utama untuk memperkuatkan ikatan tali persaudaraan dalam semua golongan masyarakat adalah hormat menghormati. Kesimpulannya, sebagai individu, adalah penting untuk menunjukkan rasa hormat kepada orang lain agar kita juga mendapat penghormatan daripada orang lain, dan kita menjadi lebih tenang, selamat, dan dirahmati oleh Allah S.W.T. Oleh itu, berdasarkan nilai hormat-menghormati, pengkaji akan memfokuskan kepada beberapa konsep nilai seperti menghormati ibu bapa, menghormati raja, dan menghormati negara.

FYP FTKW

### 4.10.1 Menerusi Jasa

Dalam konteks ini, naratif lisan berkenaan dengan asal usul Kampung Babong telah diambil oleh pengkaji dan ditukarkan ke dalam bentuk lirik lagu rakyat. Lirik lirik lagu ini mewujudkan sifat nilai-nilai murni yang memberikan keharmonian terutamanya nilai hormat kepada jasa yang ditaburkan terhadap masyarakat sekitarnya yang diterangkan dan dihayati dalam lagu tersebut. Dalam Kamus Dewan Bahasa (2016), “berjasa” dijelaskan sebagai beramal atau memberi bantuan yang besar kepada individu atau masyarakat, dengan tujuan untuk mewujudkan impak yang positif. Orang yang dianggap "berjasa" umumnya menerima penghormatan dan pengiktirafan atas sumbangan atau sumbanganyang berguna kepada mereka. Dalam konteks ini, berjasa kepada negara serta menabur jasa kepada masyarakat dianggap sebagai tingkah laku yang mempunyai nilai moral yang tinggi, di mana setiap pergaulan atau percakapan yang dijalankan mestilah mencerminkan kesopanan. Kita perlu menunjukkan tingkah laku yang sopan terutamanya apabila berada di hadapan mereka. Sebagai contoh, ini tergambar dalam lirik lagu yang bertajuk "Asal-usul Kampung Babong".

*Lirik Lagu Asal Usul Kampung Babong*

*Setiap senyuman, setiap bantuan,*
*Merupakan bekal bagi perjalanan panjang*
*Jejak berjasa, membangun keadilan,*
*Dalam kebersamaan, kita temukan kebahagiaan*

*Dalam sederhana, ada kebesaran,*
*Bersama-sama, kita ciptakan makna*
*Dengan tulus ikhlas, kita berlari,*
*Menuju dunia yang penuh kedamaian.*

*Di jejak berjasa, kita temukan makna,*
*Dalam setiap langkah, kita bawa harapan*
*Jejak berjasa, cahaya di kegelapan,*
*Bersama-sama, kita tinggalkan warisan.*

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)



FYP FTKW

Menerusi lirik lagu diatas pada rangkap yang pertama baris yang ketiga apa mengisahkan di sebalik lirik lagu tersebut adalah seorang yang paling banyak memberi jasa iaitu Tok Babung. Hal ini dikatakan demikian kerana ia berani dalam menentang perkara yang tidak sewajarnya dan juga ia menentang musuh-musuh yang membuat perkara yang tidak baik. Selain itu juga beliau sering membantu golongan yang menghadapi musibah. Oleh itu membuatkan sifatnya yang banyak menabur jasa serta baik hati membuatkan ia dihormati dan disanjung tinggi.

Sehubungan itu, nilai hormat-menghormati boleh dikaitkan dengan Teori Penerokaan Melayu khususnya pendekatan moral. Hal ini timbul apabila pendekatan bertindak sebagai kaedah yang menunjukkan pengalaman yang dialami oleh setiap individu, serta segala ilmu yang diperolehi oleh manusia dalam kehidupan mereka, baik yang memberikan impak positif mahupun negatif (Hashim Awang, 2002). Dalam kajian ini, naratif lisan memaparkan kepribadian yang terpuji terutamanya sikap hormat-menghormati yang melibatkan semua golongan tanpa mengira status sosial. Sesiapapun kita ini, walaupun terkenal, tetap menghormati semua golongan, menekankan pandangannya dan setiasa berpesan pada diri bahawa kehidupan di dunia ini adalah pinjaman yang harus diharungi dengan kerjasama dan saling menghormati antara satu sama lain.

### 4.11 Nilai Merendah Diri

Merendah diri ialah satu tingkah laku atau ciri-ciri individu yang menekankan kerendahan hati, kurang kesombongan, dan sikap rendah diri. Orang yang mengamalkan nilai merendah diri ini cenderung tidak menunjukkan kesombongan, keangkuhan, atau merasa lebih tinggi daripada orang lain. Sebaliknya, mereka terbuka untuk belajar, menerima pendapat orang lain, dan tidak merasakan mereka menjadi pusat perhatian. Selain itu, rendah diri berasal daripada perkataan tawadhu yang bermaksud sikap merendah diri terhadap sesuatu yang



FYP FTKW

dimuliakan (Achmad D. Marimba, 1981). Oleh itu, dalam setiap perbualan, adalah penting untuk bersikap sopan dan tidak menimbulkan perasaan marah kepada orang lain. Hal ini, menunjukkan bahawa sebagai seorang yang beragama Islam, kita seharusnya mengamalkan sikap bersederhana tanpa perlu menunjukkan keangkuhan dalam melakukan sesuatu tindakan agar kita dihormati dan disanjung tinggi. Dalam konteks nilai kesederhanaan, pengkaji akan memfokuskan kepada konsep merendah diri dalam pertuturan.

### 4.11.1 Sikap Pertuturan

Seperti yang dapat dilihat dalam petikan naratif lisan Asal Usul Wakaf Alk, pengkaji telah menyalin cerita ke dalam bentuk lirik lagu dengan tujuan untuk menerangkan cerita melalui medium yang lebih mudah. Atas sebab ini, pengkaji turut menyelitkan nilai murni kesederhanaan dalam lirik lagu tersebut bertujuan untuk mengukuhkan aspek nilai ini dalam konteks kajian ini. Seterusnya, kata 'pertuturan' membawa maksud gaya atau cara menuturkan sesuatu, lafas, sebutan, ucapan, apa yang dituturkan serta percakapan (Kamus Dewan Bahasa, 2016). Namun begitu, dari sudut pandangan sarjana di atas, dapat disimpulkan bahawa pertuturan merangkumi kemahiran bertutur dan perlakuan sopan dalam pelbagai situasi. Sebagai gambaran, kita boleh merujuk kepada lirik lagu yang bertajuk Asal Usul Wakaf Aik.

FYP FTKW

*Lirik Lagu Asal Usul Wakaf Aik*

*Di dalam asal usul wakaf aik Pak Cu Abu namanya,*
*Merendah diri, itulah kebesaranya,*
*Tak perlu gemerlap dunia mewah,*
*Kerana hati ini penuh dengan ketulusan jiwa.*

*Tak perlu bangga, bukan bermaksud hina,*
*Dalam kerendahan, terpancar keikhlasan,*
*Menyelesaikan masalah pergaduhan*
*Membina satu hubungan persaudaraan*

*Permainan tradisi kebangaan kami,*
*Mengheret semua bermain Bersama,*
*Tanpa mengira bangasa dan agama,*
*Keunikan Kelantan tiada tandingan*

(Mohamd Aiman Khuzairie Bin Mahazir, 2023)

Lirik lagu di atas terdapat nilai merendah diri menerusi rangkap yang pertama baris ketiga hingga kelima yang telah mengambarkan seorang tokoh Cina yang sikapnya disajung oleh masyarakat kerana adanya sikap tolenransi yang dibawanya membuatkan beliau dalam pergaulan sesama masyarakat dapat mewujudkan keakraban sesama mereka. Ditambah pula dengan sikap tidak mengira dalam apa-apa bantuan membuatkan hubungan beliau dengan masyarakat melayu bertamabah baik boleh dibaratkan dengan adik beradik. Oleh itu, jelaslah melalui sikap peramah beliau membuatkan disenangi masyarkat dan terbukti nilai murni merendah diri melalui pertuturan.

Sehubungan itu, nilai kesederhanaan merupakan satu sokongan kepada Teori Pendekatan Melayu melalui pendekatan sosial. Pendekatan ini dijelaskan sebagai sarana untuk meningkatkan kesejahteraan hidup bersama, menguatkan iman, dan memupuk ketakwaan yang membawa kepada kebaikan (Hashim Awang, 2002). Sebagai manusia, kita seharusnya menjalani kehidupan dalam keadaan yang sederhana kerana kita perlu sedar bahawa semua harta yang kita miliki adalah pinjaman daripada Allah. Oleh itu, sebagai umat Islam, penting bagi kita untuk berbakti kepada Allah agar harta yang kita miliki mendapat



FYP FTKW

keberkatan daripadaNya. Selaras dengan nilai kesederhanaan, kita tidak harus menunjuk-nunjuk kekayaan yang kita miliki, kerana pada bila-bila masa aset ini boleh hilang.

## 4.12 Kesimpulan

